FORENSIC DRUG AND TOXICOLOGY **LF300-2018:01-5/8**		*1. Examine forensic drug and toxicology test technique.*	*1.1 The importance of forensic investigation understood by the participants based on the guidelines and provisions of the law.* *1.2 Able understand the types of Forensic Drug and Toxicology test.* *1.3 Able know how to use all this method of testing.* *1.4 Able to do the correct procedure in conducting the test.* *1.5 Able to do the correct procedure in conducting the test.* *1.6 Participant able to do the correct procedure in conducting the test.*
FORENSIC FINGERPRINT **LF300-2018:01-6/8**		*1. Analyze lifting of fingerprint.*	*1.1 Ability to choose the right technique/method in fingerprint enhancement* *1.2 Ability to choose the right technique/method in fingerprint lifting*

Tajuk CU / *CU Title* **& Kod CU** */ CU Code*	**Deskripsi CU/** *CU Descriptor*	**Aktiviti Kerja /** *CU Work Activities*	**Kriteria Prestasi /** *Performance Criteria*
			1.3 Able to carry out fingerprint lifting by using JP Sheet in proper manner *1.4 Able to carry out enhancement and lifting or photo taking of oily fingerprint assisting by UV-light* *1.5 Able to differentiate the types of fingerprint* *1.6 Able to do the casting of the footprints* *1.7 Able to carry out enhancement and lifting or photo taking of smudged bloody fingerprint in a proper manner.*
CRIMINALISTICS **LF300-2018:01-7/8**		*1. Inspect collection of paint transfer*	*1.1 The importance of forensic investigation understood by the participants based on the guidelines and provisions of the law.* *1.2 The disciplines contained in forensic science practiced by the participants.* *1.3 Place of incident, victims and perpetrators, vessel can be related using paint flake/chip by the participants.* *1.4 The participant manages to compare the pattern of paint on various sample.*
COURTS **LF300-2018:01-8/8**		*1. Appraise report writing.* *2. Experiment court case.*	*1.1 Participants able to demonstrate, illustrate, Summarize, database extract and report writing.* *2.1 Able to perform, demonstrate, Summarize, database extract and report case.* *2.2 Participants able to deliver, demonstrate and present a firm statement from the beginning until the final question that ask.* *2.3 Participants able to deliver, demonstrate, perform, simulate and present expert forensic testimony.*

PROFIL TNA
TAHAP 6

KETUA EKSEKUTIF KANAN
PENGUAT KUASA MARITIM

KOMANDER MARITIM GRED T20
KEPTEN MARITIM GRED T22
LAKSAMANA PERTAMA GRED T24

CARTA PROFIL KOMPETENSI / *COMPETENCY PROFILE CHART (CPC)*

SEKSYEN / *SECTOR*	**GENERIK**		
KUMPULAN / *SUB SECTOR*	**KETUA EKSEKUTIF KANAN PENGUAT KUASA MARITIM**		
BIDANG / *JOB AREA*	**UMUM / KHAS**		
TAJUK NOSS / *NOSS TITLE*	**KURSUS GENERIK KETUA EKSEKUTIF KANAN PENGUAT KUASA MARITIM**		
TAHAP NOSS / *LEVEL*	**TAHAP 6**	**KOD NOSS** / *NOSS CODE*	**LW400-2018:**

KOMPETENSI / *COMPETENCY*	← **UNIT KOMPETENSI** / *COMPETENCY UNIT (CU)* →			
SENIOR EXECUTIVE MANAGEMENT	**TRANSFORMASI KEPIMPINAN**	**PEMBANGUNAN KEPIMPINAN EKSEKUTIF**	**PENGURUSAN PERUBAHAN**	**PENGURUSAN RUNDINGAN**
LW400-2018:	**LW400-2018:01-1/5**	**LW400-2018:01-2/5**	**LW400-2018:01-3/5**	**LW400-2018:01-4/5**
30 JAM	**6 JAM**	**6 JAM**	**6 JAM**	**6 JAM**

KEMAHIRAN KEPIMPINAN
LW400-2018:01-5/5
6 JAM

KOMPETENSI PROFAIL / *COMPETENCY PROFILE* (CP)

KUMPULAN / *SUB SECTOR*	**KETUA EKSEKUTIF KANAN PENGUAT KUASA MARITIM**
BIDANG / *JOB AREA*	**UMUM / KHAS -** ***SENIOR EXECUTIVE MANAGEMENT***
TAHAP / *LEVEL*	**TAHAP 6**

Tajuk CU / *CU Title* **& Kod CU /** *CU Code*	**Deskripsi CU/** *CU Descriptor*	**Aktiviti Kerja /** *CU Work Activities*	**Kriteria Prestasi /** *Performance Criteria*
TRANSFORMASI KEPIMPINAN LW400-2018:01-1/5	Unit kompetensi ini adalah menerangkan tentang ciri-ciri dan prinsip kepimpinan yang perlu ditunjukkan oleh Pegawai Penguat Kuasa Maritim serta menerapkan konsep budaya maritim yang telah ditetapkan oleh Agensi supaya ianya dapat dilaksanakan secara berterusan. Keberhasilan daripada unit kompetensi ini adalah menjadikan seseorang Pegawai Penguat Kuasa Maritim dapat melaksanakan tanggungjawab dan tugas yang diberikan dengan baik serta menerapkan konsep budaya maritim sepanjang masa berlandaskan arahan yang ditetapkan oleh Agensi.	1. Analisis kepentingan transformasi kepimpinan.	1.1 Peserta kompeten tentang takrifan, prinsip serta ciri-ciri kepimpinan yang baik seperti yang telah ditetapkan dalam arahan semasa yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. 1.2 Kebolehan memimpin, memberi tunjuk ajar dan menyelaras pasukan kerja yang berkesan dapat dilakukan oleh peserta ditentukan berdasarkan arahan dan pertaturan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.
PEMBANGUNAN KEPIMPINAN EKSEKUTIF **LW400-2018:01-2/5**		3. Analisis pembangunan kepimpinan eksekutif.	2.1 Membuka minda peserta agar lebih peka dan teliti apabila melaksanakan aktiviti yang dirancang melalui arahan yang ditetapkan. 2.2 Peserta kursus boleh mengendalikan segala aspek termasuk pengurusan majlis dan pengendalian insiden berdasarkan pematuhan *standard of operational (SOP) yang* sedia ada secara perkongsian.
PENGURUSAN PERUBAHAN LW400-2018:01-3/5		3. Analisis pengurusan perubahan.	3.1 Memberi petunjuk kepada peserta tentang kepelbagaian tugas dalam APMM agar sentiasa bersedia untuk menerima tugas yang telah ditetapkan oleh pekeliling sedia ada di dalam Agensi.

Tajuk CU / *CU Title* **& Kod CU** / *CU Code*	**Deskripsi CU/** *CU Descriptor*	**Aktiviti Kerja /** *CU Work Activities*	**Kriteria Prestasi /** *Performance Criteria*
PENGURUSAN RUNDINGAN LW400-2018:01-4/5		4. Analisis keperluan pengurusan rundingan.	4.1 Peserta lebih cekap dan tepat dalam membuat keputusan sepertimana yang telah ditetapkan dan ditentukan oleh arahan semasa Agensi.
KEMAHIRAN KEPIMPINAN LW400-2018:01-5/5		5. Analisis kepentingan kemahiran kepimpinan.	5.1 Peserta akan lebih terdedah dengan teori dan prinsip dalam pengurusan rundingan.

CARTA PROFIL KOMPETENSI / *COMPETENCY PROFILE CHART (CPC)*

SEKSYEN / *SECTOR*	**FUNGSIONAL**		
KUMPULAN / *SUB SECTOR*	**KETUA EKSEKUTIF KANAN PENGUAT KUASA MARITIM**		
BIDANG / *JOB AREA*	**UMUM / KHAS**		
TAJUK NOSS / *NOSS TITLE*	**KURSUS FUNGSIONAL KETUA EKSEKUTIF KANAN PENGUAT KUASA MARITIM**		
TAHAP NOSS / *LEVEL*	**TAHAP 6**	**KOD NOSS** / *NOSS CODE*	

← **KOMPETENSI** / *COMPETENCY* → ← **UNIT KOMPETENSI** / *COMPETENCY UNIT (CU)* →

MIDDLE MANAGEMENT LEADERSHIP ASSESMENT PROGRAMME (M-LEAP)	***LEADERSHIP IN COAST GUARD***	***STRATEGIC MANAGEMENT***	***INTEGRITY & SPIRITUALITY***	***EFFECTIVE COMMUNICATION***
LW600-2018:	**LW600-2018:01-1/9**	**LW600-2018:01-2/9**	**LW600-2018:01-3/9**	**LW600-2018:01-4/9**
60 JAM	**6 JAM**	**6 JAM**	**6 JAM**	**6 JAM**

CRISIS MANAGEMENT	***HUMAN RESOURCE MANAGEMENT***	***PROCUREMENT***	***STUDY VISIT & ASSIGNMENT***
LW600-2018:01-5/9	**LW600-2018:01-6/9**	**LW600-2018:01-7/9**	**LW600-2018:01-8/9**
6 JAM	**6 JAM**	**6 JAM**	**12 JAM**

PRESENTATION, ASSESSMENT AND EVALUATION.
LW600-2018:01-9/9
6 JAM

SENIOR EXECUTIVE DEVELOPMENT AND LEADERSHIP ASSESMENT PROGRAMME (E-LEAP)	***LEADERSHIP TALKS***	***CRISIS MANAGEMENT***	***GROUP DISCUSSION***	***STUDY VISIT***
LW500-2018:	**LW500-2018:01-1/5**	**LW500-2018:01-2/5**	**LW500-2018:01-3/5**	**LW500-2018:01-4/5**
60 JAM	**6 JAM**	**12 JAM**	**12 JAM**	**24 JAM**

PRESENTATION, ASSESSMENT AND EVALUATION.
LW500-2018:01-5/5
6 JAM

PROFIL KOMPETENSI / *COMPETENCY PROFILE (CP)*

KUMPULAN / *SUB SECTOR*	**KETUA EKSEKUTIF KANAN PENGUAT KUASA MARITIM**
BIDANG / *JOB AREA*	**UMUM / KHAS - *MIDDLE MANAGEMENT LEADERSHIP DEVELOPMENT AND ASSESSMENT PROGRAMME* (M-LEAP)**
TAHAP / *LEVEL*	**TAHAP 6**

Tajuk CU / *CU Title* **& Kod CU** / *CU Code*	**Deskripsi CU**/ *CU Descriptor*	**Aktiviti Kerja** / *CU Work Activities*	**Kriteria Prestasi** / *Performance Criteria*
LEADERSHIP IN COAST GUARD **LW600-2018:01-1/9**	*Leadership in Coast Guard are to give knowledge about Coast Guard members/ organizations.* *The officers who are competent in Leadership in Coast Guard should be able to describes leadership style, concepts, skills and qualities as a leader towards understanding maritime organization culture.*	*1. Define leadership in various type of maritime organization.* *2. Introduce types of leadership in Coast Guard Agencies.* *3. Understand the outcome of case study.*	*1.1 Leadership in various type of maritime organization identified.* *2.1 Type of leadership in Coast Guard agencies presented properly.* *3.1 Case study presented according to standard.*
STRATEGIC MANAGEMENT **LW600-2018:01-2/9**	*Strategic management are to plan a firm strategy in accordance to Public Policy and Standard Operating Procedure.* *The officers who are competent in Strategic management must be able to have objective in mind and to understand the differences between the types of objectives.*	*1. Define basic introduction of Strategic Management.* *2. Expose strategic planning and strategic tools.* *3. Prepare and develop Scenario planning.* *4. Evaluate risk management.*	*1.1 Basic introduction of strategic management defined correctly.* *2.1 Strategic planning and strategic Tools determined as per standard.* *3.1 Scenario planning developed accordingly.* 4.1 *Risk management evaluated correctly.*
INTEGRITY & SPIRITUALITY **LW600-2018:01-3/9**	*Integrity & Spirituality are to build and strengthen ethic of all officer.* *The officers who are competent in Integrity and Spirituality will be able to concertedly and continuously strengthen integrity of the agency.*	*1. Explain the importance of integrity and spirituality in daily work.* *2. Share and discuss consequence of misbehave.*	*1.1 Integrity and spirituality complied accordingly.* *2.1 Consequences of misbehave learned appropriately.*
EFFECTIVECOMMUNICATION **LW600-2018:01-4/9**	*Effective Communication is the process of exchanging messages through words, expressions, body language and symbols.* *The officers who are competent in Effective*	*1. Introduce managerial skill of communications.* *2. Practice and demonstrate managerial skill and communications.*	*1.1 Managerial skill and communications define correctly.* *2.1 Public speaking conducted fluently by individual.*

Tajuk CU / *CU Title* **&** **Kod CU** / *CU Code*	**Deskripsi CU**/ *CU Descriptor*	**Aktiviti Kerja** / *CU Work Activities*	**Kriteria Prestasi** / *Performance Criteria*
	communication are able to have skill and handle the communications well regardless any circumstances.		
CRISIS MANAGEMENT **LW600-2018:01-5/9**	*Crisis Management are to eliminate the potential harm regarding maritime crisis and improve standard operating procedure.* *The officers who are competent in crisis management are able to identify the real problems, manage the flow of the information and understanding the adversary of the crisis in the first place.*	*1. Introduction to levels in crisis management.* 2. *Explain SAR & Disaster Relief.* 3. *Explain Law Enforcement and Logistic Management.*	*1.1 Crisis management determined correctly.* *2.1 SAR & Disaster Relief defined correctly.* *3.1 Law Enforcement and Logistic Management described according to SOP.*
HUMAN *RESOURCE MANAGEMENT* **LW600-2018:01-6/9**	*Human Resource Management are to maintenance of better human relations in the organization by the development, application and evaluation of policies, procedures and programs relating to human resources to optimize their contribution towards the realization of organizational objectives.* *The officers who are competent in Human Resource Management are able to increase the performance of organization.*	*1. Explain composition of training required in fulfilling tasks.* 2. *Study career development.*	*1.1 Composition of training verified.* *2.1 Career development identified correctly according to career path.*
PROCUREMENT **LW600-2018:01-7/9**	*Procurement are to give knowledge in procurement process in accordance with government regulations.* *The officers who are competent in procurement are able to handle and manage procurement process well.*	*1. Introduce the process of procurement, Cost Query & Cost Verification.* 2. *Understand basic requirement of the procurement.*	*1.1 Procurement process, cost query and cost verification process explained correctly.* *2.1 Basic requirement of the procurement proses know correctly.*
STUDY VISIT & ASSIGNMENT **LW600-2018:01-8/9**	*Study Visit are to give insight about others related agencies and make a connection with agency regarding related issues.*	*1. Expose the importance of visit to other agencies.* 2. *Make an assignment regarding study visit.*	*1.1 Importance of visiting other agencies determined.* *2.1 Assignment regarding study visit presented.*

Tajuk CU / *CU Title* **& Kod CU** / *CU Code*	**Deskripsi CU**/ *CU Descriptor*	**Aktiviti Kerja** / *CU Work Activities*	**Kriteria Prestasi** / *Performance Criteria*
PRESENTATION, ASSESSMENT AND EVALUATION **LW600-2018:01-9/9**	*Presentation, assessment and evaluation are to see the level of information and knowledge that has been received.*	1. *Demonstrate presentation, assessment and evaluations on the overall courses.*	1.1 *Presentation, assessment, evaluations presented correctly.*

PROFIL KOMPETENSI / *COMPETENCY PROFILE (CP)*

KUMPULAN / *SUB SECTOR*	**KETUA EKSEKUTIF KANAN PENGUAT KUASA MARITIM**
BIDANG / *JOB AREA*	**UMUM / KHAS - *EXECUTIVE LEADERSHIP DEVELOPMENT AND ASSESSMENT PROGRAMME* (E-LEAP)**
TAHAP / *LEVEL*	**TAHAP 6**

Tajuk CU / *CU Title* **& Kod CU** / *CU Code*	**Deskripsi CU**/ *CU Descriptor*	**Aktiviti Kerja** / *CU Work Activities*	**Kriteria Prestasi** / *Performance Criteria*
LEADERSHIP TALKS **LW500-2018:01-1/5**	*Leadership seminars are to share and give knowledge about Coast Guard members/ organizations.* *The officers who are competent in Leadership Seminars should be able to determined leadership style, concepts, skills and qualities as a leader towards understanding maritime organization culture.*	*1. Define leadership in various type of maritime organization.* *2. Introduce types of leadership in Coast Guard Agencies.* 3. *Understand the outcome of case study.*	*1.1 Leadership in various type of maritime organization identified.* *2.1 Type of leadership in Coast Guard agencies presented properly.* *3.1 Case study presented according to standard.*
CRISIS MANAGEMENT **LW500-2018:01-2/5**	*Crisis Management are to eliminate the potential harm regarding maritime crisis and improve standard operating procedure.* *The officers who are competent in crisis management are able to identify the real problems, manage the flow of the information and understanding the adversary of the crisis in the first place.*	*1. Introduction to levels in crisis management.* *2. Explain SAR & Disaster Relief.* 3. *Explain Law Enforcement And Logistic Management.*	*1.1 Crisis management determined correctly.* *2.1 SAR & Disaster Relief defined correctly.* *3.1 Law Enforcement and Logistic Management described according to SOP.*
GROUP DISCUSSION **LW500-2018:01-3/5**	*Group Discussion are to built and strengthen knowledge of all officer regarding paperwork. The officers who are competent in this will be able to make and prepare proper paperwork.*	*1. Explain the importance of group discussion and paperwork in daily work.* *2. Share and discuss about proper paperwork format.*	*1.1 Group Discussion determined accordingly.* *2.1 Paperwork format learned appropriately.*

Tajuk CU / *CU Title* **& Kod CU** / *CU Code*	**Deskripsi CU**/ *CU Descriptor*	**Aktiviti Kerja** / *CU Work Activities*	**Kriteria Prestasi** / *Performance Criteria*
STUDY VISIT **LW500-2018:01-4/5**	*Study Visit are to give insight about top management running an agencies and make a connection with agency regarding related issues.*	*1. Expose the importance of visit to other agencies Top Management.* 2. *Make an assignment regarding study visit.*	*1.1 Importance of visiting other agencies Top management determined.* *2.1 Assignment regarding study visit presented.*
PRESENTATION ASSESSMENT AND EVALUATION **LW500-2018:01-15/5**	*Presentation, Assessment and Evaluation are to see the level of information and knowledge that has been received.*	*1. Demonstrate presentation, assessment and evaluations on the overall courses.*	*1.1 Presentation, assessment, evaluations presented correctly.*

BAB 2

PENGURUSAN PRESTASI DAN DASAR PENEMPATAN

DASAR PEMBANGUNAN STANDARD KEMAHIRAN DAN KERJAYA PEGAWAI PENGUAT KUASA AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA (DPKM) (BAB 2 - PENGURUSAN PRESTASI DAN DASAR PENEMPATAN)

1. Menggariskan panduan pengurusan prestasi Pegawai Penguat Kuasa APMM bagi melicinkan pelaksanaan urusan penempatan dan pembangunan kerjaya dengan lebih teratur, berkesan dan seragam.

2. Dasar Pembangunan Standard Kemahiran dan Kerjaya Pegawai Penguat Kuasa APMM Bab 2 ini mengandungi dasar dan prosedur mengenai penempatan dan pengurusan prestasi Pegawai Penguat Kuasa APMM yang ditambah baik dengan mengambil kira Pekeliling Perkhidmatan, peraturan-peraturan dan dasar yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa untuk dijadikan sebagai rujukan dalam melaksanakan urusan penempatan dan pertukaran serta pengurusan prestasi agar lebih teratur.

3. Pengurusan prestasi dan dasar penempatan bagi Pegawai Penguat Kuasa APMM adalah merujuk kepada Arahan Ketua Pengarah Bilangan 6 Tahun 2014 bertarikh 21 Mei 2014 dan peraturan-peraturan yang digunapakai dalam Perkhidmatan Awam seperti berikut:

3.1 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 - Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saraan Malaysia;

3.2 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (Pindaan) 2002;

3.3 Perintah Tetap Ketua Pengarah Maritim Malaysia – Latihan dan Pembangunan Manusia Bab A 301 dan 302;

3.4 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2012 – Panduan Pengurusan Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat Dalam Perkhidmatan Awam;

3.5 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007 – Panduan Pengurusan Pejabat;

3.6 Pekeliling Perbendaharaan, Pengurusan Wang Awam (WP) 1.2 – Kadar dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan dan Bayaran Bagi Pegawai-pegawai Perkhimatan Awam Kerana Bertukar Keluar atau Berpindah Rumah;

3.7 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2004 – Panduan Pertukaran Pegawai Awam; dan

3.8 Dasar Pembangunan Standard Kemahiran Dan Kerjaya Pegawai Penguat Kuasa APMM – DPKM (Bab 1 – *Training Need Analysis*).

4. Semua Sektor, Bahagian, Cawangan, Negeri Maritim, AMSAS, Zon Maritim dan Pos Maritim hendaklah menerima pakai Dasar Pembangunan Standard Kemahiran dan Kerjaya Pegawai Penguat Kuasa APMM ini supaya segala urusan berkaitan dasar penempatan dan pengurusan prestasi Pegawai Penguat Kuasa APMM dapat diselaraskan.

TAFSIRAN

5. Dalam Dasar Pembangunan Standard Kemahiran dan Kerjaya Pegawai Penguat Kuasa APMM (Bab 2 – Pengurusan Prestasi dan Dasar Penempatan) ini:

5.1 **Ketua Jabatan** bermaksud pegawai dalam kumpulan perkhidmatan Pengurusan Tertinggi atau Pengurusan dan Profesional yang mengetuai sesebuah Sektor, Bahagian, Cawangan, Negeri Maritim, AMSAS, Zon Maritim dan Pos Maritim.

5.2 **Panel Pembangunan Sumber Manusia** bermaksud Pegawai-pegawai Agensi dari Pengurusan Tertinggi APMM yang dilantik bermesyuarat bagi membincangkan penempatan dan pengurusan prestasi Pegawai Penguat Kuasa Maritim APMM di Ibu Pejabat APMM, Putrajaya pada ketetapan tempoh dan masa mengikut keperluan Agensi.

5.3 **Pertukaran Penempatan** bermaksud perpindahan Pegawai Penguat Kuasa APMM dari unit penempatan asal ke mana-mana unit penempatan dan perjawatan baru secara bertulis oleh PPSM atau pegawai yang diberi kuasa oleh PPSM melalui mesyuarat PPSM termasuk penempatan seorang pegawai yang baru dilantik, memangku, dinaikkan pangkat, mengikuti kursus, ditukar sementara, bercuti atau dipinjamkan.

5.4 **Pengurusan Prestasi** bermaksud pembangunan kerjaya yang dibangunkan oleh APMM yang dikendalikan oleh Bahagian Sumber Manusia APMM dan AMSAS yang merancang, melaksana, mengurus dan menilai pencapaian prestasi dan pengurusan Pegawai Penguat Kuasa APMM dalam tempoh tertentu.

5.5 **Unit** bermaksud Sektor, Bahagian, Cawangan, Negeri Maritim, AMSAS, Zon Maritim dan Pos Maritim.

5.6 **Melapor diri** bermaksud Pegawai Penguat Kuasa APMM melaporkan diri kepada Ketua Jabatan di unit baru secara bersemuka. Sekiranya gagal bersemuka atas sebab-sebab yang munasabah, Pegawai Penguat Kuasa APMM boleh melaporkan diri dengan menggunakan telefon atau secara bertulis kepada Ketua Jabatan melalui surat, emel atau faks.

5.7 **Cuti** bermaksud kelulusan cuti yang diluluskan Ketua Jabatan kepada seseorang Pegawai Penguat Kuasa APMM meninggalkan tugasnya di sesuatu perjawatan dan penempatan dan peninggalan tugas itu melebihi 120 hari walaupun tidak dikira sebagai putus perkhidmatan atau sebagai berhenti kerja tetapi tugas yang ditinggalkan itu perlu dilaksanakan oleh pegawai lain secara hakiki kerana keperluan perkhidmatan. Cuti tersebut adalah seperti Cuti Separuh Gaji, Cuti Tanpa Gaji, cuti atas sebab perubatan dan Cuti Belajar Bergaji Penuh.

5.8 **Merit Pelatih** adalah sistem penilaian Pegawai Penguat Kuasa APMM yang dilaksanakan sepanjang menjalani kursus asas di AMSAS berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan.

PENGURUSAN PRESTASI

6. Fungsi dan peranan unit yang melaksanakan pengurusan prestasi.

6.1 **Cawangan Pengurusan Potensi** Bahagian Sumber Manusia bertanggungjawab membangunkan potensi setiap Pegawai Penguat Kuasa APMM. Cawangan ini juga bertanggungjawab mengurus pemilihan Pegawai Penguat Kuasa APMM untuk tujuan menghadiri kursus dan penempatan.

6.2 **Cawangan Dasar Latihan dan Pengurusan Kompetensi** Bahagian Sumber Manusia bertanggungjawab merangka, mengkaji dan memantau dasar-dasar latihan Agensi. Cawangan ini juga merancang dan mengenal pasti keperluan latihan Agensi selaras dengan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam.

6.3 **Cawangan Dasar Penempatan dan Elaun** Bahagian Sumber Manusia bertanggungjawab merancang dan menguruskan penempatan Pegawai Penguat Kuasa APMM dengan mengambil kira ulasan Cawangan Pengurusan Potensi.

6.4 **AMSAS** bertanggungjawab sepenuhnya untuk melaksanakan kursus generik dan kursus fungsional dan lain-lain yang berkaitan kecuali mana-mana arahan yang diputuskan oleh Panel Pengurusan Latihan.

7. Mana-mana pegawai yang berkhidmat di Agensi ini perlu mengikuti standard kemahiran, perancangan penempatan dan pembangunan kerjaya Pegawai Penguat Kuasa APMM kecuali diberi pengecualian oleh Ketua Pengarah APMM.

8. Pengecualian juga diberi kepada Pegawai Penguat Kuasa APMM yang berjaya mengikuti kursus-kursus yang diiktiraf dan dianjurkan oleh mana-mana institusi latihan atau pusat pengajian tinggi awam atau swasta sama ada di dalam atau di luar negara yang menawarkan program pengajian dan latihan dalam bidang dan disiplin yang sama atau setaraf dengan kompetensi yang ditetapkan oleh Agensi.

PENGAMBILAN

9. Pengambilan Pegawai Penguat Kuasa APMM dilaksanakan melalui kemasukan berikut:

9.1 **Leftenan Muda Maritim Gred T13**. Syarat lantikan yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah seperti berikut:

9.1.1 Warganegara Malaysia;

9.1.2 Berumur tidak kurang dari 18 tahun;

9.1.3 Mempunyai Ijazah Sarjana Muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan

9.1.4 Memenuhi syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera yang ditetapkan oleh jabatan.

9.2 **Bintara Muda Maritim Gred T5**. Syarat lantikan yang telah ditetapkan oleh SPA adalah seperti berikut:

9.2.1 Warganegara Malaysia;

9.2.2 Berumur tidak kurang dari 18 tahun;

9.2.3 Mempunyai Diploma dalam bidang-bidang yang diperlukan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan

9.2.4 Memenuhi syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera yang ditetapkan oleh jabatan.

9.3 **Laskar Kelas II Maritim Gred T1.** Syarat lantikan yang telah ditetapkan oleh SPA adalah seperti berikut:

9.3.1 Warganegara Malaysia;

9.3.2 Berumur tidak kurang dari 18 tahun;

9.3.3 Lulus Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia/Sijil Kemahiran Tahap 2/Sijil Kemahiran Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan

9.3.4 Memenuhi syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera yang ditetapkan oleh jabatan.

LALUAN KERJAYA PEGAWAI PENGUAT KUASA APMM

10. Laluan Kerjaya bagi Pegawai Penguat Kuasa APMM adalah berpandukan Pelan Penempatan yang ditetapkan seperti berikut:

10.1 **Lampiran H** – Pelan Penempatan Pegawai Penguat Kuasa APMM.

10.2 **Lampiran I** – Laluan Kerjaya Pegawai Penguat Kuasa APMM.

11. Keutamaan 1 dan 2 bagi petunjuk di Lampiran H merupakan keutamaan setiap perjawatan mengikut pangkat. Keutamaan 1 mewakili perjawatan yang lebih kanan, berpengalaman dan berpotensi tinggi manakala Keutamaan 2 pula mewakili perjawatan untuk pegawai yang baru dinaikkan pangkat, kurang pengalaman dan masih belum mencapai potensi yang ditetapkan.

12. Untuk maksud pengurusan prestasi, pelan penempatan bagi Pegawai Penguat Kuasa APMM dikategorikan kepada tiga (3) kumpulan iaitu:

12.1 **Kumpulan Operasi (*Operational*)**

12.1.1 Kumpulan Operasi adalah kelompok perkhidmatan yang disusun mengikut keutamaan pangkat, perjawatan, peranan dan tanggungjawab dalam Skim Perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa APMM di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 (Rasionalisasi Skim Perkhidmatan bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan di bawah Sistem Saraan Malaysia).

12.1.2 Potensi dan pembangunan kerjaya bagi semua Pegawai Penguat Kuasa APMM adalah berpandukan kepada Kumpulan Operasi sehingga PPSM mengenal pasti Pegawai Penguat Kuasa APMM yang berpotensi dari kumpulan ini untuk tujuan pembangunan yang lebih terarah dan bagi memenuhi keperluan masa hadapan Agensi.

12.1.3 Laluan pembangunan prestasi dan penempatan Pegawai Penguat Kuasa APMM mengikut Kumpulan Operasi adalah seperti berikut:

i. **Laskar Kelas II Maritim Gred T1**

a. Laskar Kelas II Maritim Gred T1 perlu hadir dan lulus menjalani Kursus Asas Pembantu Penguat Kuasa Maritim di AMSAS. Merit Pelatih pegawai seperti di **Lampiran 3** akan dijadikan panduan oleh Cawangan Pengurusan Potensi Bahagian Sumber Manusia bagi menentukan keutamaan penempatan LSK berdasarkan keutamaan kelas-kelas kapal dan kecenderungan (Bidang Nautika dan Kejuruteraan).

b. AMSAS perlu memajukan laporan prestasi dan kecenderungan Pegawai LLP Penguat Kuasa Maritim ke Bahagian Sumber Manusia APMM untuk pertimbangan dan kelulusan PPSM.

c. Penempatan Pegawai LLP Penguat Kuasa Maritim setamat LSK akan dikekalkan di penempatan semasa dan perlu bertugas di Unit-unit Operasi sehingga disahkan dalam perkhidmatan.

d. Pegawai LLP Penguat Kuasa Maritim boleh memohon Kursus Khas dalam bidang Penerbang, Pasukan Tindakan Khas, Penyelam dan Forensik Maritim setelah tamat Kursus Asas dan LSK selama 13 bulan.

e. Laskar Kelas II Maritim Gred T1 layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke Laskar Kelas I Maritim Gred T2 secara *time-based*

setelah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun di pangkat Laskar Kelas II Maritim Gred T1 tidak termasuk Kursus Asas.

ii. **Laskar Kelas I Maritim Gred T2 dan Laskar Kanan Maritim Gred T4**

a. Pemilihan Pegawai LLP Penguat Kuasa Maritim untuk menghadiri kursus fungsional Tahap 2 adalah berdasarkan syarat am yang dinyatakan di para 13.

b. Pencalonan Pegawai LLP Penguat Kuasa Maritim bagi Kursus TOT adalah mengambil kira sokongan Ketua Jabatan dan penempatan Pegawai LLP Penguat Kuasa Maritim adalah mengikut kesesuaian.

c. Laskar Kelas I Maritim Gred T2 layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke Laskar Kanan Maritim Gred T4 setelah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun di pangkat Laskar Kelas I Maritim Gred T2 sekiranya ada kekosongan dan secara *time-based* setelah lima (5) tahun di pangkat Laskar Kelas I Maritim Gred T2 walaupun tiada kekosongan. Manakala, Laskar Kanan Maritim Gred T4 layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke Bintara Muda Maritim Gred T6 setelah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun di pangkat Laskar Kanan Maritim Gred T4 sekiranya ada kekosongan.

iii. **Bintara Muda Maritim Gred T5 (Lantikan Baru)**

a. Bintara Muda Maritim Gred T5 (Lantikan Baru) perlu hadir dan lulus menjalani Kursus Asas Penolong Penyelia Penguat Kuasa Maritim di AMSAS. Merit Pelatih Pegawai LLP Penguat Kuasa Maritim seperti di **Lampiran J** akan dijadikan panduan oleh Cawangan Pengurusan Potensi Bahagian Sumber Manusia APMM bagi menentukan keutamaan penempatan LSK berdasarkan keutamaan kelas-kelas kapal dan unit siasatan mengikut kecenderungan (Bidang Siasatan dan Teknikal).

b. AMSAS perlu memajukan laporan prestasi dan kecenderungan Pegawai LLP Penguat Kuasa Maritim ke Bahagian Sumber Manusia APMM untuk pertimbangan dan kelulusan PPSM.

c. Penempatan Pegawai LLP Penguat Kuasa Maritim setamat LSK akan dikekalkan di penempatan semasa dalam jangkamasa mengikut keperluan perkhidmatan.

d. Bintara Muda Maritim Gred T5 (Lantikan Baru) layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke Bintara Kanan Maritim Gred T8 berdasarkan kekosongan semasa dan setelah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun di pangkat Bintara Muda Maritim Gred T5 tidak termasuk Kursus Asas Penolong Penyelia Penguat Kuasa Maritim.

iv. **Bintara Muda Maritim Gred T6 (Kenaikan Pangkat)**

a. Pegawai LLP Penguat Kuasa Maritim perlu hadir dan lulus penilaian kompetensi kursus generik Tahap 3B.

b. Pemilihan Pegawai LLP Penguat Kuasa Maritim untuk menghadiri kursus fungsional Tahap 3B adalah berdasarkan syarat am yang dinyatakan di para 13.

c. Pencalonan Pegawai LLP Penguat Kuasa Maritim bagi Kursus TOT adalah mengambil kira sokongan Ketua Jabatan dan penempatan Pegawai LLP Penguat Kuasa Maritim adalah mengikut kesesuaian.

d. Bintara Muda Maritim Gred T6 layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke Bintara Kanan Maritim Gred T8 setelah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun di pangkat Bintara Muda Maritim Gred T6 sekiranya ada kekosongan.

v. **Bintara Kanan Maritim Gred T8, Pegawai Waran II Maritim Gred T10 dan Pegawai Waran I Maritim Gred T12**

a. Pemilihan Pegawai LLP Penguat Kuasa Maritim untuk menghadiri kursus fungsional Tahap 4A seperti di Lampiran 5 adalah berdasarkan syarat am yang dinyatakan di para 13.

b. Pencalonan Pegawai LLP Penguat Kuasa Maritim bagi Kursus TOT adalah mengambil kira sokongan Ketua Jabatan dan penempatan Pegawai LLP Penguat Kuasa Maritim adalah mengikut kesesuaian.

c. Bintara Kanan Maritim Gred T8 layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke Pegawai Waran II Maritim Gred T10 setelah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun di pangkat Bintara Kanan Maritim Gred T8 sekiranya ada kekosongan. Manakala, Pegawai Waran II Maritim layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke Pegawai Waran I Maritim Gred T12 setelah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun di pangkat Pegawai Waran II Maritim Gred T10 sekiranya ada kekosongan.

d. Selain daripada itu, Pegawai LLP Penguat Kuasa Maritim layak memohon peningkatan secara lantikan ke pangkat Leftenan Muda Maritim Gred T13 berdasarkan kekosongan semasa.

vi. **Leftenan Muda Maritim Gred T13**

a. Leftenan Muda Maritim Gred T13 perlu hadir dan lulus Kursus Asas Pegawai Penguat Kuasa Maritim di AMSAS. Merit Pelatih seperti di **Lampiran J** akan dijadikan panduan oleh Cawangan Pengurusan Potensi Bahagian Sumber Manusia bagi menentukan keutamaan penempatan Latihan Sebelum Kerja (LSK) berdasarkan keutamaan kelas-kelas kapal seperti **Lampiran K**.

b. Pegawai akan melalui proses pembangunan prestasi dan penempatan berdasarkan pelan penempatan seperti di **Lampiran H**.

c. Leftenan Muda Maritim Gred T13 layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke Leftenan Madya Maritim Gred T14 apabila memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan dengan memperolehi sijil *Bridge Watchkeeping Certificate* (BWK).

d. Sijil BWK merupakan syarat wajib bagi pegawai yang mengikuti kursus fungsional dan pengecualian hanya diberi untuk menghadiri Kursus Pegawai Bertugas Anjungan (PBA) sahaja.

vii. **Leftenan Madya Maritim Gred T14**

a. Penempatan pegawai berpangkat Leftenan Madya Maritim Gred T14 di Sektor Operasi adalah seperti berikut:

- Pegawai Navigasi;
- Pegawai Geledah;
- Ketua Bot;
- Pegawai di Seksyen Operasi;
- Siasatan;
- Logistik di Negeri; dan
- Zon Maritim.

viii. **Leftenan Maritim Gred T16 dan Leftenan Komander Maritim Gred T18**

a. Penempatan pegawai berpangkat Leftenan Maritim Gred T16 di Sektor Operasi adalah seperti berikut:

- Pegawai Laksana;
- Pegawai Operasi;
- Pegawai Senjata;
- Timbalan Pengarah (Keselamatan); dan
- Pegawai di Seksyen Operasi, Siasatan, Logistik di Negeri dan Zon Maritim.

b. Penempatan pegawai berpangkat Leftenan Komander Maritim Gred T18 di Sektor Operasi adalah seperti berikut:

- Pegawai Memerintah;
- Pegawai Laksana;
- Pegawai Jurutera Marin;
- Timbalan Pengarah (Siasatan);
- Timbalan Pengarah (Logistik) di Negeri dan Zon Maritim; dan
- Pegawai staf di Ibu Pejabat APMM dan AMSAS.

c. Pegawai Penguat Kuasa Maritim perlu lulus penilaian kompetensi Kursus Generik Tahap 5 dan Kursus Kepimpinan (Tahap Pertengahan).

d. Pencalonan pegawai untuk menghadiri kursus *Junior Executive Leadership Development and Assessment Programme* (J-LEAP) adalah diselaraskan oleh Cawangan Pengurusan Potensi

Bahagian Sumber Manusia dengan mengambil kira prestasi semasa dan sokongan Ketua Jabatan.

e. Pegawai wajib lulus kursus J-LEAP untuk layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke Komander Maritim Gred T20.

f. Pegawai yang memperolehi keputusan cemerlang diberi keutamaan untuk menghadiri kursus, seminar, bengkel atau persidangan penting dan berimpak tinggi di dalam dan luar negara serta disenaraikan ke dalam kumpulan Pelan Penggantian mengikut pangkat setara.

ix. **Komander Maritim Gred T20**, **Kepten Maritim Gred T22 dan Laksamana Pertama Maritim Gred T24**

a. Penempatan pegawai berpangkat Komander Maritim Gred T20 di Sektor Operasi adalah seperti berikut:

- Pegawai Memerintah;
- Timbalan Pengarah (Operasi);
- Maritim Negeri; dan
- Pengarah Zon Maritim.

b. Penempatan pegawai berpangkat Kepten Maritim Gred T22 adalah seperti berikut:

- Pengarah Maritim Negeri;
- Timbalan Pengarah (Operasi); dan
- Pegawai Memerintah kapal.

c. Laksamana Pertama Maritim Gred T24 pula akan mengetuai Negeri Maritim yang besar seperti Negeri Kedah dan Negeri Perlis, Negeri Johor, Negeri Pahang, Negeri Sarawak dan Negeri Sabah serta Wilayah Persekutuan Labuan.

d. Pegawai Penguat Kuasa Maritim perlu lulus penilaian kompetensi Kursus Generik Tahap 6.

e. Pencalonan pegawai untuk menghadiri kursus *Executive Leadership Development and Assessment Programme* (E-LEAP) bagi pegawai berpangkat Komander Maritim Gred T20 dan *Middle Management Leadership Development and Assessment Programme* (M-LEAP) bagi pegawai berpangkat Kepten Maritim Gred T22 adalah diselaraskan oleh Cawangan Pengurusan Potensi Bahagian Sumber Manusia dengan mengambil kira prestasi semasa dan sokongan Ketua Jabatan.

f. Pegawai yang telah hadir dan lulus kursus M-LEAP dan E-LEAP serta mendapat sokongan Ketua Jabatan akan diberi pertimbangan untuk pencalonan bagi menghadiri kursus, seminar, persidangan penting yang berimpak tinggi di dalam dan luar negara serta disenaraikan ke dalam kumpulan Pelan Penggantian mengikut pangkat setara.

12.2 **Kumpulan Profesional dan Pakar (*Professional and Expert*)**

12.2.1 Kumpulan Profesional dan Pakar merupakan Pegawai Penguat Kuasa APMM yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi serta pengalaman yang luas dalam sesuatu bidang khusus, kecenderungan latihan dan disiplin di samping memililiki kepakaran khusus yang memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan dan boleh dijadikan sumber rujukan kepada pegawai dari dalam dan luar Agensi.

12.2.2 Potensi dan pembangunan kerjaya Kumpulan ini dinyatakan secara terperinci dalam Bab 3 – Garis Panduan Kejurulatihan dan Kepakaran Bidang.

12.2.3 Penempatan bagi Kumpulan Profesional dan Pakar diberi pengecualian mengikut jangkamasa dan kekosongan perjawatan berasaskan kepakaran dan sumbangan kritikal.

12.3 **Kumpulan Pelan Penggantian (*Succession Plan*)**.

12.3.1 Kumpulan Pelan Penggantian merupakan Pegawai Penguat Kuasa Maritim yang bermula dari pangkat Leftenan Maritim Gred T16 dan ke atas. Kumpulan ini merujuk kepada proses pengurusan sumber manusia Agensi untuk mengenalpasti dan membangunkan Pegawai Penguat Kuasa Maritim bagi mengisi jawatan-jawatan utama dan kritikal.

12.3.2 Potensi dan pembangunan kerjaya kumpulan ini bermula dari pencalonan menghadiri kursus, pemantauan prestasi dan pencapaian kursus-kursus yang tersenarai di bawah sehingga kepada pencalonan dan pengisian perjawatan utama dan kritikal:

i. *Middle Executive Management;*
ii. *Junior Executive Leadership Development and Assessment Programme* (J-LEAP);
iii. *Executive Leadership Development and Assessment Programme* (E-LEAP);
iv. *Senior Executive Management;* dan
v. *Middle Management Leadership Development and Assessment Programme (M-LEAP).*

12.3.3 Laluan kerjaya dan penempatan Kumpulan ini ditetapkan oleh PPSM. Kumpulan ini masih terikat dengan syarat laluan kerjaya kecuali memenuhi pra-syarat di para 7 dan 8.

12.3.4 Pembangunan dan penempatan bagi Kumpulan Pelan Penggantian adalah mengikut keutamaan penempatan yang disenarai seperti berikut:

i. Komander Maritim Gred T20 - Pegawai Memerintah, Timbalan Pengarah Operasi atau Pengarah Zon Maritim.

ii. Kepten Maritim Gred T22 - Pegawai Memerintah, Komandan di AMSAS, Timbalan Pengarah Operasi Negeri atau Pengarah Maritim Negeri.

iii. Laksamana Pertama Maritim Gred T24 - Pengarah Maritim Negeri, Pengarah Bahagian di Ibu Pejabat APMM atau Pengarah AMSAS.

SYARAT AM MENGHADIRI KURSUS

13. Syarat am bagi menghadiri kursus generik dan fungsional serta kursus-kursus utama luar dan dalam negara adalah seperti berikut:

13.1 Mencapai purata markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan bagi tiga (3) tahun terakhir sekurang-kurangnya 85%;

13.2 Mencapai skala *Body Mass Index* yang dibenarkan iaitu kurang dari 30.0;

13.3 Lulus tapisan integriti; dan

13.4 Mendapat sokongan Ketua Jabatan.

STRUKTUR KERJAYA DAN KOMPETENSI

14. Struktur Kerjaya dan Kompetensi bagi Pegawai Penguat Kuasa APMM dijelaskan sebagai panduan seperti di **Lampiran L**. Dokumen tersebut menerangkan sukatan kompetensi pegawai dari aspek latihan dan pelaksanaan bidang tugas jawatannya selaras dengan undang-undang dan peraturan yang diperuntukkan. Dokumen tersebut juga menerangkan jenis kompetensi Pegawai Penguat Kuasa APMM bagi tujuan untuk dipertimbangkan kenaikan pangkat ke gred lebih tinggi bergantung kepada kekosongan perjawatan.

KERJAYA AWAL

15. Selepas tamat Kursus Asas Pegawai dan Latihan Sambil Kerja, penempatan Pegawai Penguat Kuasa APMM akan diperjawatkan di kapal sekurang-kurangnya dua (2) tahun dan memperolehi sijil BWK. Dalam tempoh ini, penekanan ilmu pengetahuan dan kemahiran tertumpu kepada Navigasi, Ilmu Kelautan dan Komunikasi. Keperluan memperolehi sijil BWK bagi Pegawai Penguat Kuasa APMM dan sekurang-kurangnya dua (2) tahun di unit penempatan pertama adalah **mandatori** sebelum Pegawai Penguat Kuasa APMM dapat meneruskan kerjaya di unit atau bidang yang lain.

16. Setelah menepati syarat minimum di peringkat kerjaya awal, Pegawai Penguat Kuasa APMM berpeluang untuk menghadiri kursus kepakaran sama ada dengan cara membuat permohonan atau dipilih oleh Bahagian Sumber Manusia APMM berdasarkan prestasi yang telah ditunjukkan. Setelah menjadi Pegawai Penguat Kuasa APMM yang berkepakaran, kerjaya pegawai akan mengikut laluan kerjaya yang telah ditetapkan mengikut kepakaran masing-masing. Semasa tempoh ini, Pegawai Penguat Kuasa APMM akan melaksanakan tugas-tugas yang sesuai dengan kepakaran yang dimiliki.

KERJAYA PERTENGAHAN

17. Bagi Pegawai Penguat Kuasa Maritim, semasa di pangkat Leftenan Komander Maritim Gred T18 dan Komander Maritim Gred T20, fungsi utama tugas ialah sebagai Staf (*Staff Function*) dan diperjawatkan di Ibu Pejabat APMM, AMSAS atau di Pejabat Negeri Maritim.

JENIS PENGKHUSUSAN

18. **Pengkhususan Tugas Umum**. Senarai kemahiran dan kepakaran dalam Pengkhususan Tugas Umum adalah seperti berikut:

18.1 Kelasi;
18.2 Teknikal;
18.3 Siasatan; dan
18.4 Carilamat.

19. **Pengkhususan Tugas Khusus**. Senarai Pengkhususan Tugas Khusus adalah seperti berikut:

19.1 Pasukan Tindakan Khas (PTK);
19.2 Pegawai Penerbang;
19.3 Pegawai Pemeriksa Kapal Terbang;
19.4 Penyelam; dan
19.5 Forensik Maritim.

PENEMPATAN PASUKAN TINDAKAN KHAS

20. Pasukan Tindakan Khas (PTK) adalah sebuah pasukan elit di APMM. PTK dilatih khusus untuk melaksanakan tugas-tugas yang berisiko tinggi dan di luar kemampuan anggota biasa APMM. Peranan dan tugas PTK ialah melaksanakan Operasi Khas Laut seperti Operasi Melawan Keganasan terhadap kapal-kapal dagang dan pelantar minyak/gas milik negara, Operasi Penggeledahan Khas (*Special Ship Boarding*) dan lain-lain lagi.

21. Calon Pegawai Penguat Kuasa APMM yang berminat memasuki PTK perlu mengikuti kursus seperti berikut:

21.1 Kursus Pra Asas Komando. Latihan akan dikendalikan di AMSAS atau di Institusi lain yang diiktiraf.

21.2 Kursus Asas Komando. Pegawai yang terpilih akan menjalani kursus ini selama 12 minggu dan perlu menjalani latihan serta lulus peringkat-peringkat seperti berikut:

21.2.1 Peringkat Kem;
21.2.2 Peringkat Hutan;
21.2.3 Peringkat Paya;
21.2.4 Peringkat Laut; dan
21.2.5 Pelarian dan Pelolosan.

22. Setamat Kursus Asas Komando, Pegawai Penguat Kuasa APMM ditempatkan di bawah Unit Pasukan Tindakan Khas, Ibu Pejabat APMM atau tempat-tempat bergantung kepada keperluan operasi.

PENEMPATAN PEGAWAI PENERBANG

23. Pegawai Penguat Kuasa Maritim (Penerbang) dan Pegawai LLP Penguat Kuasa Maritim (Penerbang) adalah terdiri daripada anggota penerbangan seperti berikut:

23.1 Juruterbang

23.1.1 **Pelatih Juruterbang**. Pelatih Kursus Penerbangan Asas yang sedang menjalani latihan juruterbang fasa penerbangan di institusi latihan penerbangan di dalam atau di luar negara yang diiktiraf oleh APMM.

23.1.2 **Pelatih Juruterbang Peralihan (Lanjutan)**. Juruterbang yang telah lulus Kursus Penerbangan Asas dan sedang menjalani Kursus *On-Type Conversion* dan Peralihan Operasi.

23.1.3 **Pembantu Juruterbang**. Juruterbang yang telah lulus Kursus *On-Type Conversion* pesawat berkaitan dan Peralihan Operasi atau kursus yang setaraf serta telah dilantik secara tetap, kontrak atau pinjaman dan mempunyai kelayakan yang diiktiraf.

23.1.4 **Komander Pesawat Sayap Kaku/Helikopter**. Juruterbang yang telah mencapai status juruterbang operasi sebagai Komander Pesawat Sayap Kaku dan Helikopter yang berkaitan serta telah dilantik secara tetap, kontrak atau pinjaman dan mempunyai kelayakan yang diiktiraf.

23.1.5 **Jurulatih Penerbangan**. Juruterbang yang telah lulus kejurulatihan penerbangan serta telah dilantik secara tetap, kontrak atau pinjaman dan mempunyai kelayakan yang diiktiraf.

23.2 Pegawai Sistem Udara (PSU)

23.2.1 **Pelatih PSU**. Pelatih Kursus Asas PSU yang sedang menjalani latihan PSU fasa penerbangan di Institusi latihan penerbangan yang diiktiraf oleh APMM.

23.2.2 **Pelatih PSU Operasi**. PSU yang telah lulus Kursus Asas PSU dan sedang menjalani Kursus Peralihan Operasi pesawat sayap kaku.

23.2.3 **PSU**. PSU yang telah lulus Kursus Peralihan Operasi bersama pesawat yang berkaitan dan mencapai status operasi dan telah dilantik secara tetap, kontrak atau pinjaman dan mempunyai kelayakan yang diiktiraf.

23.2.4 **Jurulatih PSU**. PSU yang telah menjalani Kursus Kejurulatihan dan menamatkan Latihan Fasa Penerbangan sebagai Jurulatih serta telah dilantik secara tetap, kontrak atau pinjaman serta mempunyai kelayakan yang diiktiraf.

23.3 *Aircrewman*

23.3.1 **Pelatih *Aircrewman***. Pelatih Kursus Asas *Aircrewman* yang sedang menjalani latihan fasa penerbangan di Institusi latihan penerbangan yang diiktiraf oleh APMM dan juga *Aircrewman* yang sedang menjalani latihan peralihan pesawat selepas lulus Kursus Asas *Aircrewman*.

23.3.2 ***Aircrewman***. Pelatih *Aircrewman* yang telah lulus Kursus Asas *Aircrewman* dan mencapai status *Aircrewman* Operasi setelah menjalani latihan peralihan pesawat yang berkaitan dan telah dilantik secara tetap, kontrak atau pinjaman serta mempunyai kelayakan yang diiktiraf.

23.3.3 **Jurulatih *Aircrewman***. *Aircrewman* yang telah menjalani Kursus Kejurulatihan dan menamatkan Latihan Fasa Penerbangan sebagai Jurulatih *Aircrewman* serta telah dilantik secara tetap, kontrak atau pinjaman serta mempunyai kelayakan yang diiktiraf.

23.4 Perenang Penyelamat (RS)

23.4.1 **Pelatih RS**. Pelatih Kursus Asas RS yang sedang menjalani latihan fasa penerbangan di institusi latihan penerbangan yang diiktiraf oleh APMM dan juga RS yang sedang menjalani latihan peralihan pesawat selepas lulus Kursus Asas RS.

23.4.2 **RS**. Pelatih RS yang telah lulus Kursus Asas RS dan mencapai status RS Operasi setelah menjalani latihan peralihan pesawat dan telah dilantik secara tetap, kontrak atau pinjaman serta mempunyai kelayakan yang diiktiraf.

23.4.3 **Jurulatih RS**. RS yang telah menjalani Kursus Kejurulatihan dan menamatkan Latihan Fasa Penerbangan sebagai Jurulatih RS serta telah dilantik secara tetap, kontrak atau pinjaman serta mempunyai kelayakan yang diiktiraf.

24. Penempatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim (Penerbang) dan Pegawai LLP Penguat Kuasa Maritim (Penerbang) adalah di Bahagian Operasi Udara, Stesen Udara Maritim Subang dan Stesen Udara Maritim Kota Kinabalu.

PENEMPATAN PEGAWAI PEMERIKSA KAPAL TERBANG

25. Pegawai Pemeriksa Kapal Terbang adalah Pegawai Penguat Kuasa Maritim di Kejuruteraan Udara APMM yang diiktiraf dan disahkan sebagai seorang Pegawai Pemeriksa Kapal Terbang APMM oleh Lembaga *State Technical Airworthiness - Deterioriate General Technical Airworthiness* (LSTA-DGTA) Kementerian Pertahanan.

26. Tanggungjawab untuk menentukan pesawat-pesawat APMM ini berada dalam keadaan baik dan selamat (*airworthy*) adalah diletakkan di bawah penyeliaan Pegawai Pemeriksa Kapal Terbang APMM. Tugas-tugas mereka adalah setara dengan tugas yang dilaksanakan oleh pegawai-pegawai Kejuruteraan Kapal Terbang Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Jurutera Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (JPAM). Perbezaannya hanyalah Jurutera JPAM bertanggungjawab kepada *airworthiness* pesawat awam dan komersil manakala Jurutera kapal Terbang ATM dan APMM bertanggungjawab kepada *airworthiness* pesawat-pesawat yang didaftarkan sebagai *state registered aircraft*.

27. Penempatan Pegawai Pemeriksa Kapal Terbang adalah seperti berikut:

27.1 Satu (1) Komander Maritim Gred T20 dan dua (2) Leftenan/Leftenan Komander Maritim Gred T18/T20 di Stesen Udara Maritim Subang.

27.2 Satu (1) Komander Maritim Gred T20 dan dua (2) Leftenan/Leftenan Komander Maritim Gred T18/T20 di Stesen Udara Maritim Kota Kinabalu.

27.3 Satu (1) Komander/Kepten Maritim Gred T20/T22 di Bahagian Kejuruteraan, Ibu Pejabat APMM.

27.4 Satu (1) Leftenan Komander Maritim Gred T18 di Pejabat Lembaga *State Technical Airworthiness - Deterioriate General Technical Airworthiness* (LSTA-DGTA), Kementerian Pertahanan.

DASAR PENEMPATAN

28. Dasar penempatan bagi Pegawai Penguat Kuasa APMM dilaksanakan bagi memperkaya dan memperluaskan tugas (*job enrichment and job enlargement*) yang menyumbang ke arah:

28.1 Meningkatkan produktiviti seseorang Pegawai Penguat Kuasa APMM dan unit penempatan;

28.2 Menambah serta mempelbagaikan pengalaman, pendedahan dan proses pembelajaran di kalangan Pegawai Penguat Kuasa APMM bagi kemajuan kerjaya pegawai;

28.3 Membendung rasa bosan bertugas di satu tempat dan menjalankan tugas yang sama dalam tempoh masa yang panjang;

28.4 Memperluaskan lagi *networking* Pegawai Penguat Kuasa APMM kerana ini dapat membantu mempermudahkan mereka melaksanakan tugas jawatan masing-masing;

28.5 Mencegah sebarang kemungkinan berlakunya penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan rasuah;

28.6 Memberi peluang kepada Pegawai Penguat Kuasa APMM diselia oleh penyelia dan ketua jabatan yang berbeza supaya penilaian prestasi mereka dapat dibuat dengan lebih adil dan saksama;

28.7 Membolehkan Pegawai Penguat Kuasa APMM melihat Agensi di mana mereka ditempatkan dari perspektif yang berbeza dan dengan itu mereka diharap dapat mencuba pendekatan baru yang boleh mempertingkatkan lagi keberkesanan organisasi berkenaan;

28.8 Memberi peluang kepada Pegawai Penguat Kuasa APMM mendapatkan tugas yang sesuai dengan minat, kebolehan, latihan dan pengalaman mereka supaya mereka dapat mencapai penghasilan kerja yang maksimum;

28.9 Menempatkan pegawai-pegawai yang bersesuaian dengan satu-satu jawatan *'right man for the right job'*. Kesesuaian penempatan ini juga akan melalui putaran pekerjaan (*Job Rotation*) bagi penambahan pengalaman dan kompetensi yang dirancang secara sistematik;

28.10 Melahirkan dan memastikan Pegawai Penguat Kuasa APMM yang berkualiti dan kompeten dalam menerajui dan melaksanakan tugas-tugas Agensi supaya mereka yang menyerlah dapat mempamerkan kriteria kepimpinan yang berwibawa dan disegani pada masa akan datang dalam melaksanakan tugas;

28.11 Memastikan perancangan kerjaya dan penetapan jangkaan prestasi dalam penentuan penempatan dan bidang kerjaya sesuai dengan potensi Pegawai Penguat Kuasa APMM; dan

28.12 Menentukan kesesuaian dan kelayakan untuk kenaikan pangkat, pemangkuan, pinjaman secara pentadbiran dan pertukaran sementara. Di samping memberi kaunseling memperbaiki dan mempertingkatkan prestasi serta motivasi Pegawai Penguat Kuasa APMM.

ASAS PERTUKARAN

29. Asas pertukaran penempatan berikut adalah panduan dalam melaksanakan urusan pertukaran supaya teratur dan seragam.

29.1 Menukarkan pegawai yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun tetapi tidak melebihi lima (5) tahun di suatu jawatan yang diklasifikasikan sebagai jawatan sensitif dan tiga (3) tahun tetapi tidak melebihi lapan (8) tahun di suatu jawatan bukan sensitif bergantung kepada keperluan perkhidmatan.

29.2 Seseorang pegawai itu boleh ditukarkan atas dasar kepentingan perkhidmatan atau atas permintaan Pegawai Penguat Kuasa APMM itu sendiri yang dipersetujui berdasarkan kepentingan perkhidmatan tanpa terikat dengan tempoh perkhidmatan yang dinyatakan di Para 29.1.

29.3 Tidak menggunakan pertukaran sebagai hukuman kecuali pertukaran tersebut dapat membantu melicinkan proses tindakan tatatertib yang sedang diambil terhadap pegawai berkenaan.

KATEGORI JAWATAN

30. Untuk maksud pertukaran penempatan, setiap jawatan yang disandang oleh seorang Pegawai Penguat Kuasa Maritim APMM itu boleh dikategorikan seperti berikut:

30.1 **Jawatan Sensitif**. Jawatan yang dibekalkan dengan kuasa dan:

30.1.1 Terlibat secara langsung dengan pelanggan semasa menguatkuasakan undang-undang;

30.1.2 Terlibat secara langsung dengan pelanggan semasa memproses sesuatu permohonan yang boleh menghasilkan pulangan kewangan atau apa-apa bentuk habuan;

30.1.3 Penyandangnya dikehendaki menjalankan tugas membuat bayaran kepada atau membuat kutipan hasil daripada pelanggan; dan

30.1.4 Penyandangnya membuat keputusan berdasarkan kepada pertimbangan budi bicara sama ada seseorang itu layak atau tidak layak mendapat sesuatu, atau telah/tidak melanggar sesuatu peraturan atau undang-undang.

30.1.5 Contoh penempatan bagi Jawatan Sensitif adalah seperti berikut:

i. Pengarah Negeri dan Zon Maritim;
ii. Pengarah Kejuruteraan;
iii. Pengarah Pembangunan;
iv. Pengarah Bekalan;
v. Timbalan Pengarah (Operasi) Negeri dan Zon Maritim;
vi. Timbalan Pengarah (Siasatan) Negeri dan Zon Maritim;
vii. Timbalan Pengarah (Logistik) Negeri dan Zon Maritim;
viii. Pegawai Memerintah Kapal Maritim;
ix. Ketua Bot Maritim; dan
x. Pegawai Penguat Kuasa APMM yang bertugas di Pusat Operasi Maritim.

30.2 **Jawatan Bukan Sensitif**. Semua jawatan yang tidak memiliki ciri-ciri jawatan sensitif seperti disenaraikan di para 30.1.

KLASIFIKASI PERTUKARAN

31. Pertukaran penempatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim dan Pegawai LLP Penguat Kuasa Maritim boleh diklasifikasikan kepada lima (5) kategori seperti berikut:

31.1 Pertukaran Pegawai Penguat Kuasa APMM bagi Kumpulan Pelan Penggantian dan Kumpulan Profesional dan Pakar adalah berdasarkan pembangunan sumber manusia dan keperluan Agensi;

31.2 Pertukaran penempatan Pegawai Penguat Kuasa APMM dengan pengganti;

31.3 Pertukaran penempatan Pegawai Penguat Kuasa APMM tanpa pengganti bagi mengisi kekosongan perjawatan atau penempatan disebabkan oleh keperluan operasi yang mendesak;

31.4 Pertukaran atas permohonan yang dibuat oleh Pegawai Penguat Kuasa APMM dengan sokongan Ketua Jabatan; dan

31.5 Pertukaran atas permohonan yang dibuat oleh Ketua Jabatan atas kepentingan perkhidmatan.

PANEL PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

32. Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) ditubuhkan bertujuan bagi membincangkan, menimbang dan meluluskan hal-hal berkaitan pertukaran penempatan dan pengurusan prestasi Pegawai Penguat Kuasa APMM. PPSM akan bermesyuarat di Ibu Pejabat APMM bersama ahli-ahli panel yang telah dilantik dan boleh memanggil mana-mana Pegawai Penguat Kuasa Maritim dalam membantu membuat keputusan dengan lebih tepat.

33. Keahlian PPSM dalam sesuatu mesyuarat hendaklah sekurang-kurangnya tiga (3) ahli panel atau lebih iaitu Pengerusi, seorang ahli panel dan setiausaha. Mesyuarat PPSM dan keahlian adalah seperti berikut:

33.1 **PPSM ALPHA**. Mesyuarat berkaitan pertukaran penempatan dan pengurusan kerjaya bagi Pegawai Penguat Kuasa Maritim berpangkat Komander Maritim Gred T20 dan ke atas.

33.1.1 Ketua Pengarah	-	Pengerusi
33.1.2 Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)	-	Ahli
33.1.3 Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)	-	Ahli
33.1.4 Timbalan Ketua Pengarah (Logistik)	-	Ahli
33.1.5 Bahagian Sumber Manusia	-	Setiausaha

33.2 **PPSM BRAVO**. Mesyuarat berkaitan pertukaran penempatan dan pengurusan kerjaya bagi Pegawai Penguat Kuasa Maritim berpangkat Leftenan Muda Maritim Gred T13 hingga Leftenan Komander Maritim Gred T18. Keahlian adalah seperti berikut:

33.2.1	Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)	-	Pengerusi
33.2.2	Pengarah Bahagian Penguatkuasaan dan Penyelarasan Maritim	-	Ahli
33.2.3	Pengarah Bahagian Keselamatan dan Pengawasan Maritim	-	Ahli
33.2.4	Pengarah AMSAS	-	Ahli
33.2.5	Pengarah Bahagian Kejuruteraan	-	Ahli
33.2.6	Bahagian Sumber Manusia	-	Setiausaha

33.3 **PPSM CHARLIE**. Mesyuarat berkaitan pertukaran penempatan dan pengurusan kerjaya bagi Pegawai LLP Penguat Kuasa Maritim berpangkat Laskar Kelas II Maritim Gred T1 hingga Pegawai Waran I Maritim Gred T12. Keahlian adalah seperti berikut:

33.3.1	Timbalan Ketua Pengarah (Logistik)	-	Pengerusi
33.3.2	KPPK Bahagian Penguatkuasaan dan Penyelarasan Maritim	-	Ahli
33.3.3	KPPK Bahagian Keselamatan dan Pengawasan Maritim	-	Ahli
33.3.4	Pengarah Bahagian Kejuruteraan	-	Ahli
33.3.5	Komandan Akademi AMSAS	-	Ahli
33.3.6	Bahagian Sumber Manusia	-	Setiausaha

PELAKSANAAN

34. Asas Pembangunan Kerjaya.

34.1 Pembangunan kerjaya merupakan proses berterusan dan inisiatif yang dilaksanakan oleh Agensi dalam menentukan tahap kemahiran, pengetahuan dan sikap yang bersangkutan dengan proses latihan, kerja dan pembelajaran.

34.2 Program dan pelan pembangunan kerjaya bagi Pegawai Penguat Kuasa APMM hanya dilaksanakan di peringkat Ibu Pejabat oleh Bahagian Sumber Manusia yang diluluskan oleh PPSM.

34.3 Pegawai Penguat Kuasa APMM boleh dikecualikan oleh Ketua Pengarah bagi mengikuti standard kemahiran dan penempatan jawatan berdasarkan pra-syarat di para 7 dan 8 atas sebab-sebab pembangunan kerjaya.

35. Panduan Pertukaran Penempatan.

35.1 Pertukaran penempatan bagi Pegawai Penguat Kuasa APMM hanya dilaksanakan oleh PPSM di Ibu Pejabat APMM.

35.2 Pengarah Maritim Negeri dibenarkan mengemukakan cadangan pertukaran penempatan secara pertukaran dalaman bagi Pegawai LLP Penguat Kuasa Maritim di dalam Pejabat Negeri Maritim atau Zon Maritim sahaja untuk kelulusan PPSM di Ibu Pejabat APMM.

35.3 Urusan pertukaran penempatan dari negeri ke negeri yang lain akan dilaksanakan di Ibu Pejabat APMM. Bagi setiap cadangan pertukaran penempatan yang dibuat, Pengarah Maritim Negeri hendaklah memajukan cadangan pertukaran penempatan ke Bahagian Sumber Manusia, Ibu Pejabat APMM untuk tindakan selanjutnya.

35.4 Pertukaran penempatan Pegawai Penguat Kuasa APMM yang dilaksanakan oleh Ibu Pejabat APMM tidak boleh dipinda atau ditukarkan secara dalaman oleh Negeri Maritim dalam tempoh sekurang-kurangnya setahun.

35.5 Tempoh pemakluman pertukaran penempatan adalah enam (6) bulan daripada tarikh kuat kuasa di arahan pertukaran namun tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan.

35.6 Pertukaran penempatan Pegawai Penguat Kuasa APMM di mana-mana unit adalah sekurang-kurangnya sekali sepanjang perkhidmatan.

35.7 Kekerapan mesyuarat PPSM untuk pertukaran penempatan Pegawai Penguat Kuasa APMM adalah tertakluk kepada keperluan semasa.

35.8 Anggota bujang hendaklah dipertimbangkan untuk diberi keutamaan bagi penempatan di kawasan yang dianggap mahal dari segi kos sara hidup tanpa membelakangkan kepentingan perkhidmatan.

35.9 Pelaksanaan pertukaran penempatan Pegawai Penguat Kuasa APMM secara persetujuan bersama atau suka sama suka adalah tidak dibenarkan. Walau bagaimanapun, permohonan tersebut boleh dipertimbangkan tanpa membelakangkan kepentingan perkhidmatan.

35.10 Bahagian Sumber Manusia, Ibu Pejabat APMM akan memajukan penyata anggota yang telah berkhidmat melebihi lima (5) tahun kepada Negeri Maritim setiap enam (6) bulan. Negeri Maritim dikehendaki memberikan maklum balas berserta permasalahan anggota dan cadangan unit untuk cadangan pertukaran pada sesi akan datang.

35.11 Permohonan pertukaran penempatan Pegawai Penguat Kuasa APMM ke kampung halaman boleh dipertimbangkan tanpa membelakangkan kepentingan perkhidmatan.

35.12 Pegawai Penguat Kuasa APMM yang mempunyai hubungan kekeluargaan yang rapat seperti suami, isteri, adik-beradik atau saudara tidak ditempatkan di bawah penyeliaan secara langsung oleh salah seorang daripada mereka.

36. Permohonan pertukaran penempatan.

36.1 Setiap Pegawai Penguat Kuasa APMM boleh memohon pertukaran penempatan apabila telah memenuhi syarat-syarat asas yang ditetapkan di Para 35.

36.2 Mesyuarat PPSM boleh memutuskan sama ada hendak meluluskan permohonan tersebut atau sebaliknya tertakluk kepada kekosongan jawatan atau kesesuaian pegawai di unit yang dipohon.

36.3 PPSM perlu menimbang permohonan Pegawai Penguat Kuasa APMM secara wajar berdasarkan kriteria-kriteria berikut:

36.3.1 Kepentingan perkhidmatan;
36.3.2 Tempoh bertugas di jawatan sekarang;
36.3.3 Mengikut suami atau isteri;
36.3.4 Menjaga ibu dan bapa yang uzur;
36.3.5 Masalah kesihatan;
36.3.6 Kesulitan kewangan;
36.3.7 Tempoh permohonan; dan
36.3.8 Ancaman keselamatan atas sebab tugas.

36.4 Setiap permohonan pertukaran penempatan oleh Pegawai Penguat Kuasa APMM perlu mendapatkan sokongan oleh Pengarah Maritim Negeri sebelum memajukan kepada Bahagian Sumber Manusia APMM dan diangkat untuk kelulusan.

36.5 Bahagian Sumber Manusia APMM perlu menyiasat dan mengesahkan kesahihan maklumat serta dokumen sokongan yang disertakan. Permohonan pertukaran boleh ditolak dan tidak akan diangkat untuk kelulusan oleh Bahagian Sumber Manusia APMM sekiranya tiada sokongan Pengarah Maritim Negeri atau terdapat keraguan yang munasabah di dalam permohonan tersebut.

37. Penangguhan Pertukaran.

37.1 Pegawai Penguat Kuasa APMM boleh memohon penangguhan lapor penempatan setelah menerima surat penempatan dari Ibu Pejabat APMM. Permohonan penangguhan lapor penempatan juga perlu mendapatkan sokongan Pengarah Maritim Negeri sebelum memajukan kepada Bahagian Sumber Manusia APMM untuk kelulusan.

37.2 Ketua Jabatan di unit baru boleh memberi pertimbangan ke atas permohonan penangguhan lapor penempatan tidak lebih 14 hari mulai dari tarikh kuat kuasa arahan pertukaran.

37.3 Bagi penangguhan lapor penempatan lebih dari 14 hari, Pegawai Penguat Kuasa APMM perlu melapor diri kepada Ketua Jabatan di unit baru sementara menunggu kelulusan permohonan penangguhan.

PENEMPATAN PEGAWAI PENGUAT KUASA APMM (WANITA)

38. Pegawai Penguat Kuasa APMM (wanita) diberikan peranan dan tanggungjawab yang sama dengan pegawai lelaki. Walaupun kebanyakan penugasan mereka lebih menjurus kepada *support role* iaitu di bidang pentadbiran, latihan, komunikasi, logistik dan bekalan. Namun, skop penugasan telah dikembangkan secara lebih meluas iaitu penugasan di bahagian operasi.

39. Selaras dengan Dasar Wanita Negara, Pegawai Penguat Kuasa APMM (wanita) diberi peluang seperti pegawai lelaki. Pegawai wanita Agensi juga memainkan peranan yang berkesan dalam pendekatan penyampaian perkhidmatan (*service delivery*) berorentasikan komuniti (*community oriented*).

40. Pegawai Penguat Kuasa APMM (wanita) diberikan pendedahan dalam semua aspek tugas asas sebagai seorang Pegawai Penguat Kuasa APMM. Prinsip dan tempoh penempatan tugas Pegawai Penguat Kuasa APMM (wanita) adalah sama seperti Pegawai Penguat Kuasa APMM (lelaki). Penempatan Pegawai Penguat Kuasa APMM (wanita) untuk penugasan laut adalah berasaskan garis panduan berikut:

40.1 Bot dan kapal perlu mempunyai kemudahan yang sesuai dan lengkap untuk Pegawai Penguat Kuasa APMM (wanita) bagi penugasan laut. Penempatan di bot dan kapal yang tidak mempunyai kemudahan asas boleh dipertimbangkan bagi melaksanakan tugas tertentu di laut bagi suatu tempoh singkat.

40.2 Jumlah minimum keanggotaan bagi penempatan dan penugasan Pegawai Penguat Kuasa APMM (wanita) di bot atau kapal hendaklah sekurang-kurangnya dua (2) orang.

40.3 Pegawai Penguat Kuasa APMM (wanita) yang ditempatkan di bot dan kapal adalah tidak digalakkan hamil. Pegawai Penguat Kuasa APMM wanita yang hamil perlu ditukarkan penempatan atau tumpangan penempatan sementara di Pejabat Negeri Maritim, AMSAS atau Zon Maritim mengikut kesesuaian bagi tempoh kehamilan dan cuti bersalin.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

41. Ketua Jabatan bertanggungjawab memastikan perkara-perkara berikut:

41.1 Setiap permohonan pertukaran yang dikemukakan ke Ibu Pejabat APMM perlu disertakan surat sokongan Pengarah Maritim Negeri serta lain-lain dokumen seperti perakuan doktor atau Jabatan Kebajikan Masyarakat dan lain-lain yang relevan dengan permohonan tersebut.

41.2 Menyiasat dan mengesahkan maklumat permohonan dan dokumen sokongan yang disertakan.

41.3 Pegawai Penguat Kuasa APMM melaporkan diri pada tarikh yang telah ditetapkan seperti di arahan pertukaran.

41.4 Membuat pemakluman Pegawai Penguat Kuasa APMM yang bertukar masuk ke Bahagian Sumber Manusia APMM selewat-lewatnya tujuh (7) hari dari tarikh melapor diri seperti di arahan pertukaran.

41.5 Membuat pemakluman Pegawai Penguat Kuasa APMM yang gagal melapor diri tanpa alasan munasabah ke Bahagian Sumber Manusia APMM satu hari dari tarikh melapor diri seperti di arahan pertukaran.

41.6 Menyediakan program latihan dan sistem penggantian yang sesuai untuk memastikan kebolehan dan kemahiran yang ada pada Pegawai Penguat Kuasa APMM yang akan ditukarkan itu dikongsi bersama oleh pegawai yang lain.

41.7 Pegawai Penguat Kuasa APMM yang akan ditukarkan mematuhi arahan pertukaran yang dikeluarkan. Mana-mana Pegawai Penguat Kuasa APMM yang ingkar boleh dikenakan tindakan tatatertib tanpa alasan yang munasabah.

41.8 Menyediakan Nota Serah Tugas yang lengkap untuk melicinkan pengambilalihan tugas oleh pengganti.

41.9 Mengembalikan semua barang, peralatan, buku atau dokumen yang diperuntukkan ke atas jawatannya.

41.10 Menyediakan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan di bawah seliaan mereka yang telah memenuhi syarat yang ditetapkan.

41.11 Memberi tempoh masa yang munasabah kepada mana-manaPegawai Penguat Kuasa APMM yang diarah bertukar keluar bagi membolehkan mereka membuat persediaan.

41.12 Memastikan Pegawai Penguat Kuasa APMM yang mengetuai sesebuah unit mematuhi dan melaksanakan arahan pertukaran yang dikeluarkan.

41.13 Memastikan Pegawai Penguat Kuasa APMM mengemaskini rekod kepegawaian sebelum memajukan permohonan pertukaran supaya diberikan pertimbangan dengan wajar dan setelah melapor di unit baru dengan menggunakan Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (*Human Resource Management Information System* – [HRMIS]).

PEMBATALAN PERTUKARAN

42. Keputusan pertukaran penempatan oleh PPSM yang dilaksanakan oleh Ibu Pejabat APMM adalah muktamad dan mana-mana Pegawai Penguat Kuasa APMM yang telah diberikan arahan pertukaran tidak dibenarkan membuat pembatalan pertukaran penempatan.

43. Walau bagaimanapun, Pegawai Penguat Kuasa APMM boleh memajukan rayuan dengan sebab-sebab yang kukuh, munasabah dan disertakan dokumen-dokumen yang menyokong permohonan ke Bahagian Sumber Manusia APMM dengan sokongan Pengarah Maritim Negeri.

PENEMPATAN DI AGENSI KERAJAAN LAIN

44. Pengisian jawatan tertakluk kepada keperluan Agensi yang terlibat dan peruntukan perjawatan yang disediakan.

PINJAMAN (*SECONDMENT*)

45. **Kriteria.** Pemilihan Pegawai Penguat Kuasa APMM untuk mengisi perjawatan pinjaman perlumenepati kriteria-kriteria berikut:

45.1 Pegawai Penguat Kuasa APMM hendaklah berwibawa dan mempunyai sikap serta keperibadian yang baik.

45.2 Berkemampuan menghasilkan mutu perkhidmatan yang berkualiti kepada organisasi di mana pegawai dipinjamkan.

45.3 Mampu menyumbangkan buah fikiran serta mempunyai kelulusan dan kepakaran yang diperlukan selain mempunyai kelayakan dan pengalaman yang sesuai dengan jawatan yang diisi.

46. **Pemilihan.** Bahagian Sumber Manusia APMM bertanggungjawab membuat pemilihan awal Pegawai Penguat Kuasa APMM yang akan dipinjamkan dan mengesyorkan kepada Mesyuarat PPSM Alpha untuk mendapat pertimbangan dan kelulusan. Hanya Pegawai Penguat Kuasa APMM Lantikan Tetap sahaja yang layak dipertimbangkan untuk mengisi perjawatan pinjaman. Kuasa untuk meluluskan pinjaman Pegawai Penguat Kuasa APMM adalah terletak kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Walau bagaimanapun, kelulusan ini adalah tertakluk kepada:

46.1 Persetujuan dan penentuan syarat-syarat pinjaman Jabatan Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bagi pinjaman ke Kementerian/Badan Kerajaan, Perkhidmatan Swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan;

46.2 Persetujuan dan penentuan syarat-syarat pinjaman Jabatan Perkhidmatan Awam bagi pinjaman ke Badan Berkanun; dan

46.3 Persetujuan dan penentuan syarat-syarat pinjaman Setiausaha Kerajaan Negeri bagi pinjaman ke Agensi/Pertubuhan di bawah kuasa Kerajaan Negeri.

47. **Tempoh Pinjaman.** Tempoh pinjaman permulaan ialah selama dua (2) tahun. Tempoh ini boleh dilanjutkan selama dua (2) tahun lagi dan seterusnya perlanjutan terakhir selama setahun menjadikan tempoh maksimum pinjaman selama lima (5) tahun. Walau bagaimanapun, JPA berhak untuk menamatkan pinjaman itu pada bila-bila masa sekiranya perlu.

PERTUKARAN YANG DILARANG

48. Pegawai Penguat Kuasa APMM yang berprestasi rendah atau mempunyai masalah tatatertib tidak boleh ditukarkan penempatan sehingga masalah tersebut diselesaikan kecuali pertukaran itu merupakan sebahagian daripada langkah pemulihan atau penilaian semula. Tindakan menukarkan mana-mana Pegawai Penguat Kuasa APMM yang berprestasi rendah atau mempunyai masalah tatatertib adalah tidak wajar dan tidak adil kerana tindakan itu dianggap sebagai memindahkan masalah kepada unit lain.

TUNTUTAN PERPINDAHAN

49. Dalam menimbangkan permohonan tuntutan perpindahan bagi pertukaran penempatan Pegawai Penguat Kuasa APMM, Ketua Jabatan hendaklah mematuhi peraturan-peraturan berikut seperti di surat JPA (S) 63/163 (30) bertarikh 23 Ogos 1994 dan JPA (S) 63/163 (40) bertarikh 10 Nov 1994:

49.1 Menentukan Pegawai Penguat Kuasa APMM yang bertukar penempatan layak dipertimbangkan permohonan tuntutan perpindahan sekiranya jarak di antara unit baru dan lama lebih daripada 33 km; dan

49.2 Menentukan peruntukan kewangan Jabatan adalah mencukupi bagi menampung bayaran tuntutan perpindahan Pegawai Penguat Kuasa APMM sekiranya diluluskan.

50. Pegawai Penguat Kuasa APMM adalah layak dipertimbangkan untuk permohonan tuntutan perpindahan bagi pertukaran penempatan sekiranya mematuhi perkara-perkara berikut:

50.1 Pegawai Penguat Kuasa APMM telah berkhidmat sekurang-kurangnya lima (5) tahun di negeri terakhir bergantung kepada keperluan perkhidmatan. Walau bagaimanapun, permohonan juga boleh dipertimbangkan sekiranya berkhidmat sekurang-kurangnya dua (2) tahun di kawasan hidup susah dan menerima Bayaran Insentif Pendalaman mengikut syarat-syarat di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 tahun 1991.

50.2 Pegawai Penguat Kuasa APMM yang mengikut suami atau isteri yang telah bertukar penempatan terlebih dahulu dengan syarat pegawai tersebut telah berkhidmat sekurang-kurangnya satu (1) tahun di unit terakhir.

50.3 Atas sebab kesihatan Pegawai Penguat Kuasa APMM atau keluarga (isteri dan anak sahaja) bagi membolehkan menerima rawatan yang lebih baik dan perlu mendapat surat pengesahan dari Pegawai Perubatan dari hospital kerajaan.

50.4 Menjaga ibu dan bapa yang telah uzur dan memerlukan penjagaan rapi. Permohonan juga hendaklah disertakan surat pengesahan Pegawai Perubatan dari hospital kerajaan.

50.5 Bertukar disebabkan ketidaksesuaian penempatan berdasarkan kepakaran, kemahiran, kelulusan ilmiah atau keadaan yang serba salah (*extenuating circumstances*) yang boleh memudaratkan jika tidak bertukar. Ketua Jabatan boleh menggunakan budi bicara untuk menimbangkan permohonan pegawai.

51. Permohonan tuntutan perpindahan Pegawai Penguat Kuasa APMM yang bertukar penempatan adalah tidak layak dipertimbangkan sekiranya menepati perkara-perkara berikut:

51.1 Pertukaran penempatan kerana berkursus.

51.2 Pertukaran penempatan bersyarat atas sebab-sebab tiada peruntukan kewangan atas persetujuan bersama untuk tidak membuat sebarang tuntutan.

51.3 Alasan-alasan lain selain di para 50.

52. Bagi melicinkan lagi pengurusan pertukaran penempatan dan pembayaran tuntutan perpindahan, kenyataan berikut akan dinyatakan di dalam setiap surat penempatan yang diedarkan pada setiap Pegawai Penguat Kuasa APMM yang bertukar penempatan.

52.1 “Tuan/Puan adalah layak membuat tuntutan perpindahan berdasarkan kepada Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 tahun 1992, surat JPA (S) 63/163 (30) bertarikh 23 Ogos 1994 dan JPA (S) 63/163 (40) bertarikh 10 Nov 1994”.

52.2 “Pertukaran penempatan adalah diluluskan tetapi tuan/puan tidak dibenarkan membuat permohonan tuntutan perpindahan”.

53. Prosedur tuntutan atau bayaran bagi ejen pengangkutan (*forwarding agents*) di unit lama dan tuntutan elaun pindah di unit baru selaras dengan Surat Pekeliling Bahagian Kewangan Bilangan 2 Tahun 2010.

PENGARUH ATAU TEKANAN LUAR

54. Pegawai Penguat Kuasa APMM dilarang menggunakan apa-apa bentuk pengaruh atau tekanan dari pihak tertentu bagi menyokong permohonan. Tindakan tersebut adalah bertentangan dengan Peraturan-Peraturan Penjawat Awam (Kelakuan dan Tatatertib 1993) Peraturan 4 (2) (h) Membawa atau cuba membawa apa-apa bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan apa-apa tuntutan berhubung dengan atau terhadap perkhidmatan awam sama ada tuntutan itu ialah tuntutan sendiri atau tuntutan mana-mana pegawai lain.

TINDAKAN TATATERTIB

55. Bagi mana-mana Pegawai Penguat Kuasa APMM gagal melapor diri di unit baru pada tarikh yang telah ditetapkan seperti di arahan pertukaran tanpa alasan munasabah adalah melanggar Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1995 dan Arahan Ketua Pengarah Bilangan 4 Tahun 2013-Garis Panduan Penyelia Bagi Tujuan Kawalan dan Pengawasan Tatatertib APMM dan boleh diambil tindakan.

56. Mana-mana Pegawai Penguat Kuasa APMM yang tidak hadir bertugas di unit baru seperti di arahan pertukaran dan dapat dikesan sekurang-kurangnya satu (1) hari bekerja atau lebih secara berturut-turut atau berselang seli, Pengarah Maritim Negeri hendaklah menyediakan dokumen berkaitan dan melaporkan segera kepada Bahagian Sumber Manusia APMM.

57. Sekiranya Pegawai Penguat Kuasa APMM tidak hadir bertugas di unit baru seperti di arahan pertukaran tujuh (7) hari bekerja secara berturut-turut dan tidak dapat dikesan, Pengarah Maritim Negeri hendaklah mengesan dan mendapatkan pengesahan tentang ketidakhadiran pegawai tersebut dengan segera. Pemakluman kepada Bahagian Sumber Manusia APMM perlu dibuat pada kadar segera untuk tujuan pemotongan emolumen bagi mengelakkan Akaun Belum Terima.

58. Selain daripada itu, Pengarah Maritim Negeri juga bertanggungjawab menyiasat dan mengesahkan alasan Pegawai Penguat Kuasa APMM yang tidak hadir melaporkan diri seperti mengemukakan sijil cuti sakit yang diragui statusnya atau alasan-alasan lain yang tidak munasabah dan membuat pemakluman kepada Bahagian Sumber Manusia APMM pada kadar segera.

59. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), JPA telah mengeluarkan arahan penentuan Ketua Jabatan bagi tujuan kawalan dan pengawasan tatatertib melalui JPA.BK(S) 223/9/3 (16) bertarikh 12 Okt 2011 dan hendaklah dipatuhi.

PENGECUALIAN

60. Bahagian Sumber Manusia APMM hanya boleh menimbang pengecualian seseorang Pegawai Penguat Kuasa APMM daripada ditukarkan atau meluluskan permohonan pembatalan sesuatu arahan pertukaran atas alasan meninggalkan jawatan yang disandangnya dalam tempoh kurang dari setahun dari tarikh kuat kuasa pertukaran yang dicadangkan seperti berikut:

60.1 Bersara dari Perkhidmatan Awam.
60.2 Ditamatkan dari Perkhidmatan Awam.
60.3 Dilantik ke jawatan lain atau dinaikkan pangkat.
60.4 Telah diluluskan cuti yang tempohnya tidak kurang daripada enam (6) bulan.

PEMAKAIAN DASAR

61. Arahan Ketua Pengarah Bilangan 6 Tahun 2014 - Garis Panduan Pertukaran Penempatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim dan Pegawai LLP Penguat Kuasa Maritim adalah terbatal.

LAMPIRAN H

PELAN PENEMPATAN
KUMPULAN PEGAWAI LLP PENGUAT KUASA MARITIM

BAHAGIAN NAUTIKA

TEMPOH	PANGKAT	KEUTAMAAN	PENEMPATAN/JAWATAN
0 hingga 3 tahun	Laskar Kelas II Maritim	**1**	• Pembantu (Sektor Operasi)
0 hingga 3 tahun	Laskar Kelas I Maritim	**1** **1**	• Penolong kapal/pangkalan/bot • Unit Kepakaran Khas***
0 hingga 3 tahun	Laskar Kanan Maritim	**1** **2** **1** **1**	• Penolong Ketua Seksyen (kapal besar) • Staf Tadbir/Operasi/Logistik • Ketua Seksyen (kapal kecil/bot) • Unit Kepakaran Khas***
0 hingga 3 tahun	Bintara Muda Maritim (Lantikan)	**1** **1** **1**	• Pembantu Penyelia (Sektor Operasi) • Siasatan • Kejuruteraan
0 hingga 3 tahun	Bintara Muda Maritim	**1** **2** **2** **2** **2** **2** **1**	• Ketua bot • Ketua Seksyen kapal besar/kecil • Jurulatih AMSAS • Juragan kapal kecil • Penolong Pegawai Penyiasat • Staf Tadbir/Operasi/Logistik • Unit Kepakaran Khas***
0 hingga 3 tahun	Bintara Kanan Maritim	**1** **1** **1** **1** **2** **2** **2**	• Ketua bot • Ketua Seksyen kapal besar • Jurulatih AMSAS • Juragan kapal kecil • Penolong Pegawai Penyiasat • Staf Tadbir/Operasi/Logistik • Unit Kepakaran Khas***
0 hingga 3 tahun	Pegawai Waran II Maritim	**1** **1** **1** **2** **2** **1**	• Ketua Seksyen kapal besar • Jurulatih AMSAS • Juragan kapal besar • Penolong Pegawai Penyiasat • Penolong Pegawai Staf Tadbir/Operasi/ Logistik • Unit Kepakaran Khas***

TEMPOH	PANGKAT	KEUTAMAAN	PENEMPATAN/JAWATAN
0 hingga 3 tahun	Pegawai Waran I Maritim	**1**	• Ketua Seksyen kapal besar
		1	• Jurulatih AMSAS
		1	• Juragan kapal besar
		2	• Penolong Pegawai Penyiasat
		2	• Penolong Pegawai Staf Tadbir/Operasi/ Logistik
		1	• Unit Kepakaran Khas***

Petunjuk:

1. *KS – Kumpulan Sokongan
2. *TK – Tahap Kecekapan
3. **Kursus Dalam Perkhidmatan - Kursus anjuran Jabatan tidak melebihi tujuh (7) hari dan kursus berkaitan peningkatan pengetahuan dalam kerjaya.
4. *** Penempatan di unit Kepakaran Sokongan Khas bergantung kepada kelayakan pangkat. Mereka boleh ditukar ke unit lain untuk tujuan mendapatkan pengalaman.

PELAN PENEMPATAN
KUMPULAN PEGAWAI LLP PENGUAT KUASA MARITIM

BAHAGIAN PENERBANGAN

TEMPOH	PANGKAT	KEUTAMAAN	PENEMPATAN/JAWATAN
0 hingga 3 tahun	Laskar Kelas II Maritim	**1**	• Pembantu (kapal/pangkalan)
0 hingga 3 tahun	Laskar Kelas I Maritim	**1** **1**	• Pembantu Kru Udara (pesawat/ Unit Udara) • Unit Kepakaran Khas***
0 hingga 3 tahun	Laskar Kanan Maritim	**1** **1**	• Penolong Kru Udara (pesawat/ Unit Udara) • Unit Kepakaran Khas***
0 hingga 3 tahun	Bintara Muda Maritim (Lantikan)	**1** **1** **1** **1** **1**	• Kuarter master • Jurulatih AMSAS/Unit Udara • Penolong Pegawai Penyiasat • Staf Tadbir/Operasi • Unit Kepakaran Khas***
0 hingga 3 tahun	Bintara Muda Maritim	**1** **1** **2** **2** **1**	• Kuarter master • Jurulatih AMSAS/Unit Udara • Penolong Pegawai Penyiasat • Staf Tadbir/Operasi • Unit Kepakaran Khas***
0 hingga 3 tahun	Bintara Kanan Maritim	**1** **1** **2** **2** **1**	• Kuarter master • Jurulatih AMSAS/Unit Udara • Penolong Pegawai Penyiasat • Penolong Pegawai Staf Tadbir/Operasi • Unit Kepakaran Khas***
0 hingga 3 tahun	Pegawai Waran II Maritim	**1** **1** **2** **2** **1**	• Kuarter master • Jurulatih AMSAS/Unit Udara • Penolong Pegawai Penyiasat • Penolong Pegawai Staf Tadbir/Operasi • Unit Kepakaran Khas***

Petunjuk:

1. **Kursus Dalam Perkhidmatan - Kursus anjuran Jabatan tidak melebihi tujuh (7) hari dan kursus berkaitan peningkatan pengetahuan dalam kerjaya.

2. *** Penempatan di unit Kepakaran Sokongan Khas bergantung kepada kelayakan pangkat. Mereka boleh ditukar ke unit lain untuk tujuan mendapatkan pengalaman.

PELAN PENEMPATAN
KUMPULAN PEGAWAI LLP PENGUAT KUASA MARITIM

BAHAGIAN KEJURUTERAAN

TEMPOH	PANGKAT	KEUTAMAAN	PENEMPATAN/JAWATAN
0 hingga 3 tahun	Laskar Kelas II Maritim	**1**	• Pembantu (kapal/pangkalan)
0 hingga 3 tahun	Laskar Kelas I Maritim	**1** **1**	• Penolong Staf Teknikal (kapal/pangkalan/ bot) • Unit Kepakaran Khas****
0 hingga 3 tahun	Laskar Kanan Maritim	**1** **2** **2** **2** **1**	• Ketua Seksyen Teknikal (kapal kecil/bot) • Penolong Ketua SeksyenTeknikal (kapal besar) • Staf Teknikal/Tadbir/Logistik • Unit Operasi Udara • Unit Kepakaran Khas****
0 hingga 3 tahun	Bintara Muda Maritim (Lantikan)	**1** **1** **1** **2** **2** **2** **2** **1**	• Ketua Bot • Jurulatih AMSAS/Unit Udara • Ketua Seksyen Teknikal (kapal besar/ kecil) • COB Kapal Kecil*** • Penolong Pegawai Penyiasat • Penyelia Teknikal/Tadbir/Logistik • Staf/Teknisyen Caw. Operasi Udara • Unit Kepakaran Khas****
0 hingga 3 tahun	Bintara Muda Maritim	**1** **1** **1** **2** **2** **2** **1**	• Ketua Bot • Jurulatih AMSAS/Unit Udara • Ketua Seksyen Teknikal (kapal besar) • COB kapal kecil*** • Penolong Pegawai Penyiasat • Penyelia Teknikal/Tadbir/Logistik/Unit Udara • Unit Kepakaran Khas****
0 hingga 3 tahun	Bintara Kanan Maritim	**1** **1** **1** **2** **2** **1**	• COB Kapal Besar*** • Jurulatih AMSAS/Unit Udara • Ketua Seksyen Teknikal (kapal besar) • Penolong Pegawai Penyiasat • Penolong Pegawai/Penyelia Teknikal/ Tadbir/Logistik/Unit Udara • Unit Kepakaran Khas****

TEMPOH	PANGKAT	KEUTAMAAN	PENEMPATAN/JAWATAN
0 hingga 3 tahun	Pegawai Waran II Maritim	**1**	• COB Kapal Besar***
		1	• Jurulatih AMSAS/Unit Udara
		1	• Ketua Seksyen Teknikal (kapal besar)
		2	• Penolong Pegawai Penyiasat
		2	• Penolong Pegawai/Penyelia Teknikal/ Tadbir/Logistik/Unit Udara
		1	• Unit Kepakaran Khas****

Petunjuk:

1. *KS – Kumpulan Sokongan

2. **Kursus Dalam Perkhidmatan - Kursus anjuran Jabatan tidak melebihi tujuh (7) hari dan kursus berkaitan peningkatan pengetahuan dalam kerjaya.

3. *** COB – *Chief of the Boat*.

4. **** Penempatan di unit Kepakaran Sokongan Khas bergantung kepada kelayakan pangkat. Mereka boleh ditukar ke unit lain untuk tujuan mendapatkan pengalaman.

PELAN PENEMPATAN
KUMPULAN PEGAWAI PENGUAT KUASA MARITIM

TEMPOH	PANGKAT	KEUTAMAAN	PENEMPATAN/JAWATAN
0 hingga 3 tahun	Leftenan Muda Maritim	**1**	• Pegawai Laksana (kapal kecil)
		2	• Pegawai Navigasi/Senjata (kapal kecil)
		2	• Penolong Pegawai (kapal/pangkalan)
		2	• Penolong Pegawai di Unit Kepakaran Khas***
0 hingga 3 tahun	Leftenan Madya Maritim	**1**	• Pegawai Memerintah (kapal kecil)
		1	• Pegawai Penyiasat
		2	• Pegawai Navigasi/Senjata (kapal besar)
		2	• Pegawai Laksana (kapal kecil)
		2	• Pegawai Staf Tadbir/Operasi/Logistik Negeri/Zon
		1	• Unit Kepakaran Khas
0 hingga 3 tahun	Leftenan Maritim	**1**	• Pegawai Memerintah (kapal kecil)
		2	• Pegawai Penyiasat/Pendakwa.
		2	• Pegawai Laksana (kapal kecil)
		2	• Pegawai Navigasi/Senjata (kapal besar)
		1	• Pegawai Staf Tadbir/Operasi/Logistik Negeri/Zon/AMSAS
		1	• Unit Kepakaran Khas
0 hingga 3 tahun	Leftenan Komander Maritim	**1**	• Pegawai Memerintah (kapal kecil)
		2	• Pegawai Penyiasat/Pendakwa
		2	• Pegawai Navigasi/Senjata (kapal besar)
		2	• Pegawai Staf Tadbir/Operasi/Logistik Negeri/Zon/Ibu Pejabat/AMSAS
		1	• Unit Kepakaran Khas
0 hingga 3 tahun	Komander Maritim	**1**	• Pengarah Zon Maritim
		1	• Pegawai Memerintah
		1	• Pengarah Operasi Negeri
		1	• Pengarah Logistik Negeri
		2	• PPK Tadbir/Operasi/Logistik Negeri/ Ibu Pejabat/ AMSAS
		1	• Unit Kepakaran Khas

TEMPOH	PANGKAT	KEUTAMAAN	PENEMPATAN/JAWATAN
0 hingga 3 tahun	Kepten Maritim	**1** **1** **2** **1**	• Pengarah Negeri/Pengarah Operasi Negeri/Swasla • Pegawai Memerintah • KPP/Pengarah Tadbir/Operasi/Logistik Negeri/Ibu Pejabat/AMSAS • Unit Kepakaran Khas
0 hingga 3 tahun	Laksamana Pertama Maritim	**1** **1**	• Pengarah di Ibu Pejabat • Pengarah Negeri/Pengarah Pendidikan dan Latihan

LAMPIRAN I

LALUAN KERJAYA PEGAWAI PENGUAT KUASA APMM

BIL	PANGKAT	GRED	PENEMPATAN/ KEMAHIRAN	TEMPOH PENEMPATAN (MINIMUM)				PERJAWATAN UTAMA	CATATAN
				AMSAS	SEKTOR PENGURUSAN, LOGISTIK & LATIHAN	SEKTOR OPERASI	SEKTOR KHUSUS		
1.	Laskar Kelas II (M)	Gred T1	Kursus Generik dan Kursus Kecenderungan	8 bulan				Pelatih	Laskar Kelas II (M) layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke jawatan Laskar Kelas I (M) secara *time-based* setelah berkhidmat sekurang- kurangnya tiga (3) tahun di pangkat Laskar Kelas II (M) tidak termasuk Kursus Asas.
				1 bulan					
			Penempatan LSK			4 bulan		Latihan Sambil Kerja	
			Penempatan Setamat LSK			36 bulan		Pembantu: 1. Operasi 2. Teknikal	
			Kursus Khas				3 - 9 bulan		
2.	Laskar Kelas I (M) & Laskar Kanan (M)	Gred T2 & T4	Kursus Fungsional Tahap 2	2 - 24 minggu	63 bulan	32 bulan		Pembantu Kanan: 1. Kapal 2. Sektor Operasi (Siasatan/SAR/ Penguatkuasaan) 3. Sektor Pengurusan/ Logistik/Latihan	Laskar Kelas I (M) layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke jawatan Laskar Kanan (M) berdasarkan: i. Telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun di pangkat Laskar Kelas I (M) sekiranya ada kekosongan; atau ii. Secara *time-based* setelah lima (5) tahun di pangkat Laskar Kelas I (M) walaupun tiada kekosongan. Laskar Kanan (M) layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke jawatan Bintara Muda (M) setelah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun di pangkat Laskar Kanan (M) sekiranya ada kekosongan.
							96 bulan		
			Kursus TOT	2 minggu					

BIL	PANGKAT	GRED	PENEMPATAN/ KEMAHIRAN	TEMPOH PENEMPATAN (MINIMUM)				PERJAWATAN UTAMA	CATATAN
				AMSAS	SEKTOR PENGURUSAN, LOGISTIK & LATIHAN	SEKTOR OPERASI	SEKTOR KHUSUS		
3.	Bintara Muda (M)	Gred T5	Kursus Generik	9 bulan				Pelatih	Bintara Muda (M) layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke jawatan Bintara Kanan (M) setelah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun di pangkat Bintara Muda (M) sekiranya ada kekosongan.
			Penempatan LSK			4 bulan		Penolong Penyelia: 1. Siasatan 2. Teknikal	
			Kursus Lanjutan Siasatan/ Teknikal	2 - 3 bulan (Lanjutan)					
			Penempatan Setamat LSK			32 - 33 bulan*			
			Kursus Fungsional Tahap 3	1 minggu					
		Gred T6	Kursus Generik	1 - 4 minggu				Penyelia: 1. Operasi 2. Carilamat 3. Teknikal 4. Navigasi 5. Siasatan 6. Pengurusan	
			Kursus Fungsional Tahap 3	2 - 24 minggu	24 bulan	12 bulan			
			Kursus TOT	2 minggu					
			Kursus Khas				1 - 2 minggu		
4.	Bintara Kanan (M), Pegawai Waran II (M) & Pegawai Waran I (M)	Gred T8, T10 & T12	Kursus Generik	2 minggu	6 tahun	3 tahun		Penyelia Kanan: 1. Kapal 2. Sektor Operasi (Siasatan/SAR/ Penguatkuasaan) 3. Sektor Pengurusan/ Logistik/Latihan	Bintara Kanan (M) layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Waran II (M) setelah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun di pangkat Bintara Kanan (M) sekiranya ada kekosongan. Pegawai Waran II (M) layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Waran I (M) setelah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun di pangkat Pegawai Waran II (M) sekiranya ada kekosongan.
			Kursus Fungsional Tahap 4A	1 - 2 minggu			9 tahun		

BIL	PANGKAT	GRED	PENEMPATAN/ KEMAHIRAN	TEMPOH PENEMPATAN (MINIMUM)				PERJAWATAN UTAMA	CATATAN
				AMSAS	SEKTOR PENGURUSAN, LOGISTIK & LATIHAN	SEKTOR OPERASI	SEKTOR KHUSUS		
5.	Leftenan Muda (M)	Gred T13	Kursus Generik	9 bulan				Pelatih Pegawai	Leftenan Muda (M) layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke jawatan Leftenan Madya (M) secara *time-based* setelah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun di pangkat Leftenan Muda (M) tidak termasuk Kursus Asas.
			Kursus Fungsional Tahap 4B	2 minggu - 6 bulan					
			Penempatan LSK			4 bulan		Pegawai Muda: 1. Operasi 2. Navigasi 3. Geledah 4. Tadbir	
			Penempatan Setamat LSK			3 tahun			
			Kursus Khas	18 - 24 bulan			3 tahun		
6.	Leftenan Madya (M)	Gred T14	Kursus Generik	5 minggu				Pegawai: 4. Kapal 5. Sektor Operasi (Siasatan/SAR/ Penguatkuasaan) 6. Sektor Pengurusan/ Logistik/Latihan	Leftenan Madya (M) layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke jawatan Leftenan (M) setelah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun di pangkat Leftenan Madya (M) sekiranya ada kekosongan.
			Kursus Fungsional Tahap 4C	2 - 6 minggu	24 bulan	12 bulan	3 tahun		
			Train of Trainers	2 minggu					
			Kursus Khas				6 bulan		

BIL	PANGKAT	GRED	PENEMPATAN/ KEMAHIRAN	TEMPOH PENEMPATAN (MINIMUM)				PERJAWATAN UTAMA	CATATAN
				AMSAS	SEKTOR PENGURUSAN, LOGISTIK & LATIHAN	SEKTOR OPERASI	SEKTOR KHUSUS		
7.	Leftenan (M) & Leftenan Komander (M)	Gred T16 & T18	Kursus Generik	1 - 3 minggu	24 bulan	12 bulan		Pegawai Kanan: 1. Kapal 2. Sektor Operasi (Siasatan/SAR/ Penguatkuasaan) 3. Sektor Pengurusan/ Logistik/Latihan	Leftenan (M) layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke jawatan Leftenan Komander (M) setelah berkhidmat sekurang- kurangnya tiga (3) tahun di pangkat Leftenan (M) sekiranya ada kekosongan. Leftenan Komander (M) layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke jawatan Komander (M) setelah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun di pangkat Leftenan Komander (M) sekiranya ada kekosongan.
			Kursus Fungsional Tahap 5	2 - 4 minggu					
			Kursus Khas	1 minggu			3 tahun		
8.	Komander (M), Kepten (M) & Laksamana Pertama (M)	Gred T20, T22 & T24	Kursus Generik	1 minggu	4 tahun	2 tahun		Ketua Pegawai Kanan: 1. Kapal 2. Sektor Operasi (Siasatan/SAR/ Penguatkuasaan) 3. Sektor Pengurusan/ Logistik/Latihan	Komander (M) layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke jawatan Kepten (M) setelah berkhidmat sekurang- kurangnya tiga (3) tahun di pangkat Komander (M) sekiranya ada kekosongan. Kepten (M) layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke jawatan Laksamana Pertama (M) setelah berkhidmat sekurang- kurangnya tiga (3) tahun di pangkat Kepten (M) sekiranya ada kekosongan.
			Kursus Fungsional Tahap 6				6 tahun		

LAMPIRAN J

MERIT PELATIH PEGAWAI PENGUAT KUASA APMM

Nama	:			
No. KP	:			
	PERKARA		**PEMARKAHAN**	
A	**PENCAPAIAN AKADEMIK (70%)**			
	i. Bawah 49%		**0**	
	ii. 50% - 64%		**50**	
	iii. 65% - 74%		**60**	
	iv. 75% - 84%		**65**	
	v. 85% - 100%		**70**	
B	**SUMBANGAN DAN KEGIATAN (20%)**			
	i. Sukan			
		a. Wakil Jabatan	**6**	
		b. Wakil PPL	**4**	
		c. Wakil *Division*	**3**	
		d. Peserta biasa	**2**	
	ii. Pemegang jawatan/pangkat		**4**	
	iii. Mengendalikan majlis/acara		**4**	
	iv. Kuantiti hasil kerja		**4**	
	v. Menjalankan tugas kumpulan (Ketua Kelas dll.)		**2**	
C	**SIKAP (10%)**			
	i. Ketepatan masa		**2**	
	ii. Rupacara		**2**	
	iii. Disiplin diri		**2**	
	iv. Kerjasama berpasukan/sosial		**2**	
	v. Proaktif dan kreativiti		**2**	
D	**DEMERIT**			
	i. Dikenakan hukuman ringan		**-1**	
	ii. Dikenakan Surat Tunjuk Sebab:			
		a. Ketua Sekolah	**-3**	
		b. Komandan	**-5**	
	iii. Amaran:			
		a. Komandan	**-10**	
		b. Pengarah PPL	**-15**	
	iv. Jawatankuasa Disiplin		**-20**	

Catatan:

LAMPIRAN K

KELAS-KELAS KAPAL APMM

BIL	KELAS KAPAL/BOT	JUMLAH KAPAL
	KAPAL	
1.	Kelas PEKAN	2
2.	Kelas LANGKAWI	2
3.	Kelas MARLIN	1
4.	Kelas GAGAH (A)	15
5.	Kelas BAGAN DATUK	6
6.	Kelas SIPADAN	2
7.	Kelas RAMUNIA (A)	5
8.	Kelas RAMUNIA (B)	2
9.	Kelas NUSA (A)	2
10.	Kelas NUSA (B)	3
11.	Kelas RHU	2
12.	Kelas SEMILANG	4
13.	Kelas MALAWALI	4
14.	Kelas GEMIA	9
15.	Kelas TUGAU	14
	BOT	
16.	Kelas PENYELAMAT (A)	1
17.	Kelas PENGGALANG (A)	7
18.	Kelas PENGGALANG(B)	2
19.	Kelas PENGGALANG (C)	12
20.	Kelas PENGAWAL (A)	5
21.	Kelas PENGAWAL (B)	17
22.	Kelas PENGAWAL (C)	7
23.	Kelas PENINJAU	1
24.	Kelas PETIR	10
25.	Kelas HALILINTAR	9
26.	Kelas PELINDUNG	1
27.	Kelas KILAT	52
JUMLAH		**197**

STRUKTUR KERJAYA DAN KOMPETENSI TAHAP 1

LASKAR KELAS II MARITIM GRED T1

KEPAKARAN KHAS

STRUKTUR KERJAYA DAN KOMPETENSI TAHAP 1
LASKAR KELAS II MARITIM GRED T1

1. KOMPETENSI

1.1 Tahap 1 - Pembantu Pegawai Penguat Kuasa Maritim.

2. KLASIFIKASI TUGAS

2.1 Pelaksana – Penerbang, Pasukan Tindakan Khas, Penyelam dan Forensik.

3. MATLAMAT

3.1 Menerangkan struktur kompetensi pegawai dari aspek kekompetenan dan pelaksanaan bidang tugas jawatan selaras dengan undang-undang dan peraturan yang diperuntukkan.

4. TUJUAN

4.1 Memahami jenis kekompetenan pegawai bagi tujuan untuk dipertimbangkan kenaikan pangkat ke gred lebih tinggi bergantung kepada kekosongan perjawatan selaras dengan Rasionalisasi Skim Perkhidmatan APMM 2016.

5. PEGAWAI YANG LAYAK

5.1 Laskar Kelas II Maritim Gred T1 yang dalam latihan dan akan disahkan dalam perkhidmatan.

6. KOMPETENSI PERKHIDMATAN

6.1 Pembentukan kompetensi adalah berasaskan tugas teras iaitu tugas umum dan tugas operasi bagi setiap Pegawai LLP Penguat Kuasa Maritim dalam melaksanakan tugas seperti mana termaktub di dalam Akta APMM (Akta 633).

6.2 Kompetensi Tahap 1 yang dibangunkan adalah berasaskan TNA yang dibangunkan selaras dengan Standard Kemahiran Kebangsaan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia.

6.3 Selaras dengan Perintah Tetap Ketua Pengarah APMM Bab A 306; LSK Pegawai Pelatih dan Laskar Kelas II Maritim yang menjalani Kursus Asas di AMSAS dan Standard Pembangunan Kompetensi sebagai anggota asas Bahagian Operasi Udara APMM.

6.4 Selaras dengan syarat yang ditetapkan dalam Rasionalisasi Skim Perkhidmatan APMM 2016.

7. KEPERLUAN KOMPONEN KOMPETENSI DAN POTENSI

7.1 Kompetensi dan potensi yang ditetapkan pada peringkat Tahap 1 (Pelaksana), Kursus Asas Pembantu Pegawai Penguat Kuasa Maritim merangkumi:

7.1.1 **Kursus Generik**. Kursus pada peringkat ini adalah kursus:

a) Asas Pembantu Penguat Kuasa Maritim;
b) Program Transformasi Minda;
c) Undang-undang Rendah;
d) Kecenderungan Nautika Tahap 1;
e) Kecenderungan Kejuruteraan Tahap 1; dan
f) *On Job Training* di kapal.

7.1.2 **Kursus Khas**. Dimohon melalui Bahagian Sumber Manusia APMM setelah lulus kursus generik Tahap 1 seperti berikut:

a) Lulus Kursus Asas Komando;
b) Lulus Kursus Asas Pembantu Penerbang;
c) Lulus Kursus Asas Perenang Penyelamat;
d) Lulus Kursus Asas Penyelam; dan
e) Lulus Kursus Asas Forensik Maritim.

8. MODUL KOMPETENSI

8.1 Modul kompetensi adalah seperti dalam TNA.

9. TEMPOH

9.1 Pelaksanaan Kursus Asas Pembantu Pegawai Penguat Kuasa Maritim adalah meliputi dua (2) komponen kursus iaitu:

9.1.1 **Kursus Generik**. Tempoh selama 13 bulan yang terbahagi kepada dua (2) fasa seperti berikut:

a) **Fasa 1**. Kursus secara teori di AMSAS selama sembilan (9) bulan tertakluk kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam bagi cuti belajar bergaji penuh tanpa biasiswa. Kursus meliputi modul Asas dan Umum (27 minggu) termasuk modul Undang-undang Rendah (4 minggu), PTM (1 minggu), Kecenderungan Nautika Tahap 1 atau Kecenderungan Kejuruteraan Tahap 1 (4 minggu).

KURSUS GENERIK	TEMPOH
Asas Pembantu Penguat Kuasa Maritim	9 bulan
Program Transformasi Minda	
Undang-undang Rendah	
Kecenderungan Nautika Tahap 1	
Kecenderungan Kejuruteraan Tahap 1	

b) **Fasa 2**. LSK selama empat (4) bulan di kapal atau bot maritim. Pegawai perlu melengkapkan BTT LSK dan diperakukan oleh Pegawai Memerintah/Ketua Bot/Ketua Jabatan.

9.1.2 **Kursus Khas**. Kursus ini merupakan kursus opsyen kepada pegawai-pegawai yang terpilih seperti berikut:

KURSUS	TEMPOH
Asas Komando	20 minggu
Asas Penerbang (Kru Udara)	9 bulan
Perenang Penyelamat	9 bulan
Asas Penyelam	6 minggu
Asas Forensik Maritim	2 minggu

STRUKTUR KERJAYA DAN KOMPETENSI
TAHAP 1

LASKAR KELAS II MARITIM GRED T1

KEPAKARAN UMUM

STRUKTUR KERJAYA DAN KOMPETENSI TAHAP 1
LASKAR KELAS II MARITIM GRED T1

1. KOMPETENSI

1.1 Tahap 1 - Pembantu Pegawai Penguat Kuasa Maritim.

2. KLASIFIKASI TUGAS

2.1 Pelaksana – Nautika dan Kejuruteraan.

3. MATLAMAT

3.1 Menerangkan struktur kompetensi pegawai dari aspek kekompetenan dan pelaksanaan bidang tugas jawatan selaras dengan undang-undang dan peraturan yang diperuntukkan.

4. TUJUAN

4.1 Memahami jenis kekompetenan pegawai bagi tujuan untuk dipertimbangkan kenaikan pangkat ke gred lebih tinggi bergantung kepada kekosongan perjawatan selaras dengan Rasionalisasi Skim Perkhidmatan APMM 2016.

5. PEGAWAI YANG LAYAK

5.1 Laskar Kelas II Maritim Gred T1 dalam latihan dan akan disahkan dalam perkhidmatan.

6. KOMPETENSI PERKHIDMATAN

6.1 Pembentukan kompetensi adalah berasaskan tugas teras iaitu tugas umum dan tugas operasi bagi setiap Pegawai LLP Penguat Kuasa Maritim dalam melaksanakan tugas seperti mana termaktub di dalam Akta APMM (Akta 633).

6.2 Kompetensi yang dibangunkan adalah berasaskan Analisis Keperluan Latihan (*Training Need Analysis* - TNA) yang dibangunkan selaras dengan Standard Kemahiran Kebangsaan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia.

6.3 Selaras dengan Perintah Tetap Ketua Pengarah APMM Bab A 306; Latihan Sambil Kerja (LSK) Pegawai Pelatih dan Laskar Kelas II Maritim Yang Menjalani Kursus Asas di AMSAS.

6.4 Selaras dengan syarat yang ditetapkan dalam Rasionalisasi Skim Perkhidmatan APMM 2016.

7. KEPERLUAN KOMPONEN KOMPETENSI DAN POTENSI

7.1 Kompetensi dan potensi yang ditetapkan pada peringkat Tahap 1 (Pelaksana), Kursus Asas Pembantu Pegawai Penguat Kuasa Maritim merangkumi:

7.1.1 **Kursus Generik**. Kursus pada peringkat ini adalah seperti berikut:

a) Asas Pembantu Penguat Kuasa Maritim;
b) Program Transformasi Minda;
c) Undang-undang Rendah;
d) Kecenderungan Nautika Tahap1;
e) Kecenderungan Kejuruteraan Tahap 1; dan
f) *On Job Training* di kapal.

7.1.2 Bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan, latihan tersebut wajib dilalui oleh setiap pegawai seperti mana yang ditetapkan dalam Rasionalisasi Skim Perkhidmatan APMM 2016.

8. MODUL KOMPETENSI

8.1 Modul kompetensi adalah seperti dalam TNA.

9. TEMPOH

9.1 Pelaksanaan Kursus Asas Pembantu Pegawai Penguat Kuasa Maritim adalah seperti berikut:

9.1.1 **Kursus Generik**. Tempoh selama 13 bulan yang terbahagi kepada dua (2) fasa seperti berikut:

a) **Fasa 1**. Kursus secara teori di AMSAS selama sembilan (9) bulan tertakluk kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam bagi cuti belajar bergaji penuh tanpa biasiswa. Kursus ini meliputi modul Asas dan Umum (27 minggu) termasuk modul Undang-undang Rendah (4 minggu), PTM (1 minggu), Kecenderungan Nautika Tahap 1 atau Kecenderungan Kejuruteraan Tahap 1 (4 minggu); dan

KURSUS GENERIK	TEMPOH
Asas Pembantu Penguat Kuasa Maritim	9 Bulan
Program Transformasi Minda	
Undang-undang Rendah	
Kecenderungan Nautika Tahap 1	
Kecenderungan Kejuruteraan Tahap 1	

b) **Fasa 2**. LSK selama empat (4) bulan di kapal atau bot maritim di mana pegawai dikehendaki melengkapkan BTT sepanjang menjalani LSK dan diperakukan oleh Pegawai Memerintah/Ketua Bot/Ketua Jabatan.

STRUKTUR KERJAYA DAN KOMPETENSI
TAHAP 2

LASKAR KELAS I MARITIM GRED T2
LASKAR KANAN MARITIM GRED T4

KEPAKARAN UMUM

STRUKTUR KERJAYA DAN KOMPETENSI TAHAP 2
LASKAR KELAS I MARITIM GRED T2 DAN
LASKAR KANAN MARITIM GRED T4

1. KOMPETENSI

1.1 Tahap 2 - Pembantu Kanan Penguat Kuasa Maritim.

2. KLASIFIKASI TUGAS

2.1 Pelaksana & Taktikal - Nautika Dan Kejuruteraan.

3. MATLAMAT

3.1 Menerangkan struktur kompetensi pegawai dari aspek kekompetenan dan pelaksanaan bidang tugas jawatan selaras dengan undang-undang dan peraturan yang diperuntukkan.

4. TUJUAN

4.1 Memahami jenis kekompetenan pegawai bagi tujuan untuk dipertimbangkan kenaikan pangkat ke gred lebih tinggi bergantung kepada kekosongan perjawatan selaras dengan Rasionalisasi Skim Perkhidmatan APMM 2016.

5. PEGAWAI YANG LAYAK

5.1 Laskar Kelas I Maritim Gred T2 yang menyandang secara hakiki.

5.2 Laskar Kanan Maritim Gred T4 yang menyandang secara hakiki.

6. KOMPETENSI PERKHIDMATAN

6.1 Pembentukan kompetensi adalah berasaskan tugas teras iaitu tugas umum dan tugas operasi bagi setiap Pegawai Penguat Kuasa Maritim yang melaksanakan tugas seperti mana termaktub di dalam Akta APMM (Akta 633).

6.2 Kompetensi Tahap 2 yang dibangunkan adalah berasaskan TNA yang dibangunkan selaras dengan Standard Kemahiran Kebangsaan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia.

6.3 Selaras dengan syarat yang ditetapkan dalam Rasionalisasi Skim Perkhidmatan APMM 2016.

7. SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA *TIME-BASED* KE LASKAR KANAN MARITIM GRED T4

7.1 Laskar Kelas I Maritim Gred T2 adalah layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke Laskar Kanan Maritim Gred T4 secara *time-based* apabila telah:

7.1.1 Berkhidmat sekurang-kurangnya lima (5) tahun di pangkat Laskar Kelas I Maritim Gred T2;

a) Lulus Peperiksaan Perkhidmatan (Peperiksaan Undang-undang Rendah); atau

b) Lulus Peperiksaan Ketukangan atau Sijil Kelautan yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan.

7.1.2 Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

7.1.3 Memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

7.1.4 Diperakukan layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelayakan untuk memegang jawatan lebih tinggi oleh Pegawai Memerintah.

8. SYARAT KENAIKAN PANGKAT LASKAR KELAS I MARITIM GRED T2 KE BINTARA MUDA MARITIM GRED T6

8.1 Laskar Kelas I Maritim Gred T2 yang telah disahkan dalam perkhidmatan adalah layak dipertimbangkan untuk kenaikan ke pangkat Bintara Muda Maritim Gred T6 apabila telah:

8.1.1 Dianugerahkan Diploma dalam bidang Pentadbiran Awam, Perakaunan, Pengajian Perniagaan, Undang-undang, Kejuruteraan, Pengajian Islam atau dalam bidang-bidang yang diperlukan dan diiktiraf oleh kerajaan daripada Institusi-Institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

8.1.2 Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

8.1.3 Memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

8.1.4 Diperakukan layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelayakan untuk memegang jawatan lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

9. SYARAT KENAIKAN PANGKAT LASKAR KANAN MARITIM GRED T4 KE BINTARA MUDA MARITIM GRED T6

6.1 Pembentukan sukatan kompetensi adalah berasaskan tugas teras iaitu tugas umum dan tugas operasi bagi setiap Pegawai Penguat Kuasa Maritim yang melaksanakan tugas seperti mana termaktub di dalam Akta APMM (Akta 633).

6.2 Sukatan kompetensi yang dibangunkan adalah berasaskan TNA selaras dengan Standard Kemahiran Kebangsaan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia dan keperluan *Standards of*

Training, Certification and Watchkeeping 1978 (STCW) oleh Jabatan Laut Malaysia.

6.3 Selaras dengan syarat yang ditetapkan dalam Rasionalisasi Skim Perkhidmatan APMM 2016.

7. SYARAT KENAIKAN PANGKAT LEFTENAN MARITIM GRED T16 KE LEFTENAN KOMANDER MARITIM GRED T18

7.1 Leftenan Maritim Gred T16 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke pangkat Leftenan Komander Maritim Gred T18 yang kosong apabila telah:

7.1.1 Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

7.1.2 Memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

7.1.3 Diperakukan layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelakuannya untuk memegang jawatan lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

8. SYARAT KENAIKAN PANGKAT LEFTENAN KOMANDER MARITIM GRED T18 KE KOMANDER MARITIM GRED T20

8.1 Leftenan Komander Maritim Gred T18 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke pangkat Komander Maritim Gred T20 yang kosong apabila telah:

8.1.1 Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

8.1.2 Memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

8.1.3 Diperakukan layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelakuannya untuk memegang jawatan lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

9. KOMPETENSI BAGI KENAIKAN PANGKAT

9.1 Bagi tujuan untuk dipertimbangkan kenaikan pangkat ke gred lebih tinggi, Leftenan Maritim Gred T16 dan Leftenan Komander Maritim Gred T18 dikehendaki menghadiri kursus Tahap 5 seperti berikut:

9.1.1 Kursus Generik:

a) *Middle Executive Management;*
b) Navigasi Pertengahan (Penerbang sahaja); dan
c) Pegawai Bertugas Anjungan (Penerbang sahaja)

9.1.2 Kursus Khas:

a) *Air Craft Coordinator*; dan
b) *Flight Safety*.

9.3 Pengecualian kepada pegawai daripada lain-lain perkhidmatan yang akan diputuskan oleh PPSM APMM.

9.4 Lulus kursus-kursus setaraf yang diiktiraf melalui perkhidmatan terdahulu dan kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

10. MODUL KOMPETENSI

10.1 Modul kompetensi adalah seperti dalam TNA.

11. TEMPOH

11.1 **Kursus Generik.** Tempoh bagi kursus ini adalah seperti berikut :

KURSUS	TEMPOH
Middle Executive Management	2 minggu
Navigasi Pertengahan (Penerbang sahaja)	1 minggu
Pegawai Bertugas Anjungan (Fleksi Leftenan kepada Penerbang)	4 minggu

11.2 **Kursus Khas.** Tempoh bagi kursus ini adalah seperti berikut :

KURSUS	TEMPOH
Air Craft Coordinator	1 minggu
Flight Safety	2 minggu

STRUKTUR KERJAYA DAN KOMPETENSI
TAHAP 6

KOMANDER MARITIM GRED T20
KEPTEN MARITIM GRED T22
LAKSAMANA MARITIM GRED T24

KEPAKARAN SOKONGAN AM DAN KHAS

STRUKTUR KERJAYA DAN KOMPETENSI TAHAP 6
KOMANDER MARITIM GRED T20, KEPTEN MARITIM GRED T22 DAN LAKSAMANA MARITIM GRED T24

1. KOMPETENSI

1.1 Tahap 6 - Ketua Eksekutif Kanan Penguat Kuasa Maritim.

2. KLASIFIKASI TUGAS

2.1 Ketua Eksekutif Kanan.

3. MATLAMAT

3.1 Menerangkan struktur kompetensi pegawai dari aspek kekompetenan dan pelaksanaan bidang tugas jawatan selaras dengan undang-undang dan peraturan yang diperuntukkan.

4. TUJUAN

4.1 Memahami jenis kekompetenan pegawai bagi tujuan untuk dipertimbangkan kenaikan pangkat ke gred lebih tinggi bergantung kepada kekosongan perjawatan selaras dengan Rasionalisasi Skim Perkhidmatan APMM 2016.

5. PEGAWAI YANG LAYAK

5.1 Komander Maritim Gred T20, Kepten Maritim gred T22 dan Laksamana Maritim gred T24 yang menyandang pangkat secara hakiki.

6. KOMPETENSI PERKHIDMATAN

6.1 Pembentukan sukatan kompetensi adalah berasaskan tugas teras iaitu tugas umum dan tugas operasi bagi setiap Pegawai Penguat Kuasa Maritim yang melaksanakan tugas seperti mana termaktub di dalam Akta APMM (Akta 633).

6.2 Sukatan kompetensi yang dibangunkan adalah berasaskan TNA selaras dengan Standard Kemahiran Kebangsaan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia dan keperluan *Standards of*

Training, Certification and Watchkeeping 1978 (STCW) oleh Jabatan Laut Malaysia.

6.3 Selaras dengan syarat yang ditetapkan dalam Rasionalisasi Skim Perkhidmatan APMM 2016.

7. SYARAT KENAIKAN PANGKAT KOMANDER MARITIM GRED T20 KE KEPTEN MARITIM GRED T22

7.1 Komander Maritim Gred T20 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke Kepten Maritim Gred T22 yang kosong apabila telah:

7.1.1 Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

7.1.2 Memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

7.1.3 Diperakukan layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelakuannya untuk memegang jawatan lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

8. SYARAT KENAIKAN PANGKAT KEPTEN MARITIM GRED T22 KE LAKSAMANA PERTAMA MARITIM GRED T24

8.1 Kepten Maritim Gred T22 layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke Laksamana Pertama Maritim Gred T24 yang kosong apabila telah:

8.1.1 Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

8.1.2 Memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

8.1.3 Diperakukan layak dan sesuai tentang kebolehan dan kelakuannya untuk memegang jawatan lebih tinggi oleh Pegawai Memerintahnya.

9. KOMPETENSI BAGI KENAIKAN PANGKAT

9.1 Bagi tujuan untuk dipertimbangkan kenaikan pangkat ke gred lebih tinggi Komander Maritim Gred T20 dan Kepten Maritim Gred T22 perlu menghadiri Kursus Kepimpinan Tahap 6 seperti berikut:

9.1.1 Kursus Generik:

a) *Senior Executive Management*.

9.1.2 Kursus Fungsional:

a) *Executive Leadership Development and Assessment Programme* (E-LEAP) untuk Komander Maritim Gred T20 sahaja; dan

b) *Middle Management Leadership Development and Assessment Programme* (M-LEAP) untuk Kepten Maritim Gred T22 sahaja.

9.2 Pengecualian kepada pegawai daripada lain-lain perkhidmatan yang akan diputuskan oleh PPSM APMM.

9.3 Lulus kursus-kursus setaraf yang diiktiraf melalui perkhidmatan terdahulu dan kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

10. MODUL KOMPETENSI

10.1 Modul kompetensi adalah seperti dalam TNA.

11. TEMPOH

11.1 **Kursus Generik.** Tempoh kursus ini adalah seperti berikut :

KURSUS	TEMPOH
Senior Executive Management	1 minggu

11.2 **Kursus Fungsional.** Tempoh kursus ini adalah seperti berikut :

KURSUS	TEMPOH
Executive Leadership Development and Assessment Programme (E-LEAP)	2 minggu
Middle Management Leadership Development and Assessment Programme (M-LEAP)	2 minggu

BAB 3

GARIS PANDUAN KEJURULATIHAN DAN KEPAKARAN BIDANG

DASAR PEMBANGUNAN STANDARD KEMAHIRAN DAN KERJAYA PEGAWAI PENGUAT KUASA AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA (DPKM) (BAB 3 - GARIS PANDUAN KEJURULATIHAN DAN KEPAKARAN BIDANG)

1. Menggariskan Panduan Kejurulatihan dan Kepakaran Bidang APMM bagi memberi pengiktirafan kepada Pegawai Penguat Kuasa APMM yang memiliki keupayaan intelektual dan kepakaran yang tinggi, berpengalaman luas dalam bidang kepakaran serta menjadi sumber rujukan dalam dan luar Agensi.

2. Dalam Dasar Pembangunan Standard Kemahiran dan Kerjaya Pegawai Penguat Kuasa APMM (Bab 3 – Garis Panduan Kejurulatihan dan Kepakaran Bidang) ini:

2.1 **Agensi** bermaksud Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia yang terdiri daripada Sektor, Bahagian, Cawangan, Negeri Maritim, AMSAS, Zon Maritim dan Pos Maritim.

2.2 **Panel Pengurusan Latihan** bermaksud pegawai yang dilantik oleh Pengurusan Tertinggi APMM dalam pengurusan latihan.

2.3 **Pengurusan Prestasi** bermaksud pembangunan kerjaya yang dibangunkan oleh APMM yang dikendalikan oleh Bahagian Sumber Manusia APMM dan AMSAS yang merancang, melaksana, mengurus dan menilai pencapaian prestasi dan pengurusan Pegawai Penguat Kuasa APMM dalam tempoh tertentu.

2.4 **Jurulatih** bermaksud Pegawai Penguat Kuasa APMM yang dilantik sebagai tenaga pengajar oleh Panel Pengurusan Latihan dan Ketua Jabatan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh Agensi.

3. Dokumen ini merupakan panduan dan rujukan kepada Pegawai Penguat Kuasa APMM bagi merangka laluan kejurulatihan dan kepakaran bidang ke arah melahirkan Pakar Bidang Khusus (*Subject Matter Expert* – SME) dalam bidang penguatkuasaan undang-undang dan carilamat maritim sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2016 - Kemajuan Kerjaya Laluan Pakar Bidang Khusus (*Subject Matter Expert* – SME) bagi Pegawai Perkhidmatan Persekutuan.

4. APMM memerlukan Pegawai Penguat Kuasa APMM sebagai sumber rujukan dalam dan luar Agensi yang layak diiktiraf sebagai Jurulatih dan SME. Sehubungan dengan itu, penetapan laluan kepakaran dan pengiktirafan kejurulatihan memerlukan pengurusan sumber manusia yang praktikal dan dinamik di samping kawal selia pelaksanaan dasar, prosedur dan proses kerja secara berkesan.

5. APMM juga telah mengenalpasti bidang kepakaran khusus berdasarkan fungsi utama Agensi. Pembangunan kejurulatihan dan SME dalam penetapan bidang khusus dapat mengurangkan kebergantungan kepada tenaga pengajar luar. Keupayaan melahirkan tenaga pengajar bagi mengadaptasi dan mengaplikasikan kepakaran selaras dengan pelan pembangunan sumber manusia APMM bagi menyokong Agensi mencapai status '*World Class Coast Guard*' menjelang tahun 2040.

KONSEP PEMBANGUNAN KEPAKARAN

6. Setiap individu mempunyai tahap kepakaran yang berbeza-beza dan dipengaruhi oleh pelbagai faktor dalam pelbagai aspek. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Robert R. Hoffman, penguasaan kepakaran setiap individu adalah berdasarkan tahap-tahap seperti di Rajah 5.



Rajah 5: Model Tahap Kepakaran Hoffman

7. Tahap kepakaran setiap individu dikategori berdasarkan Kemahiran (*Skill*), Pengetahuan (*Knowledge*) dan Sikap (*Attitude*). Berdasarkan Rajah 1, APMM telah menyesuaikan model kepakaran ini dengan mengambil kira tahap kesukaran taksonomi sesuai dengan Model Taksonomi Bloom di setiap peringkat mengikut enam (6) tahap dalam bentuk terminologi seperti berikut:

7.1 **Tahap 1** – Pengetahuan Asas. Individu yang tidak mempunyai apa-apa kepakaran mengenai sesuatu bidang atau hanya mendapat pendedahan minimum mengenainya.

7.2 **Tahap 2** – Berkefahaman. Individu yang berkebolehan untuk menerangkan fungsi, konsep serta memahami bidang tertentu.

7.3 **Tahap 3** – Mahir. Individu yang berwibawa untuk mengendali dan mengaplikasi pengetahuan serta kemahiran sesuatu bidang tertentu.

7.4 **Tahap 4** – Pakar. Individu yang berupaya mengaplikasi dan menganalisa kemahiran tanpa memerlukan pengawasan kerana mempunyai pengalaman dan boleh dipercayai mengenai kepakarannya.

7.5 **Tahap 5** – Pakar Rujuk. Individu yang mempunyai kepakaran sempurna dan boleh menangani isu-isu yang berkaitan dengan berkesan.

7.6 **Tahap 6** – Pakar Rujuk/Pakar Bidang. Individu yang berkemahiran tinggi dan mampu mengeksploitasi kemahiran yang dimiliki dalam sesuatu bidang tertentu.

8. Enam (6) tahap yang diadaptasi mengikut kedua-dua model ini adalah seperti di Rajah 6.



Rajah 6: Model Kepakaran APMM

KEPAKARAN BIDANG

9. Pembangunan kerjaya dan potensi merupakan peranan yang penting dalam melahirkan Pegawai Penguat Kuasa APMM yang kompeten. Seterusnya, APMM mampu menyediakan program latihan dan kursus yang berkualiti dan berimpak tinggi.

10. **Kepakaran Bidang**. Agensi menggalakkan Pegawai Penguat Kuasa APMM untuk memilih bidang Penguatkuasaan Undang-Undang dan Carilamat Maritim yang meliputi sub-sub bidang tugas bagi menjadi rujukan dalam dan luar Agensi. Kepakaran sub-sub bidang adalah seperti berikut:

10.1 *Maritime Forensic;*

10.2 *Maritime Search & Rescue;*

10.3 *Maritime Interdiction;*

10.4 *Maritime Crime Investigation;* dan

10.5 *Maritime Industry.*

11. Agensi telah menetapkan tiga (3) trek kepakaran iaitu Nautika, Kejuruteraan dan Penerbang. Manakala, Bidang Pengkhususan bagi ketiga-tiga trek kepakaran adalah seperti di bawah:

11.1 **Nautika**. Pegawai Penguat Kuasa APMM yang mempunyai kemahiran pengkhususan seperti berikut:

11.1.1 **Navigasi** – kemahiran berkaitan dengan penentuan kedudukan dan arah berdasarkan maklumat-maklumat dengan menggunakan peralatan dan teknik yang tertentu.

11.1.2 **Komunikasi** – kemahiran berkaitan dengan komunikasi maritim dengan melaksanakan pengoperasian radio serta sistem penyampaian maklumat yang betul berdasarkan arahan yang telah ditetapkan.

11.1.3 **Ilmu Kelautan** – kemahiran berkaitan dengan teknik ilmu kelautan yang menjalankan kerja-kerja di kapal/bot sebagai kelasi.

11.1.4 **Forensik** – kemahiran tentang teknik forensik maritim yang betul dan mengikuti standard yang telah ditetapkan dalam perundangan.

11.1.5 **Perisikan** – kemahiran berkaitan dengan perisikan maritim dengan menggunakan prinsip-prinsip perisikan yang betul dan tepat.

11.1.6 **Kulinari** – kemahiran tentang konsep penyediaan sajian makanan yang betul dan mengikuti standard yang telah ditetapkan.

11.1.7 **Pramusaji** – kemahiran berkaitan tentang pengetahuan mengenai teknik-teknik hidangan sajian yang betul.

11.1.8 **Jasmani** – kemahiran berkaitan dengan teknik-teknik melaksanakan latihan jasmani yang betul mengikut standard yang telah ditetapkan.

11.1.9 **Penyelam** – kemahiran berkaitan dengan teknik-teknik dan tugas menyelam berdasarkan standard yang betul.

11.1.10 **Menggeledah** – kemahiran tentang perkara berkaitan dengan menggeledah iaitu penerangan bidang kuasa, persediaan, prosedur menggeledah dan melaksanakan tugas dengan selamat.

11.1.11 **Carilamat** – kemahiran berkaitan tentang tugas dan tanggungjawab dalam melaksanakan operasi mencari dan menyelamat di lautan.

11.1.12 **Siasatan** – kemahiran berkaitan tentang peruntukan undang-undang berkaitan dengan siasatan dan mampu mengenalpasti jenis kesalahan dan hukuman terhadap sesuatu jenayah.

11.1.13 **Persenjataan dan Kawad** – kemahiran tentang berkawad dengan menunjukkan disiplin yang tinggi serta kemahiran berkaitan dengan peralatan senjata, cara-cara mengendali dan menerangkan langkah-langkah keselamatan.

11.1.14 **Pasukan Tindakan Khas** – kemahiran berkaitan dengan operasi khas.

11.2 **Kejuruteraan.** Pegawai Penguat Kuasa APMM yang mempunyai kemahiran pengkhususan seperti berikut:

11.2.1 **Marin** – kemahiran dalam pengoperasian dan penyelenggaraan peralatan dan sistem jentera kapal.

11.2.2 **Elektrikal dan Elektronik** – kemahiran dalam bidang elektrik dan elektronik kapal.

11.2.3 **Juruteknik Senjata** – kemahiran tentang pengendalian senjata-senjata berat dan peluru yang terdapat di kapal.

11.2.4 **Udara** – kemahiran berkaitan dengan kejuruteraan avionik dan mekanikal bagi pesawat udara.

11.3 **Penerbang**. Pegawai Penguat Kuasa APMM yang mempunyai kemahiran pengkhususan seperti berikut:

11.3.1 **Penerbang** – kemahiran berkaitan dengan juruterbang pesawat udara.

11.3.2 **Perenang Penyelamat** – kemahiran fizikal dan kemahiran yang tinggi bagi seorang perenang untuk melaksanakan tugas-tugas menyelamat semasa kecemasan.

11.3.3 **Fotografi** – kemahiran berkaitan dengan mengambil foto menggunakan teknik-teknik fotografi udara.

11.3.4 **Kru Udara** – kemahiran untuk menjadi seorang petugas pesawat udara.

PEMBANGUNAN KEJURULATIHAN

12. **Laluan Pembangunan**. Laluan pembangunan kejurulatihan bagi setiap Pegawai Penguat Kuasa APMM sepanjang tempoh perkhidmatan adalah berdasarkan Model Kepakaran APMM. Ia adalah sebagai panduan dan petunjuk dalam membangunkan kemahiran dari pengetahuan asas sehingga ke pakar bidang khusus dan seterusnya melahirkan pakar rujuk mengikut kepakaran bidang yang telah ditetapkan.

13. Tempoh masa penguasaan kepakaran bagi Pegawai Penguat Kuasa APMM mengikut bidang adalah seperti berikut:

13.1 Pegawai Penguat Kuasa APMM - pegawai (Profesional/Teknikal) perlu berkhidmat sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang kepakaran berkaitan dan pegawai (Pengurusan) perlu berkhidmat sekurang-kurangnya tujuh (7) tahun di dalam bidang kepakaran berkaitan.

13.2 Seseorang pegawai boleh ditukarkan atas dasar kepentingan perkhidmatan atau atas permintaan Pegawai Penguat Kuasa APMM itu sendiri namun perlu diperjawatkan di jawatan yang berkaitan dengan bidang kepakarannya.

13.3 Tidak menggunakan pertukaran sebagai hukuman kecuali pertukaran tersebut dapat membantu melicinkan proses tindakan tatatertib yang sedang diambil terhadap pegawai berkenaan.

14. **Pelan Laluan Kejurulatihan**. Setiap Pegawai Penguat Kuasa APMM berpeluang dan melalui laluan latihan apabila bermula daripada kursus asas Pegawai Penguat Kuasa Maritim bagi Pegawai Penguat Kuasa Maritim dan Kursus Asas Pembantu Penguat Kuasa Maritim bagi Pegawai LLP Penguat Kuasa Maritim. Pelan laluan kejurulatihan adalah seperti berikut:

14.1 Pegawai Penguat Kuasa Maritim

14.1.1 Laluan kejurulatihan bermula setelah pegawai disahkan perkhidmatan dalam tempoh tiga (3) tahun.

14.1.2 Pegawai Penguat Kuasa Martim perlu memenuhi syarat-syarat berikut sebelum dipertimbangkan sebagai jurulatih oleh Panel Pengurusan Latihan:

i. Menghadiri kursus tahap 1 hingga 4 dengan jaya;
ii. Menghadiri kursus *Train of Trainer* (TOT); dan
iii. Melepasi kompetensi Bahasa Inggeris untuk mengajar:

a. *Band* 4 untuk kursus antarabangsa;
b. *Band* 3 untuk kursus tahap 1 hingga 4; dan
c. *Band* 2 untuk kursus tahap 1 hingga 3.

14.2 Pegawai LLP Penguat Kuasa Maritim

14.2.1 Laluan kejurulatihan bermula setelah disahkan pangkat Laskar Kanan Maritim.

14.2.2 Pegawai LLP Penguat Kuasa Maritim perlu memenuhi syarat-syarat berikut sebelum dipertimbangkan sebagai jurulatih oleh Panel Pengurusan Latihan:

i. Menghadiri kursus tahap 1 hingga 4 dengan jaya;
ii. Menghadiri kursus *Train of Trainer* (TOT);
iii. Melepasi kompetensi Bahasa Inggeris untuk mengajar:

a. *Band* 4 untuk kursus antarabangsa;
b. *Band* 3 untuk kursus tahap 1 hingga 4; dan
c. *Band* 2 untuk kursus tahap 1 hingga 3.

15. Pegawai Penguat Kuasa APMM yang cemerlang setelah tamat kursus dipilih ke laluan kejurulatihan dan kepakaran bidang akan dikategorikan dalam Kumpulan Profesional dan Pakar. Melalui kumpulan ini, akan diberi keutamaan dalam proses pembangunan kemahiran dan kompetensi dan seterusnya menyediakan individu ke arah menjadi pakar bidang khusus.

16. Laluan kerjaya jurulatih akan bermula dan meningkat daripada pelaksana sehingga ke pakar bidang sebagaimana carta alir di **Lampiran M**.

17. Tahap Kepakaran Jurulatih adalah selari dengan Laluan Kepakaran APMM berdasarkan TNA. Setiap tahap kompetensi mempunyai darjah kesukaran yang berlainan, menunjukkan peningkatan dari segi kompetensi setiap Pegawai Penguat Kuasa APMM berdasarkan program latihan/kursus yang diikuti dan dihadiri.

18. Bidang kejurulatihan Agensi dikawal selia oleh Bahagian Sumber Manusia APMM secara sistematik dan mengikut syarat atau skala kualifikasi yang telah ditetapkan. Pembangunan kemahiran setiap Pegawai Penguat Kuasa APMM perlu melalui kursus yang telah digariskan dalam Struktur Latihan APMM di DPKM Bab 1.

19. **Ciri Kemahiran Jurulatih**. Bab 1 DPKM juga telah menerangkan secara menyeluruh mengenai ciri-ciri kemahiran asas bagi seorang Pegawai Penguat Kuasa APMM. Ciri-ciri kemahiran jurulatih adalah seperti berikut:

19.1 Berkemahiran dalam komunikasi;
19.2 Berketerampilan;
19.3 Berdisiplin tinggi;
19.4 Beretika;
19.5 Berintegriti;
19.6 Memiliki keupayaan berfikir di luar kotak;
19.7 Kreatif;
19.8 Berinovasi;
19.9 Sedar tentang keperluan pelanggan;
19.10 Bercita-cita dan bermotivasi; dan
19.11 Berupaya berhubung dengan semua orang.

MATRIK KEJURULATIHAN

20. Pelaksanaan Matrik Kejurulatihan dilakukan berdasarkan Peringkat Kesukaran Tugas sebagaimana yang diterangkan dalam DPKM Bab 1. Agensi telah mengariskan enam (6) Tahap Kecekapan Pegawai Penguat Kuasa APMM (Tahap 1, 2, 3A, 3B, 4A, 4B, 4C, 5 dan 6) dengan merujuk kepada Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2005 (Pelaksanaan Pelan Sumber Manusia Sektor Awam) seperti di Rajah 4: Struktur Kecekapan Pegawai Penguat Kuasa APMM 2018 di DPKM Bab 1.

21. Peringkat Kesukaran Tugas ini diadaptasikan daripada Tahap Kesukaran Taksonomi dan dibangunkan kepada setiap peringkat iaitu *Knowledge* (pengetahuan), *Comprehension* (kefahaman), *Application* (aplikasi), *Analysis* (analisis), *Synthesis* (menghurai/memperinci) dan *Evaluation* (penilaian). Seterusnya, hasil daripada analisis yang dilakukan maka Agensi telah menetapkan Struktur Kemahiran Pegawai Penguat Kuasa APMM. Struktur kemahiran ini adalah seperti di Jadual 5: Peringkat Kesukaran (Taksonomi) Penugasan Pegawai Penguat Kuasa APMM di DPKM Bab 1.

22. Pemilihan kecenderungan bagi setiap Pegawai Penguat Kuasa APMM akan dilaksanakan semasa melalui kursus asas selama sembilan (9) bulan di AMSAS. Sehubungan dengan itu, pelatih asas akan disahkan oleh Panel Pengurusan Latihan mengenai bidang kepakaran masing-masing berdasarkan tiga (3) Trek Kepakaran bidang yang telah ditetapkan.

23. Kursus-kursus yang disenaraikan dalam DPKM Bab 1 dikategorikan mengikut kompetensi- kompetensi berikut:

23.1 **Kursus Generik**. Kursus yang wajib dihadiri oleh semua Pegawai Penguat Kuasa APMM dan menjadi pra-syarat kepada kenaikan pangkat. Jika kursus ini tidak dilengkapkan mengikut tahap yang telah ditetapkan akan menjejaskan kemajuan kerjaya.

23.2 **Kursus Fungsional**. Kursus-kursus lanjutan yang tidak wajib tetapi penting untuk kemajuan kerjaya setiap Pegawai Penguat Kuasa APMM. Kursus ini boleh dimohon dengan Bahagian Sumber Manusia APMM dan akan diluluskan kepada Pegawai Penguat Kuasa APMM berdasarkan tahap-tahap dan pengkhususan tugas. Kursus fungsional akan memberikan merit kepada Pegawai Penguat Kuasa APMM dalam urusan pertimbangan kenaikan pangkat setelah semua kursus generik telah diikuti dan lulus mengikut tahap yang telah ditetapkan.

23.3 **Kursus Khas**. Kursus yang dikhususkan kepada Pasukan Tindakan Khas, Penerbang dan juga Pemeriksa Kapal Terbang bagi memenuhi sesuatu tugas yang spesifik. Sebelum menghadiri kursus khas ini, Pegawai Penguat Kuasa APMM perlu menamatkan dan lulus latihan asas di AMSAS dengan jayanya. Serta mempunyai pengalaman bertugas di sektor operasi tidak kurang dari satu (1) tahun setelah tamat pra-penempatan.

23.4 **Kursus *Train of Trainer***. Kursus berkaitan dengan pembangunan kompetensi dalam bidang kejurulatihan dengan menyampai ilmu pengetahuan dan kepakaran berdasarkan prinsip-prinsip pendidikan dalam latihan. Mampu menyampaikan dan memberikan pendedahan berkaitan dengan TNA Agensi kepada semua Pegawai Penguat Kuasa APMM. Latihan yang berkesan dan berimpak ini akan melahirkan aset yang berharga kepada Agensi.

24. Matrik Kejurulatihan bagi Pegawai Penguat Kuasa APMM dibahagikan kepada dua (2) iaitu:

24.1 Matrik Kejurulatihan Pegawai Penguat Kuasa Maritim

24.1.1 Bidang Nautika – **Lampiran N**
24.1.2 Bidang Kejuruteraan – **Lampiran O**
24.1.3 Bidang Penerbang – **Lampiran P**

24.2 Matrik Kejurulatihan Pegawai LLP Penguat Kuasa Maritim

24.2.1 Bidang Nautika – **Lampiran Q**

24.2.2 Bidang Kejuruteraan – **Lampiran R**

24.2.3 Bidang Penerbang – **Lampiran S**

25. Kepakaran Pegawai Penguat Kuasa Maritim mengikut bidang dan tahap adalah seperti berikut:

25.1 Bidang Nautika – Tahap 4B

25.2 Bidang Nautika – Tahap 4C

25.3 Bidang Nautika – Tahap 5

25.4 Bidang Nautika – Tahap 6

25.5 Bidang Kejuruteraan – Tahap 4B

25.6 Bidang Kejuruteraan – Tahap 4C

25.7 Bidang Kejuruteraan – Tahap 5

25.8 Bidang Kejuruteraan – Tahap 6

25.9 Bidang Penerbang – Tahap 4B

25.10 Bidang Penerbang – Tahap 4C

25.11 Bidang Penerbang – Tahap 5

25.12 Bidang Penerbang – Tahap 6

26. Kepakaran Pegawai LLP Penguat Kuasa Maritim mengikut bidang dan tahap adalah seperti berikut:

26.1 Bidang Nautika – Tahap 1

26.2 Bidang Nautika – Tahap 2

26.3 Bidang Nautika – Tahap 3A

26.4 Bidang Nautika – Tahap 3B

26.5 Bidang Nautika – Tahap 4A

26.6 Bidang Kejuruteraan – Tahap 1

26.7 Bidang Kejuruteraan – Tahap 2

26.8 Bidang Kejuruteraan – Tahap 3A

26.9 Bidang Kejuruteraan – Tahap 3B

26.10 Bidang Kejuruteraan – Tahap 4A

26.11 Bidang Penerbang – Tahap 1
26.12 Bidang Penerbang – Tahap 2
26.13 Bidang Penerbang – Tahap 3A
26.14 Bidang Penerbang – Tahap 3B
26.15 Bidang Penerbang – Tahap 4A

PAKAR BIDANG KHUSUS (*SUBJECT MATTER EXPERT* – SME)

27. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 2016 (Kemajuan Kerjaya Laluan Pakar Bidang Khusus (*Subject Matter Expert* – SME) bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan) telah menetapkan Syarat Asas, Kriteria Umum dan Kriteria Khusus sebaga garis panduan bagi seorang pemohon untuk berada di laluan SME. Agensi telah menetapkan Syarat Asas, Kriteria Umum dan Kriteria Khusus seperti berikut:

27.1 **Syarat Asas**

27.1.1 Pegawai berada di Gred T18/T20/T22/T24/JUSA C atau setaraf;

27.1.2 Berkhidmat secara tetap sekurang-kurangnya lapan (8) tahun dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional;

27.1.3 Telah berkhidmat dalam bidang khusus yang sama sekurang-kurangnya lima (5) tahun bagi pegawai dalam bidang profesional/teknikal atau sekurang-kurangnya tujuh (7) tahun bagi pegawai dalam bidang pengurusan;

27.1.4 Mencapai markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan 85% dan ke atas tiga (3) tahun terkini secara berturut-turut;

27.1.5 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia;

27.1.6 Bebas daripada hukuman tatatertib;

27.1.7 Telah mengisytiharkan harta; dan

27.1.8 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan.

27.2 Kriteria Umum

27.2.1 Pencapaian Akademik

Memiliki pencapaian akademik/sijil ikhtisas/sarjana/Ph.D berkaitan bidang kepakaran.

27.2.2 Sumbangan

Idea inovatif dan kreatif dalam tugas rasmi atau tidak rasmi, penglibatan dalam program berimpak tinggi, mendapat pengiktirafan dalam bidang kepakaran sama ada di peringkat universiti, sektoral, negara atau antarabangsa.

27.2.3 Anugerah/Pengiktirafan

Anugerah/pengiktirafan yang diterima di peringkat universiti, sektoral, negara atau antarabangsa berkaitan bidang kepakaran.

27.2.4 Penilaian Kepakaran 360°

Pengesahan daripada pegawai penilai, rakan sejawat dan pegawai bawahan mengenai kepakaran pegawai.

27.3 Kriteria Khusus

27.3.1 Kelayakan Profesional

Memiliki kelayakan profesional dari badan profesional yang diiktiraf di peringkat negara atau antarabangsa.

27.3.2 **Penulisan dan Pembentangan Ilmiah atau Laporan Teknikal**

Penghasilan bahan rujukan dan laporan profesional dalam bidang kepakarannya;

27.3.3 **Penyelidikan dan Pembangunan (*Research & Development*)**

Penghasilan kajian-kajian berkaitan bidang kepakaran yang berimpak tinggi serta dijadikan rujukan dari dalam atau luar organisasi;

27.3.4 **Konsultasi dan Khidmat Rundingan**

Menjalankan khidmat runding cara secara project-based dalam skop kepakaran kepada pelbagai pihak dalam dan luar organisasi;

27.3.5 ***Coaching & Mentoring***

Keupayaan melahir dan membentuk pelapis yang mempunyai kepakaran yang sama (*transfer of knowledge and skills*); atau

27.3.6 **Item-item lain yang bersesuaian dengan skim perkhidmatan**

Kriteria khusus yang dibangunkan berdasarkan keunikan sesuatu skim perkhidmatan.

28. Kriteria kemajuan kerjaya SME (Fasa Kemasukan) dan format pemarkahan bagi Syarat Asas, Syarat umum dan Kriteria Khusus SME adalah seperti **Lampiran T**.

29. Tahap Kepakaran bagi Laluan SME untuk pengiktirafan JPA adalah seperti di **Lampiran U**.

LAMPIRAN M

CARTA ALIR LALUAN KEJURULATIHAN DAN SME



LAMPIRAN N

MATRIK KEJURULATIHAN - PEGAWAI PENGUAT KUASA MARITIM

KEPAKARAN BIDANG NAUTIKA TAHAP 4B

TAHAP	4B													
KURSUS	G				F					K				
NAMA KURSUS	Asas Pegawai Penguat Kuasa Maritim	Program Transformasi Minda	Undang-undang Tinggi	*On Job Training* di kapal	Pegawai Bertugas Anjungan (PBA)	*Intermediate Interdiction*	Asas Perisikan	STCW *Basic Training*	Pegawai Penyiasat	Kepakaran PTK - Asas Komando	Kepakaran PTK - Mengempur Khas	Kepakaran PTK - Menyelamat Khas	Penyelam	Asas Forensik Maritim

PETUNJUK :

G	Generik
F	Fungsional
K	Khas
TOT	Kursus Kejurulatihan

MATRIK KEJURULATIHAN - PEGAWAI PENGUAT KUASA MARITIM

KEPAKARAN BIDANG NAUTIKA TAHAP 4C

TAHAP				4C									
KURSUS	G				F						K		TOT
NAMA KURSUS	Navigasi Pertengahan	Pegawai Bertugas Anjungan (PBA)	*On-Scene Coordinator*	STCW *Mate*<500GT *Domestic Voyage*	STCW *Basic Training*	Pegawai Penyiasat Kanan	Lanjutan Perisikan	*Advance Flight Deck Officer* (FDO)	*Advance Helicopter Approach Controller*	Pegawai Lokap	Pegawai Penyelam	Forensik Maritim	*Train of Trainer* (TOT)

PETUNJUK:

G	Generik
F	Fungsional
K	Khas
TOT	Kursus Kejurulatihan

MATRIK KEJURULATIHAN - PEGAWAI PENGUAT KUASA MARITIM

KEPAKARAN BIDANG NAUTIKA TAHAP 5

TAHAP	5					
KURSUS	G	F				
NAMA KURSUS	*Middle Executive Management*	Forensik Maritim	Pegawai Memerintah Muda (Leftenan Maritim sahaja)	SAR *Mission Coordinator*	*Junior Executive Leadership Development and Assessment Programme* (J-LEAP)	Pegawai Penyiasat Kanan (Leftenan Maritim sahaja)

PETUNJUK:

G	Generik
F	Fungsional
K	Khas
TOT	Kursus Kejurulatihan

MATRIK KEJURULATIHAN - PEGAWAI PENGUAT KUASA MARITIM

KEPAKARAN BIDANG NAUTIKA TAHAP 6

TAHAP	6		
KURSUS	G	F	
NAMA KURSUS	*Senior Executive Management*	*Middle Management Leadership Development and Assessment Programme* (M-LEAP)	*Executive Leadership Development and Assessment Programme* (E-LEAP)

PETUNJUK:

G	Generik
F	Fungsional
K	Khas
TOT	Kursus Kejurulatihan

LAMPIRAN O

MATRIK KEJURULATIHAN - PEGAWAI PENGUAT KUASA MARITIM

KEPAKARAN BIDANG KEJURUTERAAN TAHAP 4B

TAHAP	4B			
KURSUS	G			
NAMA KURSUS	Asas Pegawai Penguat Kuasa Maritim	Program Transformasi Minda	Undang-Undang Tinggi	*On Job Training* di kapal

PETUNJUK:

G	Generik
F	Fungsional
K	Khas
TOT	Kursus Kejurulatihan

MATRIK KEJURULATIHAN - PEGAWAI PENGUAT KUASA MARITIM

KEPAKARAN BIDANG KEJURUTERAAN TAHAP 4C

TAHAP	4C						
KURSUS	G			F			TOT
NAMA KURSUS	Navigasi Pertengahan	Pegawai Bertugas Anjungan (PBA)	*On-Scene Coordinator*	STCW *Basic Training*	STCW *Engineer Officer*<750kW *Domestic & Near Coastal*	*Technical Administration (Basic)*	*Train of Trainer* (TOT)

PETUNJUK:

G	Generik
F	Fungsional
K	Khas
TOT	Kursus Kejurulatihan

MATRIK KEJURULATIHAN - PEGAWAI PENGUAT KUASA MARITIM

KEPAKARAN BIDANG KEJURUTERAAN TAHAP 5

TAHAP	5		
KURSUS	G	F	
NAMA KURSUS	*Middle Executive Management*	*Junior Executive Leadership Development and Assessment Programme* (J-LEAP)	*Technical Administration (Advance)*

PETUNJUK:

G	Generik
F	Fungsional
K	Khas
TOT	Kursus Kejurulatihan

MATRIK KEJURULATIHAN - PEGAWAI PENGUAT KUASA MARITIM

KEPAKARAN BIDANG KEJURUTERAAN TAHAP 6

TAHAP	6		
KURSUS	G	F	
NAMA KURSUS	*Senior Executive Management*	*Middle Management Leadership Development and Assessment Programme* (M-LEAP)	*Executive Leadership Development and Assessment Programme* (E-LEAP)

PETUNJUK:

G	Generik
F	Fungsional
K	Khas
TOT	Kursus Kejurulatihan

LAMPIRAN P

MATRIK KEJURULATIHAN - PEGAWAI PENGUAT KUASA MARITIM

KEPAKARAN BIDANG PENERBANG TAHAP 4B

TAHAP	4B					
KURSUS	G				K	
NAMA KURSUS	Asas Pegawai Penguat Kuasa Maritim	Program Transformasi Minda	Undang-undang Tinggi	*On Job Training* di kapal	Kepakaran Penerbangan - Juruterbang Pesawat	Kepakaran Penerbangan - Jurumalim Pesawat

PETUNJUK:

G	Generik
F	Fungsional
K	Khas
TOT	Kursus Kejurulatihan

MATRIK KEJURULATIHAN - PEGAWAI PENGUAT KUASA MARITIM

KEPAKARAN BIDANG PENERBANG TAHAP 4C

TAHAP	4C					
KURSUS	G			K		TOT
NAMA KURSUS	Navigasi Pertengahan *	Pegawai Bertugas Anjungan (PBA) *	*On-Scene Coordinator*	Kejuruteraan Elektrik Kapal Terbang	*Air Crew Management*	*Train of Trainer* (TOT)

PETUNJUK:

G	Generik
F	Fungsional
K	Khas
TOT	Kursus Kejurulatihan

MATRIK KEJURULATIHAN - PEGAWAI PENGUAT KUASA MARITIM

KEPAKARAN BIDANG PENERBANG TAHAP 5

TAHAP	5					
KURSUS	G			F	K	
NAMA KURSUS	*Middle Executive Management*	Navigasi Pertengahan *	Pegawai Bertugas Anjungan (PBA) *	*Junior Executive Leadership Development and Assessment Programme* (J-LEAP)	*Air Craft Coordinator*	*Flight Safety*

PETUNJUK:

G	Generik
F	Fungsional
K	Khas
TOT	Kursus Kejurulatihan

*** Bidang Penerbang APMM dibolehkan mengambil kursus ini pada pangkat Leftenan Maritim**

MATRIK KEJURULATIHAN - PEGAWAI PENGUAT KUASA MARITIM

KEPAKARAN BIDANG PENERBANG TAHAP 6

TAHAP	6		
KURSUS	G	F	
NAMA KURSUS	*Senior Executive Management*	*Middle Management Leadership Development and Assessment Programme* (M-LEAP)	*Executive Leadership Development and Assessment Programme* (E-LEAP)

PETUNJUK:

G	Generik
F	Fungsional
K	Khas
TOT	Kursus Kejurulatihan

LAMPIRAN Q

MATRIK KEJURULATIHAN - PEGAWAI PENGUAT KUASA LAIN-LAIN PANGKAT MARITIM

KEPAKARAN BIDANG NAUTIKA TAHAP 1

TAHAP	1							
KURSUS	G					K		
NAMA KURSUS	Asas Pembantu Penguat Kuasa Maritim	Program Transformasi Minda	Undang-undang Rendah	Kecenderungan Nautika Tahap 1	*On Job Training* di kapal	Asas Komando	Asas Penyelam	Forensik Maritim

PETUNJUK:

G	Generik
F	Fungsional
K	Khas
TOT	Kursus Kejurulatihan

MATRIK KEJURULATIHAN - PEGAWAI PENGUAT KUASA LAIN-LAIN PANGKAT MARITIM

14. KEPAKARAN BIDANG NAUTIKA TAHAP 2

TAHAP	2										
KURSUS	G	F									
NAMA KURSUS	Kursus Kelayakan Bintara Muda	Nautika Tahap 2 - Navigasi	Nautika Tahap 2 - Ilmu Kelautan	Nautika Tahap 2 - Komunikasi	Nautika Tahap 2 - *Intermediate Interdiction*	Nautika Tahap 2 - Jurulatih Jasmani	Nautika Tahap 2 - Kulinari	Nautika Tahap 2 - Pramusaji	Nautika Tahap 2 - Asas Perisikan	Nautika Tahap 2 - STCW *Basic Training*	Nautika Tahap 2 - *Flight Deck Officer* (FDO)

2										
F		K				TOT				
Nautika Tahap 2 - *Helicopter Approach Controller*	Nautika Tahap 2 - Pengawal Lokap	Kepakaran PTK - Mengempur Khas	Kepakaran PTK - Menyelamat Khas	Forensik Lanjutan	Penyelam (Lanjutan)	Forensik Maritim	Kulinari	Pramusaji	Komunikasi	Persenjataan

PETUNJUK:

G	Generik
F	Fungsional
K	Khas
TOT	Kursus Kejurulatihan

MATRIK KEJURULATIHAN - PEGAWAI PENGUAT KUASA LAIN-LAIN PANGKAT MARITIM

15. KEPAKARAN BIDANG NAUTIKA TAHAP 3A

TAHAP	3A					
KURSUS	G					F
NAMA KURSUS	Asas Penolong Penyelia Penguat Kuasa Maritim	Undang-undang Pertengahan	Program Transformasi Minda	*On Job Training* di kapal	Penolong Pegawai Penyiasat (Lanjutan)	*STCW - Basic Training*

PETUNJUK:

G	Generik
F	Fungsional
K	Khas
TOT	Kursus Kejurulatihan

MATRIK KEJURULATIHAN - PEGAWAI PENGUAT KUASA LAIN-LAIN PANGKAT MARITIM

16. KEPAKARAN BIDANG NAUTIKA TAHAP 3B

TAHAP	3B									
KURSUS	G	F								
NAMA KURSUS	Undang-undang Pertengahan	Nautika Tahap 3 - STCW *Basic Training*	Nautika Tahap 3 - STCW *Mate* <500GT *Domestic Voyage*	Nautika Tahap 3 - Komunikasi	Nautika Tahap 3 - Ilmu Kelautan	Nautika Tahap 3 - Perisikan Lanjutan	Nautika Tahap 3 - Kulinari	Nautika Tahap 3 - Pramusaji	Nautika Tahap 3 - Jurulatih Jasmani	Nautika Tahap 3 - Ketua Bot

3B								
F							K	
Nautika Tahap 3 - *Advance Interdiction*	Nautika Tahap 3 - *On Scene Coordinator* (OSC)	Nautika Tahap 3 - Pegawai Penyiasat	Nautika Tahap 3 - Persenjataan dan Kawad	Nautika Tahap 3 - *Advance Flight Deck Officer* (FDO)	Nautika Tahap 3 - *Advance Helicopter Approach Controller*	Nautika Tahap 3 - Penyelia Lokap	Forensik Lanjutan	Penyelia Selam

PETUNJUK:

G	Generik
F	Fungsional
K	Khas
TOT	Kursus Kejurulatihan

MATRIK KEJURULATIHAN - PEGAWAI PENGUAT KUASA LAIN-LAIN PANGKAT MARITIM

17. KEPAKARAN BIDANG NAUTIKA TAHAP 4A

TAHAP	4A					
KURSUS	G	F				
NAMA KURSUS	Pengurusan Penyelia Kanan Pegawai Penguat Kuasa Maritim	*Train of Trainer* (TOT)	Ketua Bot	Perisikan Lanjutan (Bintara Kanan Maritim sahaja)	*STCW Basic Training*	STCW *Mate*<500GT *Domestic Voyage*

PETUNJUK:

G	Generik
F	Fungsional
K	Khas
TOT	Kursus Kejurulatihan

LAMPIRAN R

MATRIK KEJURULATIHAN - PEGAWAI PENGUAT KUASA LAIN-LAIN PANGKAT MARITIM

KEPAKARAN BIDANG KEJURUTERAAN TAHAP 1

TAHAP	1				
KURSUS	G				
NAMA KURSUS	Asas Pembantu Penguat Kuasa Maritim	Program Transformasi Minda	Undang-undang Rendah	Kecenderungan Kejuruteraan Tahap 1	*On Job Training* di kapal

PETUNJUK:

G	Generik
F	Fungsional
K	Khas
TOT	Kursus Kejurulatihan

MATRIK KEJURULATIHAN - PEGAWAI PENGUAT KUASA LAIN-LAIN PANGKAT MARITIM

KEPAKARAN BIDANG KEJURUTERAAN TAHAP 2

TAHAP	2				
KURSUS	G	F			
NAMA KURSUS	Kursus Kelayakan Bintara Muda	Kejuruteraan Tahap 2 - Kejuruteraan Marin	Kejuruteraan Tahap 2 - Kejuruteraan Elektrikal Elektronik	Kejuruteraan Tahap 2 - Juruteknik Senjata (TLS)	Kejuruteraan Tahap 2 - STCW *Engineer Officer*<750kW *Domestic & Near Coastal* (Laskar Kanan Maritim Sahaja)

PETUNJUK:

G	Generik
F	Fungsional
K	Khas
TOT	Kursus Kejurulatihan

MATRIK KEJURULATIHAN - PEGAWAI PENGUAT KUASA LAIN-LAIN PANGKAT MARITIM

KEPAKARAN BIDANG KEJURUTERAAN TAHAP 3A

TAHAP	3A					
KURSUS	G					F
NAMA KURSUS	Asas Penyelia Pegawai Penguat Kuasa	Undang-undang Pertengahan	Program Transformasi Minda	*On Job Training* di kapal	Penolong Penyelia Kejuruteraan (Lanjutan)	STCW - *Basic Training*

PETUNJUK:

G	Generik
F	Fungsional
K	Khas
TOT	Kursus Kejurulatihan

MATRIK KEJURULATIHAN - PEGAWAI PENGUAT KUASA LAIN-LAIN PANGKAT MARITIM

KEPAKARAN BIDANG KEJURUTERAAN TAHAP 3B

TAHAP	3B				
KURSUS	G	F			
NAMA KURSUS	Undang-undang Pertengahan	Kejuruteraan Tahap 3 - Kejuruteraan Marin	Kejuruteraan Tahap 3 - Kejuruteraan Elektrikal Elektronik	Kejuruteraan Tahap 3 - Juruteknik Senjata (TLS)	Kejuruteraan Tahap 3 - STCW *Engineer Officer* <750kW *Domestic & Near Coastal*

PETUNJUK:

G	Generik
F	Fungsional
K	Khas
TOT	Kursus Kejurulatihan

MATRIK KEJURULATIHAN - PEGAWAI PENGUAT KUASA LAIN-LAIN PANGKAT MARITIM

KEPAKARAN BIDANG KEJURUTERAAN TAHAP 4A

TAHAP	4A				
KURSUS	G	F			
NAMA KURSUS	Pengurusan Penyelia Kanan Pegawai Penguat Kuasa Maritim	*Train of Trainer* (TOT)	Ketua Bot	STCW *Basic Training*	STCW *Engineering Offier*<750kW *Domestic & Near Coastal*

PETUNJUK:

G	Generik
F	Fungsional
K	Khas
TOT	Kursus Kejurulatihan

LAMPIRAN S

MATRIK KEJURULATIHAN - PEGAWAI PENGUAT KUASA LAIN-LAIN PANGKAT MARITIM

KEPAKARAN BIDANG PENERBANG TAHAP 1

TAHAP	1						
KURSUS	G					K	
NAMA KURSUS	Asas Pembantu Penguat Kuasa Maritim	Program Transformasi Minda	Undang-undang Rendah	Kecenderungan Nautika Tahap 1	*On Job Training* di kapal	Asas Penerbang (Kru Udara)	Perenang Penyelamat

PETUNJUK:

G	Generik
F	Fungsional
K	Khas
TOT	Kursus Kejurulatihan

MATRIK KEJURULATIHAN - PEGAWAI PENGUAT KUASA LAIN-LAIN PANGKAT MARITIM

KEPAKARAN BIDANG PENERBANG TAHAP 2

TAHAP	2			
KURSUS	G	F	K	
NAMA KURSUS	Kursus Kelayakan Bintara Muda	Kejuruteraan Tahap 2 - Asas Kejuruteraan Udara	Kepakaran Penerbangan - *Maritime Course*	Kepakaran Penerbangan - Asas Fotografi Udara

PETUNJUK:

G	Generik
F	Fungsional
K	Khas
TOT	Kursus Kejurulatihan

MATRIK KEJURULATIHAN - PEGAWAI PENGUAT KUASA LAIN-LAIN PANGKAT MARITIM

KEPAKARAN BIDANG PENERBANG TAHAP 3A

TAHAP	3A					
KURSUS	G					F
NAMA KURSUS			TIADA			STCW - *Basic Training*

PETUNJUK:

G	Generik
F	Fungsional
K	Khas
TOT	Kursus Kejurulatihan

MATRIK KEJURULATIHAN - PEGAWAI PENGUAT KUASA LAIN-LAIN PANGKAT MARITIM

KEPAKARAN BIDANG PENERBANG TAHAP 3B

TAHAP	3B				
KURSUS	G	F	K		
NAMA KURSUS	Undang-undang Pertengahan	Kejuruteraan Tahap 3 - Kejuruteraan Udara Lanjutan	Kepakaran Penerbangan - Keselamatan Penerbangan	Kepakaran Penerbangan - *Air Crew Management*	Kepakaran Penerbangan - Lanjutan Fotografi

PETUNJUK:

G	Generik
F	Fungsional
K	Khas
TOT	Kursus Kejurulatihan

MATRIK KEJURULATIHAN - PEGAWAI PENGUAT KUASA LAIN-LAIN PANGKAT MARITIM

KEPAKARAN BIDANG PENERBANG TAHAP 4A

TAHAP	4A				
KURSUS	G	F	K		
NAMA KURSUS	Pengurusan Penyelia kanan Pegawai Penguat Kuasa Maritim	*Train of Trainer* (TOT)	Ketua Bot	STCW *Basic Training*	STCW *Mate* <500GT *Domestic Voyage*

PETUNJUK:

G	Generik
F	Fungsional
K	Khas
TOT	Kursus Kejurulatihan

LAMPIRAN T

KRITERIA KEMAJUAN KERJAYA *SUBJECT MATTER EXPERT* - FASA KEMASUKAN

BIDANG:
SUB BIDANG:

PRA SYARAT	**TAHAP 1 (GRED T18) LT KDR MARITIM**	**TAHAP 2 (GRED T20) KDR MARITIM**	**TAHAP 2.5 (GRED T22) KEPTEN MARITIM**	**TAHAP 3 (GRED T24) LAKSAMANA PERTAMA MARITIM**	**TAHAP 4 (GRED JUSA C) LAKSAMANA MUDA MARITIM**
a) Syarat asas pemangkuan					
b) Penilaian Prestasi - mencapai markah prestasi 85% dan ke atas bagi tiga tahun terkini secara berturut-turut					
c) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya 5 tahun (Profesional/Teknikal) dan 7 tahun (Pengurusan) dalam bidang berkaitan kepakaran					

KRITERIA UMUM - 30%			**WAJARAN**		**WAJARAN**		**WAJARAN**		**WAJARAN**		**WAJARAN**	
Kriteria	**Sub Kriteria**	**Definisi**	**Perkara**	**Markah**	**Perkara**	**Markah**	**Perkara**	**Markah**	**Perkara**	**Markah**	**Perkara**	**Markah**
PENCAPAIAN AKADEMIK	Diploma/ Ijazah Sarjana Muda/ Sarjana/ Doktor Falsafah	Memiliki Diploma/Ijazah Sarjana Muda/Sarjana/Doktor Falsafah dalam apa-apa bidang yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidamatan Awam (JPA).		5		5		5		5		5
SUMBANGAN	Penyelesaian masalah/isu berkaitan bidang kepakaran	Sumbangan berkaitan menyelesai/menilai/membangun SOP/dasar dalam bidang kepakaran bagi pihak berkepentingan yang lain (Cth: Jabatan Kerajaan/Agensi Swasta/Komuniti Maritim).		10		10		10		10		10
ANUGERAH / PENGIKTIRAFAN	Pengiktirafan/penganugerahan peringkat jabatan/ negara/ antarabangsa	Anugerah/Pengiktirafan yang diterima oleh pegawai ke atas inisiatif berkaitan pada peringkat jabatan/negara/antrabangsa.		12		12		12		12		12
TAPISAN 360°	Prestasi dan kualiti individu (kepakaran).	Penilaian oleh pegawai atasan, rakan sejawatan dan pegawai dibawah seliaan dari aspek pengetahuan dan kepakaran bidang.		3		3		3		3		3
			JUMLAH	**30**	**JUMLAH**	**30**	**JUMLAH**	**30**	**JUMLAH**	**30**	**JUMLAH**	**30**

KRITERIA KHUSUS - 70%												
KONSULTASI / KHIDMAT PERUNDINGAN	Sesi konsultasi/ khidmat rundingan/ nasihat/pandangan berkaitan kepakaran	Khidmat rundingan/ nasihat berkaitan bidang kepakaran (dalam konteks prosedur/ penyelesaian masalah/isu dan melibatkan kes MSAR dengan Pengurusan Tertinggi, Anggota Pentadbiran, Agensi Antarabangsa, Pihak Swasta, Agensi Kerajaan.		20		20		20		20		20
PENULISAN/ PEMBENTANGAN/ PENERBITAN	Penulisan laporan/ kajian pembentangan/ kertas kerja berkaitan bidang kepakaran	Penulisan laporan/ kajian pembentangan/ kertas kerja berkaitan bidang kepakaran di peringkat Jabatan/Negeri/ Negara/ Antarabangsa mengikut tahap kepakaran pegawai.		5		5		5		5		5
	Penerbitan artikel dalam bidang kepakaran	Menerbitkan artikel secara tahunan berkaitan bidang kepakaran dalam jurnal APMM / Agensi lain / media massa yang berkaitan bidang kepakaran.		5		5		5		5		5
PENGALAMAN KERJA	Pengalaman kerja dari aspek keanggotaan dalam jawatankuasa (penggubalan/pindaan undang-undang/peraturan/ kaedah/ garis panduan) berkaitan kepakaran	Terlibat dalam jawatankuasa peringkat Jabatan/Negeri/ Negara/ Antarabangsa bagi menggubal/meminda undang-undang/ peraturan/ kaedah/ garis panduan berkaitan MSAR		5		5		5		5		5
	Pengalaman kerja dalam mengendalikan tugas/kes/kejadian berkaitan kepakaran	Mempunyai pengalaman sebagai SC/SMC atau mampu memberi nasihat dan pandangan dalam mengendalikan / menyelesaikan dengan jayanya kes insiden / bencana maritim yang dikendalikan oleh APMM.		20		20		20		20		20
ITEM-ITEM LAIN YANG BERSESUAIAN DENGAN SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI PENGUAT KUASA APMM	Kriteria khusus yang dibangunkan berdasarkan keunikan skim perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa APMM			15		15		15		15		15
				70		**70**		**70**		**70**		**70**
			JUMLAH	**100**	**JUMLAH**	**100**	**JUMLAH**	**100**	**JUMLAH**	**100**	**JUMLAH**	**100**

LAMPIRAN U

PENETAPAN TAHAP KEPAKARAN *SUBJECT MATTER EXPERT* APMM

ELEMEN	TAHAP 1 (GRED T18) **SETARA GRED 46A*	TAHAP 2 (GRED T20) **SETARA GRED 48*	TAHAP 2.5 (GRED T22) **SETARA GRED 52*	TAHAP 3 (GRED T24) **SETARA GRED 54*	TAHAP 4 (GRED KHAS C)
Kompleksiti tugas	Berkeupayaan dan konsisten dalam menyelesaikan tugas kepakaran di tahap kesukaran Tier 1.	Mempamerkan kecemerlangan dalam mengaplikasikan kepakaran untuk membantu menyelesaikan tugas kepakaran sehingga tahap kesukaran Tier 2.	Mempamerkan kecemerlangan dalam mengaplikasikan kepakaran termasuk menentukan kebarangkalian kejayaan menyelesaikan tugas kepakaran pada tahap kesukaran Tier 2 dalam masa yang sama memberi pandangan dan nasihat di peringkat negara/antarabangsa.	Mempamerkan kecemerlangan dalam mengaplikasikan kepakaran termasuk menentukan kebarangkalian kejayaan menyelesaikan tugas kepakaran pada tahap kesukaran Tier 3 dalam masa yang sama memberi pandangan dan nasihat di peringkat negara/antarabangsa. Berpengetahuan luas dalam menyelesaikan isu-isu negara/ antarabangsa yang timbul berkaitan tugas kepakaran yang dijalankan.	Mempamerkan kecemerlangan dalam mengaplikasikan kepakaran termasuk menentukan kebarangkalian kejayaan menyelesaikan tugas kepakaran pada Tier Kesukaran 3 dalam masa yang sama memberi pandangan dan nasihat di peringkat negara/antarabangsa. Berpengetahuan luas dalam menyelesaikan isu-isu negara/ antarabangsa dan membuat keputusan berkaitan perlaksanaan tugas kepakaran terutama mengenai isu kedaulatan negara.

ELEMEN	TAHAP 1 (GRED T18) **SETARA GRED 46A*	TAHAP 2 (GRED T20) **SETARA GRED 48*	TAHAP 2.5 (GRED T22) **SETARA GRED 52*	TAHAP 3 (GRED T24) **SETARA GRED 54*	TAHAP 4 (GRED KHAS C)
Tahap penglibatan	Berupaya dan konsisten dalam menjalankan tugas analisis tugas kepakaran. Terlibat secara akif dalam: 1. Penyelidikan di peringkat jabatan. 2. Penyediaan SOP diperingkat Jabatan. Membuat pembentangan di seminar/persidangan di peringkat Jabatan.	Berupaya dan konsisten dalam menjalankan tugas analisis tugas kepakaran. Terlibat secara akif dalam: 1. Penyelidikan di peringkat jabatan. 2. Penyediaan SOP diperingkat Jabatan. 3. Penerbitan jurnal. Membuat pembentangan di seminar/persidangan peringkat Jabatan dan kebangsaan.	Berupaya dan konsisten dalam menjalankan tugas analisis tugas kepakaran. Terlibat secara akif dalam: 1. Penyelidikan di peringkat jabatan. 2. Penyediaan SOP diperingkat Jabatan. 3. Penerbitan jurnal. Membuat pembentangan di seminar/persidangan peringkat Jabatan/ kebangsaan. Bertindak sebagai panel dalam jawatankuasa berkaitan dengan tugas kepakaran.	Berupaya dan konsisten dalam menjalankan tugas analisis tugas kepakaran. Terlibat secara akif dalam: 1. Penyelidikan di peringkat jabatan. 2. Penyediaan SOP diperingkat Jabatan. 3. Penerbitan jurnal. Membuat pembentangan di seminar/persidangan peringkat Jabatan/ kebangsaan. Bertindak sebagai panel dalam jawatankuasa berkaitan dengan tugas kepakaran. Penulisan dalam indeks jurnal serta *chapter* buku ilmiah. Menjadi panel rujuk dan bertindak memberi pendapat di dalam Jabatan dan organisasi luar bagi bidang kepakaran.	Berupaya dan konsisten dalam menjalankan tugas analisis tugas kepakaran. Terlibat secara akif dalam: 1. Penyelidikan di peringkat jabatan. 2. Penyediaan SOP diperingkat Jabatan. 3. Penerbitan jurnal. Membuat pembentangan di seminar/persidangan peringkat Jabatan/ kebangsaan. Bertindak sebagai panel dalam jawatankuasa berkaitan dengan tugas kepakaran. Penulisan dalam indeks jurnal serta *chapter* buku ilmiah. Menjadi panel rujuk dan bertindak memberi pendapat di dalam Jabatan dan organisasi luar bagi bidang kepakaran.

ELEMEN	TAHAP 1 (GRED T18) **SETARA GRED 46A*	TAHAP 2 (GRED T20) **SETARA GRED 48*	TAHAP 2.5 (GRED T22) **SETARA GRED 52*	TAHAP 3 (GRED T24) **SETARA GRED 54*	TAHAP 4 (GRED KHAS C)
					Bertindak sebagai penasihat dan panel rujuk organisasi dalam dan luar negara.
Penerimaan kepakaran	Berkeupayaan mengenalpasti isu kompleks dan mencadangkan penyelesaian yang praktikal dan terlibat dalam perbincangan keputusan tugas kepakaran di peringkat Jabatan.	Dikenali diperingkat Jabatan dan luar Jabatan. Berkeupayaan membimbing personal dalam dan luar jabatan. Penghasilan bahan rujukan dan pembangunan ilmiah.	Dikenali diperingkat Jabatan dan luar Jabatan. Berkeupayaan membimbing personal dalam dan luar Jabatan. Penghasilan bahan rujukan dan pembangunan ilmiah.	Diiktiraf diperingkat Jabatan dan luar Jabatan. Berkeupayaan membimbing personal dalam dan luar Jabatan. Penghasilan bahan rujukan dan pembangunan ilmiah. Hadir dan memberi input di dalam seminar berkaitan bidang kepakaran diperingkat dalam negara dan antarabangsa.	Diiktiraf diperingkat Jabatan, luar Jabatan dan antarabangsa. Berkeupayaan membimbing personal dalam dan luar Jabatan. Penghasilan bahan rujukan dan pembangunan ilmiah. Hadir dan memberi input di dalam seminar berkaitan bidang kepakaran diperingkat dalam negara dan antarabangsa. Menjadi penasihat kepada YB Menteri dalam hal berkaitan bidang kepakaran.
Keberhasilan	Tinggi	Amat Tinggi	Cemerlang	Amat Cemerlang	Tanda Aras

BAB 4

DOKTRIN LATIHAN

DASAR PEMBANGUNAN STANDARD KEMAHIRAN DAN KERJAYA
PEGAWAI PENGUAT KUASA
AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA (DPKM)
(BAB 4 - DOKTRIN LATIHAN)

1. Dokumen ini merupakan Doktrin Latihan (DOKLAT) APMM yang diwujudkan untuk menangani fungsi khusus latihan di APMM. Di samping menyediakan garis panduan dan arahan tentang latihan, dokumen ini juga menawarkan kurikulum asas yang selaras dengan keperluan semasa dan akan datang. DOKLAT ini adalah bersifat berterusan kerana telah dirumus dan diselaraskan secara sistematik sesuai dengan pembangunan latihan dalam APMM, dengan mematuhi segala arahan dan pekeliling yang diberikan oleh kerajaan. Penulisan dan pembangunan DOKLAT adalah bersifat dinamik kerana latihan mestilah peka kepada perkembangan persekitaran dan teknologi, serta bertindak balas terhadap keperluan APMM yang sentiasa berubah.

MISI LATIHAN

2. Misi latihan APMM adalah membentuk warga penguat kuasa maritim yang kompeten dalam persekitaran latihan yang kondusif untuk memenuhi keperluan peminta khidmat maritim sepenuhnya. Di samping itu, kewujudan organisasi pembelajaran yang berusaha untuk mencapai kecemerlangan melalui peningkatan program latihan dan kemahiran berterusan di kalangan pegawai dan anggota adalah penting dalam memastikan warga yang kompeten. Perkara ini haruslah seiring dengan menyemaikan nilai kemanusiaan dan kerohanian yang kukuh dan pada masa yang sama membangkitkan semangat keberanian dari segi fizikal, moral dan integriti untuk melaksanakan peranan dan tugas seorang warga Penguat Kuasa Maritim Malaysia.

KONSEP LATIHAN

3. Sejajar dengan falsafah latihan ini, APMM akan membangunkan kemahiran individu ke tahap profesionalisme yang tinggi. Bagi mencapai hasrat tersebut, APMM perlu mematuhi konsep latihan berikut:

3.1 Berterusan

Latihan dalam APMM adalah proses berterusan dan bukanlah menjadi fungsi bagi mana-mana institusi lain. Jenis dan tahap program latihan dan kursus yang dijalankan akan dikaji semula secara berkala bagi memastikan ia selaras dengan perubahan teknologi dan matlamat yang telah digariskan Agensi.

3.2 Berasaskan Keterampilan dan Keyakinan

Pengukuhan berterusan latihan akan menghasilkan peningkatan individu yang berketrampilan dalam pengurusan, penampilan, etika kerja, kecekapan, kemahiran dan sebagainya. HaI ini juga melibatkan semua peringkat pengurusan dalam APMM untuk mengaplikasi pendekatan latihan yang konsisten dengan membina keyakinan diri di kalangan pegawai dan anggota. Segala maklum balas membina yang diperoleh melalui proses penilaian berterusan akan memberikan nilai tambah kepada usaha ini.

3.3 Kemahiran Pelbagai

Kemahiran yang pelbagai menjadi keperluan amat penting namun pengkhususan dalam kemahiran kerja perlu dititikberatkan bagi melahirkan warga APMM yang fleksibel dalam menjalankan tugas. Kemahiran pelbagai bertujuan untuk memastikan penguasaan setiap aspek kemahiran tertentu. Dengan langkah ini, setiap individu lebih mudah diberi tugasan, berpengetahuan, berkeyakinan, berpengalaman, mempunyai iltizam tinggi dan relevan seiring dengan arus perkembangan semasa.

3.4 Kemajuan Piramid

Selari dengan kemajuan individu dari segi pangkat dan tanggungjawab, seseorang itu itu perlu dilengkapi dan dibekalkan dengan pelbagai kemahiran. Ini bagi memastikan mereka lebih mahir dalam menguasai tugasan dan dengan adanya kemajuan, seseorang individu akan lebih bersemangat dalam menggalas tugas dan tanggungjawab berkaitan dengan kemahiran dan pengkhususan asas

mereka. Pengurusan Tertinggi APMM perlu memastikan prospek kenaikan pangkat dan kerjaya yang lebih baik kepada warga APMM serta peluang lebih luas untuk mengikuti latihan dan syarat perkhidmatan yang fleksibel. Perjalanan kemajuan kerjaya yang jelas akan menjadikan individu sebagai pengamal am *(generalist)* dan pakar (*specialist*).

3.5 **Budaya Warga Agensi**

Warga APMM seharusnya memiliki kualiti serta ciri umum sebagai seorang pemimpin dan bukan kualiti dan ciri mikro seorang pakar yang bersifat lebih sempit dan terpusat. Individu tersebut mesti memiliki keupayaan mental, kekuatan fizikal dan etika untuk menghadapi cabaran baru dan bersedia menerima tanggungjawab dengan penuh tekad dan berani. Seterusnya setiap individu mesti disemaikan dalam diri mereka dengan kepercayaan kepada Tuhan dan rasa tanggungjawab yang mendalam. Ciri dan sikap yang ingin dibentuk oleh APMM di kalangan sumber manusia akan dijelaskan secara terperinci dalam para seterusnya.

CIRI LATIHAN

4. Bagi mencapai keberkesanan latihan, ciri berikut harus dipatuhi:

4.1 **Keobjektifan**

Latihan mesti dibina dan dilaksanakan melalui objektif yang diperoleh daripada analisis tugasan dan/atau keperluan operasi. Objektif latihan mestilah diperkecilkan menjadi tingkah laku prestasi praktikal yang dapat diukur dan dinilai dengan menggunakan ujian kriteria. Oleh itu, piawai umum wujud untuk semua pihak dan pengadilan yang subjektif yang mengakibatkan kesilapan manusia dapat dihadkan.

4.2 **Dinamik**

Setiap latihan yang hendak dilaksanakan mestilah dinamik dan memenuhi keperluan operasi di darat dan di laut. Ini memerlukan

interaksi antara pelbagai komponen dalam sistem latihan, antara sistem latihan dan sistem lain dalam APMM. Dengan demikian, latihan mestilah dinamik untuk memastikan kepekaannya terhadap perubahan dari dalam dan dari luar perkhidmatan dan juga respons terhadap keperluan APMM yang sentiasa berubah.

4.3 Pembelajaran Tambahan

Keupayaan seseorang individu dan kemahuan serta kehendak seseorang untuk belajar akan meningkat seiring dengan kematangan pemikiran. Sehubungan itu, program latihan APMM mesti memberi penekanan kepada pembelajaran tambahan dengan cara diselang-seli kursus jangka pendek. Ia perlu relevan dengan tugasan pengukuhan dan dilakukan sepanjang kerjaya individu tersebut.

4.4 Integrasi

Dalam usaha mencapai kecekapan individu, latihan bersepadu perlu dilaksanakan dan ia adalah tanggungjawab semua pihak dalam APMM. Integrasi kemudahan dan penggunaan optimum sumber yang sedia ada akan meluaskan rangkaian maklumat dan mengurangkan pembaziran.

4.5 Latihan Keseluruhan

Latihan mesti dilihat secara keseluruhannya dan jarang-jarang sekali satu bentuk latihan didapati mencukupi untuk mencapai peringkat kemahiran yang diinginkan. Kebiasaanya pelbagai bentuk program latihan digunakan dan perlu saling melengkapi antara satu sama lain. Apabila sesuatu latihan itu tamat, yang lain mesti membaiki kelemahan yang timbul dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran yang sedia ada. Latihan secara formal di institusi latihan dan perlu diaplikasikan agar mencapai objektif latihan.

4.6 Realistik Dalam Latihan

Bagi memastikan penguatkuasaan maritim yang unggul, semua latihan operasi dan undang-undang maritim perlu dikendalikan secara

realistik dan harmoni agar Pegawai Penguat Kuasa APMM sentiasa bersedia dari segi rohani, fizikal dan mental dalam menghadapi cabaran masa kini sebagai penguat kuasa undang-undang di ZMM.

4.7 Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap

Menyedari cabaran semasa yang sentiasa berubah-ubah dari sudut politik, ekonomi, sosial dan sebagainya, Pegawai Penguat Kuasa APMM perlulah proaktif dalam melaksanakan semua bentuk tugas yang diberikan. Mereka perlu menyesuaikan diri secara positif dalam persekitaran yang sentiasa berubah. Di samping pengetahuan dan kemahiran, latihan APMM yang ditambah dengan program pendidikan perlu menyemai nilai-nilai mental dan emosi yang betul. Setiap kandungan program perlu mempunyai nilai motivasi serta penghayatan kepada profesion penguat kuasa di laut dan juga perkhidmatan awam. Dengan sikap yang betul, Agensi dapat mengekalkan keyakinan rakyat amnya dan pelanggan maritim di ZMM khususnya.

A. DASAR LATIHAN PEGAWAI PENGUAT KUASA APMM

5. Dasar Latihan Pegawai Penguatkuasaan APMM disediakan adalah untuk menyokong penubuhan APMM sepertimana termaktub dalam Seksyen 6 (1) (g) Akta APMM 2004 iaitu menubuhkan dan menguruskan institusi maritim bagi latihan pegawai Agensi. Dasar ini disediakan selaras dengan pembangunan modal insan yang berlandaskan kepada nilai, falsafah dan konsep pembelajaran serta pembudayaan ilmu.

6. Bagi mencapai matlamat dasar latihan ini maka strategi pembangunan latihan yang strategik perlu dilaksanakan berasaskan pembangunan Pegawai Penguat Kuasa APMM yang lebih holistik dan bersepadu dari segi kemahiran (*skills*), pengetahuan (*knowledge*) dan sikap (*attitude*).

PENYATAAN DASAR LATIHAN

7. Dasar latihan ini bermatlamat untuk menentukan hala tuju dan pendekatan pembangunan modal insan dalam meningkatkan keupayaan organisasi dengan lebih komprehensif dan bersepadu bagi mencapai visi dan misi Agensi.

ASAS KEPERLUAN DASAR

8. Dasar latihan ini memenuhi keperluan Akta APMM 2004 dan skim-skim perkhidmatan Pegawai Penguat Kuasa Maritim dan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim.

OBJEKTIF DASAR LATIHAN

9. Objektif dasar latihan ialah untuk:

9.1 Menyediakan Pegawai Penguat Kuasa APMM yang berkelayakan, berkebolehan dan kompeten;
9.2 Membentuk nilai murni, sikap positif dan budaya maritim;
9.3 Meningkatkan tahap kompetensi dan produktiviti;
9.4 Menggalakkan inovasi dan nilai tambah; dan
9.5 Menyediakan kemajuan kerjaya yang lebih dinamik.

STRATEGI PELAKSANAAN

10. Dasar latihan ini dilaksanakan dengan menggunakan strategi pelaksanaan berikut:

10.1 Membangunkan kurikulum yang lebih komprehensif, bersepadu dan strategik serta mendapat pengiktirafan dalam dan luar negara;

10.2 Menyediakan kemudahan yang terkini dan lengkap untuk menyokong pengendalian dan pembelajaran;

10.3 Mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan selesa;

10.4 Menyediakan jurulatih berkaliber dalam pelbagai bidang kemahiran dan kepakaran yang diiktiraf di dalam dan luar negara sebelum layak menjadi tenaga pengajar;

10.5 Menjalinkan rangkaian kerjasama latihan dalam dan luar negara; dan

10.6 Membangunkan sistem pemantauan, penilaian, pengukuran serta kawalan kualiti.

PEMBANGUNAN NILAI DAN SIKAP SERTA KOMPETENSI TERAS

11. Nilai dan sikap yang baik dapat membentuk budaya maritim yang gemilang. Antara elemen nilai dan sikap yang perlu dibangunkan adalah seperti berikut:

11.1 Kepimpinan;
11.2 Integriti;
11.3 Berdisiplin;
11.4 Berketrampilan;
11.5 Semangat kerja berpasukan;
11.6 Profesional;
11.7 Berdaya saing; dan
11.8 Berdaya tahan.

12. Bidang kompetensi teras yang perlu dibangunkan adalah seperti berikut:

12.1 Penguatkuasaan Maritim
12.1.1 Undang-Undang Malaysia;
12.1.2 Siasatan dan Pendakwaan; dan
12.1.3 Operasi dan Penguatkuasaan.

12.2 Navigasi/Teknikal/Perkhidmatan

12.2.1 Ilmu Kelautan;
12.2.2 Pengurusan dan Senggaraan Kapal;
12.2.3 Selenggaraan; dan
12.2.4 Perkhidmatan Sajian.

12.3 Carilamat dan Bantuan Bencana

12.3.1 Mencari dan menyelamat nyawa dan harta benda; dan
12.3.2 Memberi bantuan semasa berlaku bencana.

12.4 Kepakaran Khusus

12.4.1 Juruterbang;
12.4.2 Pasukan Tindakan Khas;
12.4.3 Forensik;
12.4.4 SAR *Mission Coordinator;* dan
12.4.5 Penyelam.

STRUKTUR LATIHAN

13. Struktur latihan yang akan dikendalikan oleh APMM adalah untuk memastikan semua objektif dasar tercapai. Struktur ini dibahagikan kepada enam (6) peringkat iaitu:

13.1 **Asas**

Latihan peringkat asas dilaksanakan kepada Pegawai Penguat Kuasa Maritim yang berkhidmat dari awal pelantikan sehingga tempoh tiga (3) tahun. Latihan ini merangkumi pembangunan individu, kumpulan dan pasukan secara bersepadu dengan menggunakan pendekatan JERI (Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek) dan kompetensi teras.

13.2 **Pra-Penempatan**

Latihan peringkat pra-penempatan bertujuan untuk memberi pengetahuan, pengalaman dan pendedahan kepada Pegawai Penguat Kuasa APMM dalam bentuk latihan sambil kerja dan *pre-joining training* (PJT) sebelum mengisi perjawatan di penempatan baru.

13.3 **Pertengahan**

Latihan peringkat pertengahan melibatkan pembangunan kompetensi pelbagai bidang dan juga peningkatan kompetensi dalam kursus-kursus kerjaya kepada Pegawai Penguat Kuasa APMM yang telah disahkan dalam perkhidmatan.

13.4 **Kepakaran Khas**

Latihan peringkat kepakaran khas dilaksanakan untuk membina kepakaran dalam bidang-bidang tertentu yang diperlukan oleh Agensi.

13.5 **Lanjutan**

Latihan peringkat lanjutan dilaksanakan bagi kursus-kursus perkhidmatan yang mempunyai kepentingan perkhidmatan dan umum.

13.6 **Peralihan**

Latihan peringkat peralihan dilaksanakan kepada Pegawai Penguat Kuasa APMM yang akan meninggalkan perkhidmatan dalam tempoh dua (2) tahun sebelum bersara.

PANEL PENGURUSAN LATIHAN

14. Setiap cadangan kursus baharu, pemansuhan kursus dan pindaan sukatan kurikulum latihan yang sedia ada perlu mendapat kelulusan Panel Pengurusan Latihan APMM. Keanggotaan Panel Pengurusan Latihan adalah seperti berikut:

JAWATAN	KEANGGOTAAN
Pengerusi	Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)
Ahli Tetap	i. Pengarah Bahagian Sumber Manusia ii. Pengarah Bahagian Penguatkuasaan dan Penyelarasan Maritim iii. Pengarah Bahagian Undang-Undang iv. Pengarah Bahagian Kewangan dan Belanjawan v. Pengarah Pendidikan dan Latihan vi. Pengarah Bahagian Kejuruteraan vii. Pengarah Bahagian Siasatan Jenayah Maritim viii. Pengarah Bahagian CariLamat dan Bantuan Bencana ix. Pengarah Bahagian Keselamatan dan Penyelarasan Maritim
Ahli Jemputan	Dijemput untuk keperluan semasa mesyuarat
Urusetia	Bahagian Sumber Manusia

15. Tanggungjawab Panel Pengurusan Latihan APMM adalah seperti berikut:

15.1 Menasihati Ketua Pengarah APMM dalam semua aspek pelaksanaan dan pengurusan latihan organisasi;

15.2 Memastikan strategi pelaksanaan dan pengurusan latihan yang dilaksanakan di Pusat Latihan, Akademi dan lain-lain institut atau unit pelaksana latihan dalam APMM mematuhi Sistem Latihan APMM;

15.3 Meluluskan kursus baru dan sebarang pindaan kepada kurikulum latihan yang sedia ada;

15.4 Memperakukan piawaian kompetensi dan ketrampilan sumber manusia APMM;

15.5 Memperakukan semua peningkatan taraf kemudahan dan infrastruktur laithan; dan

15.6 Membincangkan dan menjatuhkan hukuman ke atas kes disiplin dan tatatertib pelatih dan peserta kursus di Pusat Latihan, Akademi dan lain-lain institut atau unit perlaksana latihan dalam APMM.

16. Sistem latihan APMM merangkumi komponen-komponen berikut:

16.1 **Analisis keperluan latihan**

Mengenalpasti keperluan latihan yang sesuai untuk membolehkan Pegawai Penguat Kuasa APMM melaksanakan tugas, memajukan kerjaya dan menyediakan barisan pelapis untuk mengambil alih teraju pengurusan organisasi pada masa akan datang.

16.2 **Merekabentuk latihan**

Merancang rekabentuk kurikulum latihan bagi memenuhi keperluan tugas.

16.3 **Mengendalikan latihan**

Mengendalikan latihan dalam pelbagai bentuk melalui kursus, bengkel, seminar dan sebagainya.

16.4 **Menilai latihan**

Membuat penilaian terhadap pelatih, jurulatih, tahap keberkesanan latihan, persekitaran dan kemudahan.

16.5 **Mengesahkan latihan**

Menentukan latihan untuk memenuhi kehendak peminta khidmat.

PENILAIAN DAN PENGAWALAN

17. Penilaian dan pengawalan merupakan proses utama dalam meningkatkan kualiti latihan. Adalah menjadi tanggungjawab kepada semua institusi latihan untuk menerapkan penilaian dan pengawalan kualiti ke atas semua program latihan yang dikendalikan.

18. Setiap ketua unit yang dilantik bertanggungjawab sepenuhnya terhadap proses penilaian dan kawalan kualiti sepanjang tempoh latihan yang dikendalikan di bawah penyeliaan mereka.

19. Akreditasi kebangsaan perlu diperolehi bagi memastikan bahawa latihan yang dilaksanakan itu memenuhi kualiti dan menepati piawaian profesional dan antarabangsa.

20. Penilaian ke atas latihan yang dikendalikan perlu dilaksanakan mengikut keperluan bagi memenuhi keperluan Sistem Latihan APMM.

21. Pengujian latihan perlu dibuat bagi memastikan kursus yang dilaksanakan adalah berkesan dan menepati objektif latihan yang telah ditetapkan.

PENGURUSAN PEMULIHAN DAN PENAMBAHBAIKAN LATIHAN

22. Pengurusan pemulihan dan penambahbaikan latihan adalah penting bagi menjamin kualiti latihan yang telah ditetapkan. Pegawai yang gagal di dalam peperiksaan kursus asas atau mempunyai masalah disiplin boleh diambil tindakan tatatertib yang akan diputuskan dalam Mesyuarat Panel Pengurusan Latihan APMM.

23. Komandan bertanggungjawab dalam mengendalikan kajian sekiranya terdapat ramai pelatih yang gagal dalam kursus yang dianjurkan. Laporan perlu dikemukan secara rasmi kepada Panel Pengurusan Latihan APMM.

B. PELAN LATIHAN APMM

24. Pelan Latihan APMM dirangka mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 iaitu Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2005 iaitu Pelaksanaan Pelan Latihan Sumber Manusia Sektor Awam.

25. Pelan ini digubal bagi meningkatkan kecemerlangan dan kompetensi Pegawai Penguat Kuasa APMM selaras dengan visi dan misi Agensi.

OBJEKTIF STRATEGIK APMM

26. APMM telah menggariskan Objektif Strategik yang menjadi piawai bagi mencapai Indeks Prestasi Utama (KPI) melalui Teras Pertama Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) iaitu membabitkan bidang usaha bagi mengurangkan kadar jenayah dan memerangi rasuah. Objektif Strategik APMM ialah seperti berikut:

26.1 Membentuk sebuah angkatan yang seimbang dan serba boleh bagi mendokong misi APMM;

26.2 Memenuhi semua keperluan tugas penguatkuasaan APMM bagi memastikan pematuhan semua Undang-undang Persekutuan dan Undang-undang Antarabangsa di Zon Maritim Malaysia;

26.3 Memenuhi keperluan sebagai peneraju koordinasi Mencari dan Menyelamat Maritim Kebangsaan dan Penyelarasan Bantuan Bencana;

26.4 Memenuhi semua keperluan logistik teknologi semasa;

26.5 Memantapkan sistem pengurusan dan mengoptimumkan sumber-sumber;

26.6 Membangunkan, mengurus dan mengekalkan tenaga kerja yang terampil;

26.7 Meningkatkan dan memperluaskan persefahaman, kerjasama dan rakan kongsi dengan *stakeholders* dan pelanggan;

26.8 Mewujudkan dan membangunkan Pasukan Simpanan Sukarelawan APMM dan Pasukan Bantuan APMM dalam membantu tugas-tugas tertentu APMM;

26.9 Menjadi peneraju dan rujukan dalam aspek keselamatan bagi aktiviti rekreasi maritim kebangsaan; dan

26.10 Menjadi sebuah Agensi peneraju penguatkuasaan maritim yang dicontohi.

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA APMM

27. Kemajuan kerjaya Pegawai Penguat Kuasa APMM adalah tanggungjawab Bahagian Sumber Manusia APMM. Selain itu, Bahagian ini bertanggungjawab dalam perancangan, pengambilan dan penempatan tenaga manusia serta kemajuan dan pembangunan dan keutuhan anggota Agensi.

28. Fungsi Bahagian Sumber Manusia APMM adalah seperti berikut:

28.1 Merancang dan melaksanakan urusan pengambilan dan penempatan;

28.2 Mengurus pengesahan lantikan, penetapan gaji masuk, perlanjutan tempoh percubaan, pengesahan dalam perkhidmatan dan pemberian taraf berpencen;

28.3 Mengkaji, mengemaskini saraan dan kajian elaun kemudahan;

28.4 Memelihara dan mengemaskini rekod anggota;

28.5 Menyelia laporan perubahan;

28.6 Menguruskan kursus peralihan dan persaraan anggota;

28.7 Mengkaji dan memperakukan dasar latihan Pegawai Penguat Kuasa APMM; dan

28.8 Urusetia Jawatankuasa Latihan Agensi.

CAWANGAN PENDIDIKAN DAN LATIHAN, AMSAS

29. Cawangan Pendidikan dan Latihan telah ditubuhkan bagi menjalankan fungsi dan kuasa Agensi sesuai di Bahagian III Seksyen 6 (1) (g) Akta APMM 2004 (Akta 633) iaitu menubuhkan dan menguruskan institusi maritim bagi latihan pegawai Agensi.

30. Objektif penubuhan cawangan ini adalah seperti berikut:

30.1 Membangun dan menyediakan program pembelajaran berterusan *(life long learning)* yang komprehensif dalam pembangunan kerjaya penguat kuasa maritim;

30.2 Menyediakan program pembangunan professional bagi melahirkan modal insan penguat kuasa maritim yang diiktiraf oleh Agensi maritim sejagat;

30.3 Melaksanakan program latihan asas, lanjutan dan kepakaran sesuai dengan keperluan perkhidmatan;

30.4 Membangunkan program latihan untuk membentuk pelaksana tugas yang kompeten;

30.5 Melaksanakan program pembangunan kepimpinan setiap peringkat secara berterusan bagi membentuk penguat kuasa yang berwibawa; dan

30.6 Menyediakan kemudahan dan persekitaran latihan sesuai dengan keperluan semasa.

FALSAFAH LATIHAN APMM

31. Falsafah latihan APMM termasuk komponen berikut:

31.1 Pendekatan Sistem Terhadap Latihan

Latihan APMM adalah satu sistem bersepadu yang mempunyai input, proses transformasi hasil kerja dan tatacara kawalan. Pendekatan sistem terhadap latihan diungkapkan dalam dokumen Pembangunan Standard Kemahiran Pegawai dan Pegawai LLP Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia adalah merangkumi proses berstruktur untuk menentukan keperluan latihan, dan untuk membangun, menyampai, menilai dan mengesah latihan.

31.2 Penambahbaikan Berterusan

Latihan adalah tertakluk pada prinsip pembangunan latihan berterusan dan proses latihan yang tertakluk kepada penambahbaikan yang berterusan dari segi kualiti, kecekapan dan keberkesanan.

31.3 Pengambilan dan Pemilihan Pelatih Berkualiti

Pelatih pegawai dan pegawai LLP yang dipilih untuk menjalani latihan APMM adalah diandaikan sebagai berkebolehan dan bermotivasi untuk lulus kursus. Sistem latihan berperanan untuk menyediakan pengajaran berkualiti tinggi yang memastikan kejayaan kesemua pelatih. Penekanan utama latihan adalah terhadap pengajaran dan pembelajaran dibanding dengan pengujian.

31.4 Tanggungjawab Pelatih Individu

Pelatih pegawai dan pegawai LLP diberi penghargaan sebagai individu, dilayan sebagai dewasa dan seharusnya bertanggungjawab terhadap diri sendiri dan pembelajaran mereka. Kaedah latihan yang digunakan adalah bersesuaian dengan pelajar dewasa.

OBJEKTIF LATIHAN APMM

32. Disebabkan pelaksanaan tugasan adalah hasil daripada aktiviti tingkah laku, objektif latihan adalah untuk mengubah tahap dan kualiti tingkah laku individu ke tahap yang diingini selaras dengan jangkaan APMM. Imbuhan yang amat penting bagi latihan adalah pendidikan yang bertujuan untuk meluaskan jangkauan individu melebihi tugas khusus terdekat mereka. Pendidikan mencetuskan pemikiran inovatif dan kreatif, menyediakan individu untuk menghadapi perkara yang tidak dijangka serta yang dijangka, yang mudah atau pun yang kompleks, dan yang jangka pendek juga yang jangka panjang. Latihan adalah berorientasi tugas sedangkan pendidikan pula bersifat lebih terbuka.

33. APMM memerlukan anggota yang bukan sahaja berketrampil dan mahir menjalankan tugasan khusus tetapi perlu mempunyai potensi untuk berfikir secara inovatif dan kreatif agar dapat menangani situasi yang tidak dapat ditentu dan dijangka. Pendidikan dan Latihan mestilah saling melengkapi dan objektif kedua-duanya dapat diringkaskan seperti berikut:

33.1 Untuk melengkapi anggota dengan kemahiran asas yang perlu agar mereka dapat menyempurnakan tuntutan tugasan mereka;

33.2 Untuk memotivasikan anggota supaya dapat menjalankan kerja mereka;

33.3 Untuk memastikan supaya anggota selalu dikemaskinikan dengan perkembangan terbaru dalam pengkhususan dan kerja mereka;

33.4 Untuk memastikan supaya anggota dibiasakan dan dikemaskinikan dengan teknik terbaru dengan tujuan meningkatkan daya tahan mereka; dan

33.5 Untuk mendorong pembentukan lebih banyak lagi kaedah penggunaan sumber yang berkesan.

PRINSIP LATIHAN APMM

34. Prinsip berikut diperoleh dari falsafah dan konsep latihan APMM. Semua anggota yang terlibat dalam latihan APMM hendaklah mematuhi prinsip ini:

34.1 Latihan hendaklah berorientasi tugasan dan menuju ke arah pembinaan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang perlu apabila mula bekerja selepas menjalani latihan;

34.2 Objektif latihan akan diperoleh dari keperluan kerja, melalui kaedah yang bersesuaian dengan pekerjaan dan tugasan;

34.3 Tugas yang tidak kerap dijalankan tetapi diperlukan semasa kecemasan hendaklah dimasukkan dalam latihan;

34.4 Latihan sambil bekerja tidak dikhususkan pada latihan asas, pertengahan dan lanjutan, tetapi juga direka bentuk untuk peningkatan dan penyesuaian terhadap kelengkapan/sistem baru apabila diperlukan. Kuantiti latihan asas, pertengahan dan lanjutan hendaklah tidak melebihi apa yang perlu untuk menghasilkan secara berkesan seorang pekerja yang cekap;

34.5 Hanya anggota yang memenuhi kelayakan kursus akan dipilih untuk latihan;

34.6 Reka bentuk dan penyampaian kursus akan mengambil kira keperluan dan ciri khusus pelatih dewasa;

34.7 Semua jenis latihan sama ada dikendalikan di institusi latihan atau di unit latihan yang ditetapkan perlu kerap dinilai dan disahkan untuk sentiasa menambah baik proses latihan;

34.8 Akreditasi sijil yang sewajarnya perlu diperoleh bagi semua kursus APMM; dan

34.9 Latihan hendaklah diambil dari Agensi (sama ada dalam atau luar) yang dapat menyampaikan latihan yang diperlukan oleh APMM secara paling berkesan.

KUALITI LATIHAN

35. APMM seterusnya beriltizam untuk melaksanakan sistem dan proses berkualiti dalam sistem latihannya. Pendekatan terhadap latihan telah dibangunkan melalui analisis kerja yang rapi, objektif yang berasaskan kecekapan dan penerapan hasil penilaian kecekapan. Objektif kawalan mutu dalam latihan APMM adalah untuk menjamin penyampaian produk dan khidmat latihan bermutu yang telah ditentukan. Ini adalah hasil daripada sistem latihan yang mewakili kombinasi sumber latihan yang optimum dan paling efisyen. Prinsip yang menjadi teras penyediaan kawalan mutu untuk latihan mencerminkan prinsip yang telah ditetapkan untuk kualiti keseluruhan sistem pengurusan dan pengeluaran kebangsaan:

35.1 **Fokus Peminta Khidmat**

Peminta khidmat kepada sistem latihan perlu yakin bahawa unit latihan dapat menghasilkan produk dan khidmat yang memuaskan keperluan dan jangkaan mereka. Dalam pendekatan kualiti, keperluan tempat kerja dan jangkaan latihan adalah dikenal pasti dan dihuraikan dengan jelas.

35.2 **Fokus Kepada Urusan Teras**

Urusan teras unit latihan adalah menyampaikan produk dan khidmat latihan. Pendekatan kawalan mutu adalah untuk membantu unit dalam usaha menambah baik mutu semua produk dan khidmat latihan tersebut.

35.3 **Pendekatan Sesuai dan Boleh Lentur**

Sistem kualiti latihan menyediakan satu struktur yang dalamnya mempunyai unit latihan di mana dapat membangun dan melaksanakan kawalan mutu dan proses penambahbaikan

berterusan sesuai dengan pelbagai keadaan dan keperluan masing-masing.

35.4 **Penambahan Nilai**

Pendekatan kualiti menawarkan kepada unit banyak faedah termasuk peluang mencapai tahap kecekapan dan keberkesanan yang lebih baik. Kos berkaitan pengenalan dan penyelenggaraan sistem kualiti haruslah selaras dengan hasil yang dicapai. Kos itu tidak harus menjadi beban hingga terpesong daripada keupayaan unit itu menyampaikan produk latihan dan perkhidmatan secara cekap dan berkesan.

35.5 **Penilaian Sendiri**

Penilaian sendiri adalah komponen utama sesuatu sistem kualiti. Melaluinya satu unit latihan menjalankan penilaiannya sendiri untuk menentukan sama ada proses produk, perkhidmatan dan pengurusan mencapai taraf yang diperlukan. Proses ini memudahkan penambahbaikan berterusan dan memupuk budaya belajar.

35.6 **Fokus Penambahbaikan Berterusan**

Penambahbaikan berterusan bergantung pada pendekatan yang bertumpu pada pengkajian semula dan pengukuran proses dan prestasi secara sistematik dan kerap. Tumpuan pada penambahbaikan berterusan kualiti produk latihan dan perkhidmatan adalah satu cara untuk memenuhi keperluan dan jangkaan tempat kerja seiring dengan perubahan dan untuk menentukan matlamat jangka panjang bagi memperbaiki kualiti.

35.7 **Kepimpinan**

Kejayaan berterusan pendekatan kualiti adalah bergantung pada hala tuju, komitmen dan sokongan daripada unit pengurusan. Pengurus unit latihan perlu memimpin melalui teladan dengan menunjukkan tingkah laku yang mewujudkan persekitaran yang menghargai dan

menggalakkan kualiti serta mendorong dan menyokong anggota agar bersifat inovatif dan kreatif.

35.8 **Komunikasi, Penyertaan dan Pemilikan**

Objektif kualiti dan faedah yang dijangka adalah perlu disampaikan kepada dan difahami oleh semua anggota unit. Pelaburan dalam pembangunan kakitangan harus menjadi keutamaan. Staf harus diberi kuasa untuk melaksanakan kerja dan mengendalikan penambahbaikan.

35.9 **Bukti Berasaskan Data**

Pengukuran data dan persembahan bukti berkaitan dengan pencapaian rancangan latihan dan kepuasan pelanggan adalah penting jika sesuatu unit itu hendak menilai kualiti produknya dan memperbaiki prestasi dan proses. Teknik dan proses yang digunakan untuk mengumpul data bagi tujuan ini seharusnya dilakukan setepat-tepatnya dan tidak berat sebelah untuk memastikan agar keputusan adalah berdasarkan bukti yang sesuai. Pengukuran kualitatif dan kuantitatif harus dijalankan berterusan untuk menjamin kekinian dan kebolehpercayaan hasil kajian.

35.10 **Pendekatan Bersepadu Dan Saling Melengkapi**

Sistem kualiti latihan direka bentuk untuk menyatukan dimensi pengurusan kualiti terhadap aktiviti sesuatu unit latihan dengan apa yang diperlukan untuk melaporkan pengurusan strategik dan prestasi. Ini selaras dengan siri ISO 9000 atau elemen sistem kualiti lain dalam memberi pendekatan berstruktur bagi penambahbaikan berterusan. Sistem tersebut dapat juga digunakan untuk menyokong keperluan audit luar.

PIAWAI KAWALAN MUTU

36. Sembilan (9) piawai yang diterima pakai oleh latihan adalah diubah suai daripada apa yang telah dispesifikasikan untuk kerangka kawalan mutu. Piawai tersebut yang pencapaiannya perlu diperlihatkan oleh organisasi latihan, mengandungi deskripsi, hasil dan panduan bukti. Piawai tersebut adalah:

36.1 **Piawai 1 – Fokus Strategi**

Proses pengurusan strategi yang berkesan yang menuju pada kejelasan tujuan dan hala mestilah ditetapkan. Ini mestilah dibina dengan input daripada staf unit dan pihak lain yang berkepentingan dan diberitahu dengan jelas kepada semua staf dan pelanggan. Unit tersebut mestilah memupuk komitmen terhadap penambahbaikan berterusan.

36.2 **Piawai 2 – Fokus Pelanggan**

Produk dan perkhidmatan yang disampaikan oleh unit tersebut mestilah terhasil daripada keperluan dan jangkaan pelanggan. Keperluan ini dipantau dengan teliti.

36.3 **Piawai 3 – Pengurusan Sumber Manusia**

Unit mestilah menyediakan peluang untuk staf berkembang bagi memastikan mereka berkemahiran untuk memenuhi keperluan peminta khidmat dan mereka membantu dalam pencapaian matlamat organisasi. Ini memberi implikasi bahawa sesuatu unit latihan akan mempunyai pengurusan sumber manusia serta rancangan dan proses pembangunan yang telah ditetapkan.

36.4 **Piawai 4 – Pengurusan Pentadbiran, Maklumat Dan Kewangan**

Unit latihan mestilah cekap menguruskan sumber kewangan, maklumat, obligasi kontrak, pembelian, bekalan dan proses pentadbiran lain dengan tujuan menyokong penyediaan produk dan memperoleh perkhidmatan yang berkualiti.

36.5 **Piawai 5 – Pengurusan Aset dan Kemudahan**

Unit latihan mestilah menguruskan secara berkesan aset dan kemudahan mereka dan melaksanakan proses untuk menyelenggara sumber-sumber ini. Piawai ini juga berperanan menyediakan satu persekitaran yang selamat untuk staf, pelatih dan pelawat.

36.6 **Piawai 6 – Prestasi Unit**

Unit latihan mestilah menggunakan maklumat prestasi untuk menilai penyampaian produk dan perkhidmatan dan untuk menambah baik keberkesanan. Khususnya, ini berfokus pada penilaian hasil prestasi dan cara semua ini dapat menyumbang terhadap pencapaian matlamat dan memenuhi keperluan luar.

36.7 **Piawai 7 – Reka Bentuk Pengembangan dan Kaji Semula Kursus**

Proses reka bentuk, pembangunan dan kaji semula kursus mestilah cukup rapi untuk memastikan keselarasannya dengan keperluan sistem latihan. Piawai ini berfokus pada proses reka bentuk dan pembangunan kursus baru dan kajian semula bersistem kursus yang sedia ada.

36.8 **Piawai 8 – Penyampaian Latihan**

Latihan yang disediakan mestilah akur pada keperluan latihan dan memenuhi keperluan pelajar individu. Piawai ini adalah berkaitan dengan kecukupan persekitaran latihan serta keberkesanan latihan dan pembelajaran yang dialami.

36.9 **Piawai 9 – Pengiktirafan Kemahiran**

Kemahiran peserta yang telah diperoleh melalui latihan dan pendidikan formal dan tidak formal, pengalaman kerja dan pengalaman hidup, hendaklah dinilai dan diiktiraf secara rasmi.

PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN

37. Penambahbaikan berterusan ialah proses pengumpulan maklumat sebuah unit latihan dan menggunakan maklumat itu untuk membangunkan dan melaksanakan strategi bagi menambah baik kualiti produk dan perkhidmatan. Sumber maklumat tersebut mungkin datang dari dalam atau luar unit. Proses penambahbaikan berterusan adalah penerapan kitaran berikut:

37.1 Rancang aktiviti;
37.2 Laksanakan aktiviti yang telah dirancang;
37.3 Periksa hasil pelaksanaan dengan cara menilainya; dan
37.4 Laksanakan penambahbaikan yang telah dikenal pasti.

PENGGUNAAN KERANGKA

38. Kitaran Rancang, Laksana, Periksa dan Tambah baik perlu bagi tujuan penambahbaikan berterusan dan seterusnya memberi kepuasan menyeluruh kepada pelanggan. Penggunaan kerangka kualiti ini untuk kajian semula atau audit unit latihan boleh dikendalikan oleh kakitangan terlatih/berkelayakan. Setiap juruaudit perlu menentukan jenis bukti yang terkumpul dan memastikan terdapat bukti yang mencukupi untuk menunjukkan bahawa piawai latihan dan hasil berkaitan telah tidak dicapai. Langkah utama menggunakan kerangka ini adalah seperti berikut:

38.1 Langkah 1: Pengurusan unit bertindak mengaudit fungsi dan piawai kualiti latihan melalui proses penilaian. Tumpuan kaji semula yang khusus ini akan memberi petunjuk kepada piawai yang digunakan sebagai tanda asas sumber (manusia dan fizikal) yang diperlukan untuk mengendalikan latihan.

38.2 Langkah 2: Tempoh masa yang dirancang dan ahli pasukan audit dipilih dan dilatih.

38.3 Langkah 3: Anggota unit dimaklumkan tentang audit/kaji semula yang akan dikendalikan bersama dengan sokongan pengurusan untuk membuat penilaian.

38.4 Langkah 4: Audit tersebut dikendalikan berikutan proses penilaian yang dilaksankan. Penetapan piawai penilaian hendaklah ditetapkan, data dikenal pasti, dikumpul dan dianalisis. Satu laporan disediakan bagi menilai tahap prestasi bersandarkan piawai dan merumuskan tindakan penambahbaikan.

38.5 Langkah 5: Pengurusan unit mengggunakan peluang untuk penambahbaikan dan menetapkan strategi dan pelan tindakan. Hasil audit dan rancangan penambahbaikan kualiti hendaklah diberitahu kepada semua staf unit.

PERUNTUKAN LATIHAN

39. Penetapan peruntukan kewangan bagi latihan adalah sebanyak 1% daripada jumlah keseluruhan nilai emolumen tahunan. Peruntukan kewangan perlu mengikut tahap keutamaan seperti berikut:

39.1 Kursus kenaikan pangkat (kursus generik);
39.2 Kursus kepakaran; dan
39.3 Lain-lain kursus/ bengkel/ seminar.

C. PERSONALITI DAN SIKAP

40. Dalam usaha memperkasakan peranan APMM, sumber manusia merupakan salah satu daripada faktor yang amat penting dalam mempengaruhi pembentukan Agensi penguat kuasa maritim yang unggul. Bagi membolehkan APMM memenuhi peranannya, APMM mestilah dapat membangunkan pegawai dan anggota yang bukan sahaja mempunyai pengetahuan dan kemahiran tetapi juga yang telah disemaikan dengan personaliti dan sikap yang betul.

41. Fungsi utama latihan dan pendidikan dalam APMM adalah untuk memantapkan pembangunan modal insan yang berkualiti, personaliti dan sikap yang setara dengan kesejahteraan organisasi

CIRI PEGAWAI PENGUAT KUASA APMM

42. Ciri adalah kualiti tersendiri bagi individu atau organisasi. APMM memfokuskan ciri-ciri seperti berikut:

42.1 Asas;
42.2 Moral dan Etika;
42.3 Kerohanian; dan
42.4 Sosial.

CIRI ASAS

43. Ciri asas adalah teras bagi setiap anggota penguat kuasa dan ketenteraan. Ciri ini merangkumi kualiti dan nilai asas yang perlu dibina melalui latihan dan pendidikan. Tujuannya adalah untuk melahirkan pegawai dan anggota yang berkualiti dalam APMM. Kualiti dan nilai yang diutamakan adalah:

43.1 **Ketulusan Watak**

Seseorang yang mempercayai kod moral dan mengamalkannya dianggap memiliki ketulusan watak. Ketulusan ini paling baik diungkapkan melalui istilah seperti kekuatan moral, kehormatan, amanah, boleh diharap, kejujuran, kesetiaan dan keberanian. Individu yang tulus tetap dengan pendiriannya dan boleh dipercayai.

43.2 **Rasa Tanggungjawab**

Nilai dan kualiti ini berkait rapat dengan semangat patriotik yang menuntut individu menyahut cabaran melaksanakan segala tugasan yang telah diamanahkan dengan jayanya. Rasa tanggungjawab yang tinggi amat diperlukan agar tugas yang dipikul menjadi keutamaan daripada kepentingan sendiri. Sikap seperti inilah yang dapat

mengekalkan keyakinan rakyat dan negara kepada APMM yang bertanggungjawab mengekalkan keamanan di ZMM.

43.3 **Kecekapan Profesional**

Ciri ini penting khususnya bagi melahirkan seorang pemimpin dan pengurus di kalangan warga APMM. Kecekapan profesional ini dilihat melalui kepelbagaian pengetahuan, kemahiran dan kebolehan yang memberi manfaat besar kepada pasukan. Pemimpin juga mesti berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan bahawa pengetahuannya bersifat terkini dan berkait dengan tugas serta berkebolehan untuk membuat keputusan. Kegagalan mematuhi kehendak ini akan menyebabkan mereka tidak diyakini oleh orang bawahan.

43.4 ***Entusiasme***

Untuk membina *entusiasme*, seseorang mesti mempunyai minat dan keikhlasan. Hal ini seterusnya akan menjadikan individu itu lebih tekun dan gagah dalam melaksanakan tugas.

43.5 **Kestabilan Emosi**

Seseorang yang berwatak tulus berkemungkinan mempunyai emosi yang stabil. Seseorang individu itu mesti memahami bidang kuasanya dan cara bidang itu berkait dengan yang lain agar kestabilan dapat dikekalkan. Individu tidak dapat memahami orang lain jika emosinya terganggu dengan masalah peribadi. Impak daripada ketidakstabilan emosi akan menimbulkan berbagai masalah akhirnya menjejaskan keharmonian sesebuah Agensi sekiranya tidak ditangani segera.

43.6 **Keyakinan Diri**

Kebolehan seseorang mengatasi segala halangan dalam hidup untuk mencapai kejayaan banyak dipengaruhi oleh keyakinan diri. Ciri ini memberi seseorang itu kekuatan dalaman yang membantu dirinya mengatasi pelbagai halangan. Individu yang yakin pada dirinya sendiri memiliki rasa bangga dan tenang, serta mudah membuat

keputusan. Keyakinan diri dibina dengan memperoleh pengetahuan yang sebenarnya. Sentiasa bersedia untuk mencuba melakukan sesuatu yang belum mahir atau belum, yakin pada diri berani melakukannya. Semakin seseorang itu dicelikkan melalui pendidikan dan latihan, keyakinan dirinya bertambah.

CIRI MORAL DAN ETIKA

44. Rasionalnya, warga APMM mestilah dibentuk berdasarkan moral atau akhlak dan etika yang baik. Sememangnya diakui, moral dan etika yang baik seperti keadilan, kejujuran, ketaatan dan sebagainya akan mendapat sanjungan. Apabila kehidupan peribadi seseorang terbentuk oleh prinsip moral yang kuat, ia akan menjadi individu menunaikan sesuatu tugas itu demi tanggungjawab terhadap tugas itu sendiri. Ciri moral dan etika tidak diamalkan secara terpencil tetapi adalah berhubung kait dengan prinsip yang diterima dan sentiasa diamalkan. Ciri moral dan etika adalah penyuluh arah kehidupan dan melalui pembelajarannya, APMM berharap individu dan organisasinya akan memperoleh kewibawaan. Hal ini diperlihatkan melalui ciri yang ada pada seseorang seperti:

44.1 Kod Tatatertib;
44.2 Rasa Kehormatan;
44.3 Keikhlasan;
44.4 Kebolehpercayaan;
44.5 Ketulusan;
44.6 Kebenaran;
44.7 Kesamarataan;
44.8 Kepercayaan Diri; dan
44.9 Empati.

CIRI KEROHANIAN

45. Di samping memiliki kekuatan moral, anggota APMM mesti juga memiliki nilai kerohanian yang kuat dan berasaskan kepercayaan agama. Kekuatan rohani dan kepercayaan yang teguh terhadap Tuhan dan akan menjadi paksi seluruh tindakan

dan perbuatan manusia. Ciri kerohanian ini akan menjadi garis panduan hidup yang perlu disemaikan pada warga APMM.

46. Sebaliknya mereka yang hidup dalam kekosongan rohani mungkin memiliki tingkah laku yang tidak dapat diduga dan tidak boleh dipercayai. Manusia dan akhlak merupakan entiti yang penting yang membentuk kemanusiaan yang menentukan eksistensinya, sama ada dihormati atau dihina. Dalam keadaan terdesak seseorang yang tiada rasa tanggungjawab, akan berfikir tentang kelangsungan hidup diri sendiri, dan tingkah lakunya akan bersifat mementingkan diri malah menjadi pengecut.

47. Pemahaman yang mendalam terhadap konsep kerohanian akan menjadikan individu itu memiliki watak yang lebih kuat dan lazimnya timbul semangat berani untuk menghadapi sebarang cabaran. Dalam keadaan sukar dan tertekan, kepercayaan dan keyakinan seseorang terhadap Tuhan akan mengekalkan dan mengukuhkan semangat untuk berjuang. Dalam keadaan biasa dan kurang tertekan, individu yang sama akan tetap bertahan dan menonjolkan semangat berdedikasi terhadap tugas dan tanggungjawabnya.

CIRI SOSIAL

48. Penyataan nilai yang terdapat dalam Buku Penyata Arah APMM (*MMEA Direction Handbook*) menekankan nilai kerja berpasukan dan ciri penyayang. Semangat untuk berkhidmat adalah amat penting bagi membolehkan anggota berinteraksi dan berkomunikasi. Penampilan ciri sosial tersebut oleh anggota APMM bukan sahaja akan menonjolkan imej APMM sebagai organisasi penyayang yang dapat dicontohi tetapi juga meningkatkan keyakinan dan rasa hormat daripada seluruh masyarakat. Justeru, untuk menjadikan APMM organisasi yang dihormati, dijadikan contoh oleh pihak lain serta kekal sebagai komuniti yang mantap dan bersepadu, ciri sosial berikut diperlukan:

48.1 Menghormati hak individu;
48.2 Kesedaran sivik/kelakuan yang sopan;
48.3 Bertimbang rasa dan tidak mementingkan diri sendiri;
48.4 Mematuhi undang-undang;

48.5 Rendah diri; dan

48.6 Komitmen yang kukuh kepada keluarga.

SIKAP PEGAWAI PENGUAT KUASA APMM

49. Sikap dan ciri adalah saling melengkapi. Sikap tidak dapat dibina jika ciri tidak wujud. Jika ciri memperkatakan tentang kualiti seseorang, sikap pula lebih merupakan hasil kualiti peribadi, serta nilai dan pengalaman yang dimiliki oleh individu. Memupuk sikap yang betul di kalangan anggota dalam memainkan peranan Agensi yang kini menjadi semakin berat dan jauh lebih rumit harus kekal sebagai salah satu landasan asas latihan dan pendidikan APMM. Sikap utama APMM yang perlu dibina dan dipertingkatkan adalah:

49.1 Penerimaan budaya, tradisi, dan disiplin;

49.2 Penerimaan hakikat bahawa pengorbanan untuk mempertahankan negara adalah satu keperluan yang mungkin timbul;

49.3 Beriltizam terhadap hakikat bahawa kehidupan penguatkuasa maritim adalah lebih daripada hanya satu pekerjaan. Hal ini berkait rapat dengan konsep kesetiaan dan semangat kebangsaan serta keperluan meletakkan diri sendiri di tempat kedua;

49.4 Meletakkan integriti yang cemerlang dalam diri semua warga penguat kuasa maritim di tempat yang teratas;

49.5 Menerima piawai perkhidmatan dalam prestasi kerja; dan

49.6 Menerima tanggungjawab untuk menggalakkan taraf yang tinggi di kalangan rakan seperkhidmatan.

D. KATEGORI LATIHAN

50. Latihan APMM dikategorikan kepada dua (2) bidang iaitu pembelajaran yang memenuhi keperluan kerja semasa dan pembelajaran yang menyediakan individu untuk keadaan masa depan. Oleh itu, latihan dalam APMM terbahagi kepada empat (4) cara seperti berikut:

50.1 Latihan Individu;
50.2 Latihan Operasi;
50.3 Latihan Berterusan; dan
50.4 Strategik Perancangan Sumber Manusia.

LATIHAN INDIVIDU

51. Perkara ini merangkumi pola latihan biasa untuk kemajuan kerjaya seorang pegawai penguat kuasa maritim bersesuaian dengan kepakaran dan kategorinya. Latihan individu biasanya terdiri daripada dua komponen iaitu pertama, latihan secara formal di bawah pengawasan langsung daripada tenaga pengajar dan menggunakan fasiliti-fasiliti sumber latihan yang kondusif dan kedua, latihan sambil kerja yang biasanya dilaksanakan di darat serta di laut dan disertakan dengan buku tugas.

52. Latihan individu merangkumi Latihan Asas, Latihan Kerjaya, Latihan Laut dan Latihan Kemahiran Terpilih dan butirannya adalah seperti berikut:

52.1 **Latihan Asas**

Latihan asas adalah wajib dilalui dengan jayanya untuk menjadi seorang pegawai penguat kuasa maritim di AMSAS. Objektif keseluruhan termasuk memastikan semua pegawai dan anggota yang dilantik oleh perkhidmatan mematuhi piawaian, disiplin, kemahiran dan pengetahuan dalam APMM. Latihan awal ini adalah untuk memudahkan peralihan dari kehidupan orang awam kepada pegawai penguat kuasa maritim profesional sejajar dengan kehendak perkhidmatan. Pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari akan

diperkukuhkan dalam pelbagai bentuk sepanjang perkhidmatan individu tersebut.

52.2 **Latihan Kerjaya**

Latihan ini melengkapi individu dengan kemahiran yang akan membolehkannya mengikuti latihan sambil belajar dan akhirnya kemajuan kerjaya Pegawai Penguat Kuasa APMM. Kursus pertengahan dan lanjutan dikendalikan untuk menaiktarafkan dan meluaskan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam pengkhususan kerja masing-masing. Objektif keseluruhan program adalah untuk menyediakan individu bagi memikul tanggungjawab yang lebih apabila menghadapi pelantikan kerja berikutnya.

52.3 **Latihan Laut**

Latihan ini adalah kesinambungan daripada latihan formal bagi meluaskan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi dari kursus sebelumnya. Latihan ini sangat sesuai dijalankan semasa LSK.

52.4 **Latihan Kemahiran Terpilih**

Latihan ini merangkumi latihan penguatkuasaan, latihan kejurulatihan atau sebarang kursus yang dikendalikan bagi tujuan melatih pegawai penguat kuasa maritim yang terpilih. Mereka akan ditugaskan mengisi jawatan tertentu dan memerlukan pengetahuan dan kemahiran khusus.

LATIHAN OPERASI

53. Jika Latihan Individu memberi penekanan kepada ketrampilan pegawai penguat kuasa maritim, Latihan Operasi pula melibatkan seluruh kakitangan kapal dan staf sokongan. Latihan ini menggunakan tatacara operasi yang ditetapkan untuk mencapai misi tertentu dalam persekitaran sebenar atau bersimulasi. Latihan operasi direncanakan untuk memenuhi keperluan tugas sebuah kapal dan objektif keseluruhannya iaitu membuat rondaan, penguatkuasaan dan tugas-tugas menyelamat nyawa dan harta benda di ZMM.

54. Untuk mencapai keberkesanan yang diharapkan, Latihan Operasi mestilah dikendalikan secara realistik. Mewujudkan kerjasama antara Agensi atau Jabatan yang terlibat dalam penguatkuasaan dan *Search and Rescue* adalah amat penting dengan adanya latihan operasi bersama di ZMM. Latihan mestilah dikendalikan dalam persekitaran dan keadaan yang sebaik-baiknya dengan penglibatan pelbagai agensi atau jabatan. Latihan Operasi dapat dipecahkan mengikut kategori seperti berikut:

54.1 **Latihan Sub Pasukan**

Latihan sub pasukan dilaksanakan adalah untuk meningkatkan kecekapan asas yang dipelajari semasa Latihan Individu dengan menggunakan sumber operasi yang tersedia sama ada di darat atau di laut. Objektif keseluruhan adalah membentuk ahli pasukan yang cekap dalam fungsi pasukan dan berkongsi tanggungjawab untuk memperolehi keberkesanan. Ketua Jabatan dalam sesuatu unit adalah bertanggungjawab mengendalikan latihan ini.

54.2 **Latihan Pasukan Pemerintah**

Latihan Pasukan Pemerintah kapal biasanya menggunakan peralatan simulasi di darat dan ianya bertujuan untuk menambah baik kemahiran bersama dan individu. Latihan ini dikendalikan oleh Pegawai Pemerintah dari masa ke semasa.

54.3 **Latihan Pasukan/Kapal**

Objektif utama adalah untuk menjadikan beberapa sub pasukan dalam sesuatu unit menjadi satu atau komposit yang menjamin kejayaan sesuatu misi. Pegawai Pemerintah adalah bertanggungjawab terhadap mengendali dan mengurus latihan ini.

54.4 **Latihan Berkumpulan**

Latihan berkumpulan dilaksanakan adalah untuk menggembleng keupayaan pelbagai pasukan APMM supaya berfungsi sebagai satu kumpulan kerja yang cekap dan profesional. Pemerintah yang dilantik bertanggungjawab mengendali dan mengurus latihan ini.

54.5 **Latihan Maritim**

Latihan ini bertujuan untuk memberi sinergi spektrum sepenuhnya terhadap keupayaan penguatkuasaan serta tugas mencari dan menyelamat. Latihan ini turut melibatkan komitmen unit dalam Agensi dan jabatan-jabatan kerajaan lain yang terlibat. Pada masa yang sama, Bahagian Penguatkuasaan dan Penyelarasan Maritim dibantu oleh Negeri Maritim adalah bertanggungjawab mengendali dan mengurus latihan sedemikian dalam APMM.

LATIHAN BERTERUSAN

55. Pembelajaran yang diberi semasa kursus formal adalah direka bentuk untuk melengkapi anggota dengan teori asas serta kemahiran bagi pengetahuan yang bersesuaian bagi melaksanakan tugas mereka. Walau bagaimanapun disebabkan kekangan dari segi sumber dan kemudahan latihan, kemahiran sepenuhnya tidak mungkin dicapai semasa latihan tersebut. Dengan demikian, latihan perlu diteruskan di tempat kerja agar kemahiran dan pengetahuan dapat digilap dan dikukuhkan.

56. Latihan berterusan ini hendaklah dirancang oleh sesebuah unit untuk meningkatkan kemahiran individu atau kumpulan (Negeri Maritim, Zon Maritim, Pos Maritim, Kapal dan Bot) kerana didapati masih lemah atau tidak mencapai tahap yang ditetapkan. Latihan-latihan yang dirancang secara berterusan perlu mempunyai objektif-objektif yang khusus. Pengetahuan dan kemahiran tambahan perlu juga diajar untuk menyesuaikan anggota dengan sebarang kelengkapan dan proses kerja baru yang diperkenalkan ke dalam unit. Aktiviti latihan unit yang kurang formal ini secara keseluruhannya dipanggil latihan berterusan. Selain menambah nilai program latihan formal, latihan berterusan juga menjamin pengekalan dan keberterusan ketrampilan serta kecekapan tinggi di dalam APMM. Latihan ini dapat dikenal pasti melalui sub kategori latihan berikut:

56.1 **Latihan Pra Kemasukan**

Sebarang bentuk latihan sebagai tambahan pada latihan individu yang diikuti sebagai persediaan dalam pengendalian kelengkapan baru atau tugasan luar biasa di atas kapal. Latihan sedemikian biasanya dijalankan di pangkalan dan di laut dan dikendalikan oleh AMSAS atau Ibu pejabat APMM.

56.2 **Latihan Pra Kemahiran**

Latihan ini merangkumi sebarang bentuk latihan yang diberi kepada pasukan atau unit sama ada dalam bentuk latihan ulang kaji atau latihan istimewa. Latihan ini bertujuan memberi pengetahuan dan pengalaman yang perlu bagi mencapai keberkesanan operasi unit. Keperluan latihan sedemikian dikendalikan oleh AMSAS dan Ibu Pejabat APMM.

56.3 **Latihan Dalaman**

Untuk kakitangan di darat, latihan berterusan dijalankan dalam bentuk latihan dalaman. Objektif latihan adalah untuk meningkatkan keupayaan yang sedia ada serta membina keyakinan dan kecekapan di kalangan tenaga kerja. Pegawai Pemerintah bertanggungjawab mengendalikan keperluan tersebut.

STRATEGI PERANCANGAN SUMBER MANUSIA

57. Tujuan perancangan sumber manusia APMM ini dilaksanakan adalah untuk memastikan wujudnya ketelusan dan fleksibiliti dalam proses pengambilan, penempatan, pembangunan, latihan dan pengekalan sumber manusia sesebuah organisasi berdasarkan persekitaran yang sentiasa berubah dari semasa ke semasa. Faktor luaran seperti kedudukan kewangan, prestasi ekonomi yang tidak menentu dan perubahan serta perkembangan teknologi moden yang pesat memberikan kesan yang besar kepada perancangan sumber manusia di APMM. Bilangan pengisian ini sentiasa disemak dari masa ke semasa dan kelulusan permohonan untuk pengisian adalah diberikan kepada pengisian jawatan-jawatan yang kritikal dan mempunyai kepentingan yang tinggi berdasarkan justifikasi fungsi tugas yang dikemukakan

kepada Bahagian Sumber Manusia. Ianya proses mengubah sesuatu organisasi, pemegang kepentingan di luar, kumpulan di dalam dan mereka yang bekerja dalam organisasi itu, melalui pembelajaran terancang supaya mereka memiliki pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan pada masa hadapan. APMM memerlukan pegawai dan anggota yang bukan sahaja sangat berketrampilan dalam penguatkuasaan maritim dan keupayaan peperangan tetapi juga berupaya dari segi sikap, bersifat kreatif, imaginatif dan mempunyai tahap kognitif lebih tinggi.

58. APMM memerlukan pegawai dan anggota yang peka terhadap persekitaran yang sentiasa berubah dan yang dapat membayangkan sesuatu melewati sempadan biasa penguatkuasaan. AMSAS mengendalikan latihan sedemikian dengan tujuan utamanya untuk membina kecekapan yang perlu untuk jangkaan masa depan bukan sahaja untuk APMM malah untuk negara.

LATIHAN SEMULA

59. Lazimnya latihan semula perlu untuk mempertingkatkan kualiti pegawai penguat kuasa maritim dan mengurangkan kemerosotan ketrampilan seseorang individu. APMM mesti mengekalkan piawaian ketrampilan yang tinggi di kalangan pegawai dan anggotanya. Justeru itu latihan semula adalah salah satu cara untuk menjamin agar standard ini dikekalkan dan ditingkatkan.

60. Transformasi latihan semula juga dijalankan untuk hala tuju individu ke arah kepelbagaian atau pengkhususan. Latihan ini dapat mempertingkatkan keupayaan pentadbiran dan penguatkuasaan agar lebih peka kepada keperluan maritim sesuai dengan perubahan semasa.

61. Bagi semua jenis latihan, objektif keseluruhan adalah sama iaitu untuk menjamin agar tahap ketrampilan yang diperlukan itu dikekalkan. Walaupun ia mungkin dianggap merugikan, latihan semula ini adalah pilihan paling cekap dan berkesan untuk APMM memajukan sumber manusianya dalam mencapai tahap ketrampilan dan kecekapan. Apa yang lebih penting yang perlu dititikberatkan ialah prestasi penjawat awam secara langsung akan mencerminkan imej Agensi, integriti dan kewibawaan kerajaan kepada masyarakat.

E. BENTUK LATIHAN APMM

62. Kategori latihan adalah berbeza mengikut tujuan setiap latihan itu direka bentuk. Penyampaian latihan pula dapat dibezakan mengikut cara dan tempat latihan dikendalikan. Disebabkan kategori dan bentuk latihan APMM mempunyai ciri yang tersendiri, satu huraian lebih umum perlu diberikan tentang pelbagai bentuk latihan yang sedia ada. Latihan dikendalikan di institusi latihan formal yang ditubuhkan di darat dan unit latihan terpilih. Sekiranya APMM memerlukan kepakaran luar, anggota APMM akan diberi peluang menghadiri kursus di unit latihan dan awam lain di dalam atau di luar negara.

63. Pelaksanaan latihan yang ada dalam APMM dibahagikan kepada pelbagai bentuk yang berbeza agar dapat dilaksanakan dalam tempat, suasana serta bentuk yang bersesuaian dengan kehendak perkhidmatan. Penyampaian latihan pula dapat dibezakan mengikut cara dan tempat latihan dikendalikan. Disebabkan kategori dan bentuk latihan APMM mempunyai ciri yang tersendiri, satu huraian lebih umum perlu diberikan tentang pelbagai bentuk latihan yang sedia ada.

KURSUS

64. Kursus dikendalikan di institusi latihan formal yang ditubuhkan di Kuantan, Pahang iaitu AMSAS yang menyediakan peluang menghadiri kursus asas dan lanjutan. Walau bagaimanapun, APMM masih memerlukan kepakaran luar dalam bidang perundangan serta mencari dan menyelamat maritim. Oleh itu, pegawai penguat kuasa maritim akan diberi peluang menghadiri kursus di AMSAS dan institut latihan lain di dalam atau luar negara.

65. Umumnya, kursus adalah berbeza daripada bentuk latihan lain dari segi:

65.1 Kursus dikendalikan oleh satu kumpulan pengajar yang terlatih dan berdedikasi;

65.2 Latihan yang disampaikan adalah berdasarkan sukatan yang digubal dan dipersetujui oleh Bahagian Sumber Manusia Ibu Pejabat APMM.

Sukatan latihan ini telah direka bentuk dan diuji dengan menggunakan pendekatan secara bersistematik;

65.3 Ketiga-tiga elemen kursus semuanya dinilai, iaitu jurulatih, kandungan kursus dan peserta kursus diukur dari segi keberkesanan, kerelevanan dan pemindahan pembelajaran. Penilaian akan dijalankan oleh institusi latihan dan unityang dikenalpasti dan terpilih; dan

65.4 Sijil kemahiran diberi kepada yang menamatkan kursus dengan jayanya.

LATIHAN SAMBIL KERJA

66. Kursus formal dirangka bagi melengkapkan pegawai penguat kuasa maritim dengan pengetahuan dan kemahiran yang perlu untuk menjalankan tugas mereka. Walau bagaimanapun, tidak semua pegawai dan anggota akan mencapai ketrampilan maksimum setelah mengikuti kursus-kursus ini. Justeru, latihan perlu diteruskan di tempat kerja supaya dapat memantapkan kebolehan sedia ada dan mengukuhkan apa yang telah diperoleh dalam latihan formal.

67. Aktiviti latihan yang tidak begitu formal ini umumnya dikenali sebagai LSK. Latihan ini melengkapi dan menambah nilai program latihan formal dengan menyediakan latihan dalam bidang yang tidak dapat dikendalikan melalui latihan formal disebabkan kekangan-kekangan tertentu.

68. LSK menjamin agar ketrampilan kerja dikekalkan pada tahap tinggi dengan cara menambah pengetahuan dan kemahiran pegawai atau anggota Lain-lain Pangkat. Pelaksanaan yang menyeluruh melalui kaedah atau pendekatan latihan ini dapat mengekalkan dan melestarikan ketrampilan tahap tertinggi di kalangan warga APMM.

SEMINAR DAN BENGKEL

69. Seminar dan bengkel juga merupakan bentuk latihan. Seminar bermaksud suatu perjumpaan untuk sesi berbincang atau bertukar-tukar pendapat mengenai sesuatu isu atau permasalahan secara ilmiah. Melalui seminar dan bengkel inilah yang menghasilkan banyak penambahbaikan dan revolusi ke arah yang lebih baik. Bentuk latihan ini secara tidak langsung juga menjadi medium percambahan idea yang bernas demi kebaikan perkhidmatan dan seterusnya kepada Agensi.

70. Seminar dan bengkel adalah bertujuan memperkenalkan kelengkapan, idea dan prosedur baru atau untuk mendidik pegawai penguat kuasa maritim tentang isu-isu tertentu. Seminar melibatkan lebih banyak peserta dan lazimnya terrtumpu pada satu tema dan pengendaliannya ditentukan dengan cara penyampaian kuliah secara bersiri oleh juri atau pakar kepada peserta. Seminar juga diadakan dalam kumpulan yang besar bagi menghasilkan laporan hasil daripada perbincangan yang telah dijalankan.

71. Bengkel diklasifikasikan sebagai peristiwa latihan yang lazimnya melibatkan banyak aktiviti amali. Topik yang dibawa mungkin satu sahaja atau terdiri daripada beberapa topik yang berkaitan. Perbezaan utamanya adalah ketiadaan penceramah pakar dan sesi formal. Matlamat bengkel adalah untuk mencari penyelesaian masalah kerja sebenar, mencari penyelesaian yang mungkin atau mengenal pasti kaedah baru untuk menyelesaikan masalah.

72. Seminar dan bengkel dicirikan oleh perkara berikut:

72.1 Kedua-duanya biasanya terbatas dari segi skop dan masa;

72.2 Kedua-duanya amat berkesan untuk memberi penyelesaian masa terdekat terhadap keperluan latihan;

72.3 Aliran idea dalam Seminar dan Bengkel tidak terjejas oleh kekangan atau batasan, contohnya sifat terbatas sesuatu sukatan yang terdapat dalam kursus formal; dan

72.4 Tidak ada penilaian formal.

SIMULASI

73. Simulasi adalah aktiviti pembelajaran amali yang menggunakan simulator. Pelatih akan memperoleh pengalaman sebenar tentang struktur dan proses yang akan dihadapi dalam penguatkuasaan maritim sebenarnya. Simulasi bukan sahaja memberi kenyataan sebenar untuk menambah kemahiran seseorang tetapi juga lazimnya menghapuskan semua risiko dan kos yang akan terlibat dalam situasi bukan simulasi. Kategori bentuk latihan ini adalah:

73.1 **Permainan Simulasi**

Ini adalah aktiviti kumpulan yang memerlukan peserta memainkan peranan dan bertindak mengikut peraturan dan memberi arahan serta menentukan hasil permainan itu. Pemain diberi situasi dan masalah sesuai dengan peranan dan dikehendaki membuat keputusan. Setiap peranan dalam simulasi ini adalah sesuai untuk mengubah sikap dan nilai serta meningkatkan keupayaan kognitif. Di samping itu, permainan ini berguna untuk membina kemahiran menganalisis dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan.

73.2 **Simulasi Bukan Permainan**

Pelatih akan mempraktikkan kemahiran mereka dan menguji andaian dalam persekitaran yang selamat. Simulasi bukan permainan adalah berkesan terutamanya ketika menyampaikan kandungan yang memerlukan latihan penguasan atau pemahaman. Lazimnya simulasi sebegini ini tidak digunakan untuk mengubah sikap. Kaedah ini amat bermanfaat untuk kemahiran berkaitan sintesis dan penilaian individu melalui Latihan Berasaskan Komputer (*Computer Based Training*).

LATIHAN LASAK

74. Latihan lasak perlu kerap dilaksanakan sebagai sebahagian daripada jadual latihan dan seharusnya digalakkan di unit dan kapal. Latihan ini adalah satu tambahan pada latihan formal untuk membina perwatakan dan kepimpinan selain mengekalkan tubuh badan yang sihat dan bertenaga.

75. Secara khususnya, latihan ini bertujuan untuk meningkatkan daya kepimpinan, kualiti usaha, disiplin diri dan menguji akal pelatih membuktikan kewibawaan yang tidak dapat dibentuk sepenuhnya melalui kaedah latihan kepimpinan yang lain. Latihan biasanya dilaksanakan secara berkumpulan yang akan memberi cabaran secara indvidu dalam mengatasi cabaran yang dihadapi. Hasilnya mereka akan memperoleh keberanian, keyakinan diri dan rasa puas hati setelah mencapai sesuatu kejayaan.

F. SISTEM LATIHAN APMM

76. Tugas utama pendidikan dan latihan pegawai penguat kuasa maritim adalah untuk melahirkan pegawai dan anggota yang berpengetahuan tinggi dan berkemahiran dalam bidang penguatkuasaan undang-undang di ZMM. Sistem latihan merupakan proses yang kompleks dan melibatkan usaha melatih individu agar mempunyai kebolehan yang pelbagai dan kecenderungan mencapai prestasi tinggi.

77. Untuk mencapai tujuan ini, pelbagai pendekatan dan teknik latihan diaplikasikan supaya selaras dengan keperluan dan kehendak perkhidmatan. Pembangunan silibus, pakej latihan, TNA, Takwim Latihan Tahunan dan sebagainya sentiasa melalui proses penambahbaikkan dari segi struktur, teknik, polisi dan dasar serta prosedur yang menjurus pada fungsi latihan dalaman APMM.

TRAINING NEED ANALYSIS

78. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2005 (Pelaksanaan Pelan Latihan Sumber Manusia Sektor Awam) telah menetapkan bahawa tanggungjawab penggubalan struktur, program dan kurikulum latihan di peringkat Kementerian/Jabatan adalah berdasarkan Pelan Latihan yang berkenaan. Sesuai dengan itu, jenis keperluan latihan yang dikategorikan sebagai *policy norm,* di mana keperluan latihan telah ditetapkan oleh suatu arahan pentadbiran/undang-undang untuk dipatuhi. Maka, pekeliling yang berkenaan sebenarnya adalah merupakan sebuah keperluan (*needs*) kepada jabatan bagi membangunkan sebuah pelan latihan yang lengkap bagi ke semua kakitangan jabatan. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2005 juga telah mensyaratkan agar struktur latihan dibangunkan berdasarkan beberapa tahap seperti:

78.1 Peringkat Pendedahan Kompetensi;
78.2 Penerapan Kompetensi;
78.3 Pembangunan Kompetensi;
78.4 Peningkatan Kompetensi;
78.5 Pengukuhan Kompetensi;dan
78.6 Peralihan Kerjaya.

79. Semua peringkat ini telah dibuat sedikit pengubahsuaian di mana struktur latihan di atas telah digantikan dengan peringkat-peringkat latihan (Tahap 1 hingga 6) berdasarkan Gred dan Kumpulan kakitangan. Memandangkan keperluan latihan yang dikenalpasti adalah jenis *policy norm,* secara automatik audit perbezaan kompetensi (*competency gap*) tidak perlu dijalankan kerana keperluan bagi mematuhi sesuatu peraturan/pekeliling adalah jelas dan muktamad. Keperluan jenis ini memerlukan pembangunan objektif latihan dibangunkan berdasarkan *policy norm* yang berkenaan. Bagi jenis-jenis keperluan latihan yang lain, kebanyakannya memerlukan audit perbezaan kompetensi bagi mengenalpasti jurang kemahiran yang wujud serta merangka langkah-langkah pembetulan bagi memastikan jurang kemahiran dapat diperbaiki.

80. Setiap Pegawai Penguat Kuasa APMM perlu diberi latihan berdasarkan enam (6) tahap yang telah dikenalpasti. Tahap Kesukaran Taksonomi di setiap peringkat yang dibangunkan iaitu Pengetahuan (*Knowledge*), Kefahaman (*Comprehension*), Mengaplikasi (*Application*), Analisis (*Analysis*), Menghuraikan/perincian (*Synthesis*), Menilai (*Evaluation*) dan Merekacipta (*Creating*). Enam (6) tahap yang dibangunkan akan memenuhi kemahiran seperti berikut:

80.1 **Tahap 1: Kumpulan Laskar Kelas II Maritim**

Tahap kemahiran ini adalah di peringkat *Operation and Production Level*. Tugas mereka sebagai Pembantu Penguat Kuasa Maritim. Mereka perlu trampil melaksanakan berbagai tugas dan set aktiviti kerjayang berjadual, disusun berbentuk rutin, *predictable* dan masih perlu dikawal selia oleh anggota yang lebih kanan. Tahap kemahiran berdasarkan Taksonomi adalah pengetahuan kefahaman dan amat sedikit elemen aplikasi.

80.2 **Tahap 2: Kumpulan Laskar Kelas I Maritim dan Laskar Kanan Maritim**

Tahap kemahiran ini adalah di peringkat *Operation and Production Level*. Tugas mereka adalah sebagai Penolong Penguat Kuasa Maritim. Mereka perlu berketrampilan melaksanakan pelbagai tugasan dan lain-lain yang *non-routine*. Mereka juga boleh diberi tanggungjawab persendirian dan kuasa tetapi dalam situasi yang terhad. Tahap kemahiran berdasarkan Taksonomi adalah sedikit kepada pengetahuan dan lebih kepada kefahaman dan aplikasi.

80.3 **Tahap 3: Kumpulan Bintara Muda Maritim (Lantikan) hingga Pegawai Waran I Maritim**

Tahap kemahiran ini adalah di peringkat *Supervisory Level*. Tugas mereka adalah sebagai Penyelia Penguat Kuasa Maritim. Mereka adalah individu yang kompeten dengan memiliki pengalaman yang luas dalam jenis-jenis penugasan dan aktiviti. Pada peringkat penyeliaan ini, pegawai adalah kompeten, bertanggungjawab, mengawal, membuat keputusan di bawah bidang kuasa yang diberi

dan memberi tunjuk ajar kepada anggota bawahan. Tahap kemahiran berdasarkan Taksonomi adalah sedikit kepada pengetahuan serta kefahaman dan lebih kepada aplikasi.

80.4 **Tahap 4: Kumpulan Leftenan Muda Maritim dan Leftenan Madya Maritim**

Tahap kemahiran adalah di peringkat Eksekutif. Mereka kompeten dalam melaksanakan pelbagai tugas teknikal dan profesional. Bertanggungjawab kepada pegawai dan anggota di bawah jagaannya. Tahap kemahiran berdasarkan Taksonomi adalah lebih kepada aplikasi, analisis dan sedikit sintesis. Bagi pegawai lantikan baru iaitu Leftenan Muda Maritim, tahap kemahiran juga difokuskan kepada pengetahuan dan kefahaman.

80.5 **Tahap 5: Kumpulan Leftenan Maritim dan Leftenan Komander Maritim**

Tahap kemahiran adalah di peringkat pengurus. Mereka kompeten dalam mengaplikasikan sebarang dasar dan peraturan yang biasa serta kompleks atau yang tidak diduga. Di peringkat ini, mereka bertanggungjawab dan berkuasa kepada tugas yang dijalankan dan ke atas pegawai di bawah jagaannya. Berkemampuan dalam membuat sebarang kajian, merancang, melaksana dan melakukan penilaian. Mempunyai ciri kepimpinan yang baik dan tahap kemahiran yang tinggi berdasarkan Taksonomi adalah lebih kepada aplikasi, analisis, sintesis dan menilai.

80.6 **Tahap 6: Kumpulan Komander Maritim hingga Laksamana Pertama Maritim**

Tahap Kemahiran adalah pada tahap Pengarah Maritim Negeri/Cawangan, Ketua Zon Maritim dan lain-lain jawatan yang memerlukan tahap pemikiran tinggi dan dapat membuat keputusan yang tepat dalam sebarang perkara. Kumpulan ini dapat menghasilkan hasil yang luar daripada kebiasaan di mana idea yang diberikan dapat meningkatkan tahap *profesionalisme* dalam Agensi.

81. Pra syarat kepada mana-mana pegawai penguat kuasa APMM yang telah dipilih berkhidmat di Agensi ini perlu mengikuti Standard Kemahiran yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah kecuali diberi pengecualian disebabkan kemahiran khusus yang dimililikinya sehingga Standard Kemahiran mereka dibangunkan. Untuk memenuhi kesemua laluan bidang pekerjaan Pegawai Penguat kuasa Maritim, dua (2) aspek penting dalam pelan ini adalah aspek pusingan kerja (*job rotation*) dan aspek pemerkasaan tugas (*job enrichment).* Pusingan kerja adalah asas untuk memberi pendedahan dan pengalaman kepada pegawai dalam pelaksanaan tugas. Sementara itu, *job enrichment* pula adalah bentuk latihan untuk memberi kemahiran-kemahiran yang spesifik semasa dan sebelum pegawai ditugaskan di lapangan.

BUKU TUGAS

82. Buku Tugas bertujuan untuk menyediakan rancangan dan rekod tentang individu yang menjalani LSK. Setiap buku tugas mengandungi senarai tugas yang dinyatakan dari segi pelakuan yang berkait langsung dengan kerja, pangkat dan/atau kategori individu yang menerima arahan. Penyempurnaan buku tugas tersebut adalah satu langkah dalam proses mencapai kecekapan profesional.

83. Buku tugas akan menjadi alat untuk mencapai objektif kursus latihan individu yang tidak dapat dicapai di institusi latihan formal. Konsep ini menggabungkan LSK dan latihan formal menjadi satu rancangan yang mantap. Seseorang pelatih dianggap gagal dan belum sempurna LSK selagimana buku tugasnya tidak disempurnakan dengan jayanya. Penyeliaan, penyusunan, penyerahan dan pentadbiran buku tugas adalah tanggungjawab institusi dan unit latihan yang ditetapkan. Buku tugas hendaklah diteliti dan diluluskan oleh Negeri/Zon Maritim masing-masing dengan persetujuan Pengarah Bahagian Sumber Manusia Ibu pejabat APMM.

STRATEGI LATIHAN

84. Strategi Latihan adalah pendekatan bagi meningkatkan tahap kecekapan dan kompetensi pegawai penguat kuasa maritim seperti berikut:

84.1 Mengemaskini silibus atau TNA mengikut keperluan semasa;

84.2 Memastikan semua warga APMM menghadiri sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kursus dalam setahun;

84.3 Melaksanakan sekurang-kurangnya 70% daripada kursus yang (dalaman/luaran/*ad hoc*) dilaksanakan pada tahun semasa;

84.4 Menyediakan program latihan secara berterusan dan mengikut keperluan Agensi;

84.5 Membuat maklum balas, laporan, pemantauan dan penilaian terhadap kursus-kursus/latihan yang dilaksanakan;

84.6 Memastikan setiap kursus/latihan yang dilaksanakan diberi nilai sekala sekurang-kurangnya 70% BAIK atau MEMUASKAN dalam borang penilaian atau maklum balas kursus;

84.7 Kemudahan fasiliti yang baru serta alat bantuan mengajar yang bersesuaian digunakan sebaik mungkin;

84.8 Memastikan jurulatih yang berpengalaman dan pengetahuan dalam mengendalikan, mengajar dan berkebolehan atau kepakaran dalam sesuatu kursus/latihan yang dilaksanakan;

84.9 Menjalinkan rangkaian kerjasama latihan dalam dan luar negara; dan

84.10 Mematuhi kehendak *Standard Training Certification and Watchkeeping* (STCW).

HALA TUJU LATIHAN

85. Hala tuju latihan adalah sesuatu yang digagaskan, dirancang dan dilaksanakan pasti mempunyai matlamatnya sendiri dan impak yang diharapkan. Perancangan hala tuju latihan diharap dapat mencari jalan penyelesaian ke atas permasalahan yang timbul pada masa kini dan menyediakan pelan tindak latihan dari aspek sistem, bentuk dan teknik latihan yang teratur. Perkara ini dapat dilihat melalui laluan kerjaya pengawai penguat kuasa maritim yang akan dinilai menerusi prestasi, potensi dan kompetensi yang dilalui. Kursus atau latihan juga akan dijadikan ukuran pencapaian selain daripada penilaian prestasi kerja untuk kemajuan atau kenaikan pangkat seseorang pegawai atau anggota APMM.

G. PENGURUSAN LATIHAN

86. Seperti sub sistem lain iaitu pengurusan sumber manusia, kewangan dan logistik, fungsi pendidikan dan latihan dalam APMM juga perlu diuruskan dengan berkesan dan cekap untuk memastikan agar latihan adalah berterusan.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

87. Peranan dan tanggungjawab organisasi APMM dibahagikan kepada:

87.1 Pengurusan Atasan

87.1.1 Merancang, merangka strategik dan menentukan bidang-bidang pengajian yang perlu diberi keutamaan untuk latihan jangka panjang dan jumlah pegawai dan anggota yang akan dijana bagi bidang kepakaran tertentu.

87.1.2 Merancang, mengenal pasti dan menentukan latihan yang berbentuk kursus jangka pendek/sederhana sama ada di dalam atau di luar negara.

87.1.3 Memastikan pemilihan pegawai-pegawai yang diperakukan untuk mengikuti latihan jangka pendek/sederhana/panjang mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Agensi selaras dengan dasar Kerajaan.

87.1.4 Merangka strategi, hala tuju dan polisi bagi pelaksanaan Pelan Latihan dan Pembangunan Kompetensi pegawai penguat kuasa APMM.

87.1.5 Memastikan pelan latihan yang mantap dirancang dan menyediakan peruntukan yang mencukupi supaya pelaksanaan program latihan adalah efektif dan produktif.

87.1.6 Memastikan polisi-polisi dan dasar latihan semasa Kerajaan dipatuhi dan dilaksanakan.

87.2 **Bahagian Sumber Manusia**

87.2.1 Mengurus dan mengawal keperluan serta peruntukan kewangan latihan dan pembangunan kompetensi pegawai dan anggota.

87.2.2 Menyelaras pelaksanaan program-program pensijilan dan pengiktirafan profesional serta kemahiran dalaman dan luaran termasuk ILA.

87.2.3 Merangka strategi dan mengurus program latihan penyelidik dan tenaga pengajar.

87.2.4 Menguruskan dan melaksanakan penilaian ke atas latihan/kursus yang dilaksanakan bersesuaian dengan model kompetensi yang telah ditetapkan.

87.2.5 Mengurus, mengawal, mengemaskini, merekod dan menyelenggara data latihan pegawai dalam sistem pangkalan data latihan.

87.2.6 Menyelenggara dokumen latihan dan penyelidikan untuk simpanan dan rujukan.

87.2.7 Membangunkan dan melatih tenaga pengajar, *coach and mentor.*

87.3 **Pengarah Pendidikan dan Latihan**

87.3.1 Merancang program latihan dan pembangunan kompetensi tahunan yang meliputi semua pegawai dan anggota di bawah seliaannya dengan merujuk kepada modul kompetensi yang telah digariskan.

87.3.2 Menyediakan pelan bimbingan *coaching* dan *mentoring* bagi semua pegawai dan anggota di bawah seliaannya.

87.3.3 Mengenal pasti dan memantau tahap kompetensi serta jurang prestasi (*performance gap*) bagi semua pegawai dan anggota di bawah seliaannya agar tahap kompetensi menepati tahap jawatan.

87.3.4 Menyediakan perancangan pelan kerja (*task plan*) bagi menyelia, memantau dan menilai keberkesanan program bimbingan yang dilaksanakan.

87.3.5 Memastikan skop kerja adalah bersesuaian dengan tahap kompetensi pegawai dan anggota.

87.3.6 Memastikan semua pegawai dan anggota mendapat latihan dan pengalaman kerja yang bersesuaian dan sistematik agar pembangunan kompetensi dapat dilaksanakan.

87.3.7 Memantau setiap pegawai dan anggota yang berada di bawah seliaannya mengikuti dan melengkapkan modul kompetensi yang telah digariskan/disediakan sebelum dipindahkan/dinaikkan pangkat.

87.3.8 Memastikan supaya semua pegawai yang menghadiri kursus menyedia dan mengemukakan laporan kursus/salinan sijil/dokumen berkaitan bagi tujuan pengesahan kehadiran dan perkongsian pengetahuan setelah selesai menjalani kursus berkaitan.

87.3.9 Memastikan semua penyertaan dalam kursus-kursus direkodkan di dalam Buku Perkhidmatan pegawai dan anggota yang berkenaan.

87.4 Bahagian Kompetensi dan Kawalan Mutu, AMSAS

87.4.1 Mengurus dan mengawal keperluan serta peruntukan kewangan latihan dan pembangunan kompetensi pegawai.

87.4.2 Melaksanakan kajian keberkesanan latihan kepada pelatih yang akan menamatkan LSK di kapal.

87.4.3 Menguruskan dan menjalankan penilaian ke atas latihan/kursus yang dilaksanakan bersesuaian dengan model kompetensi yang telah ditetapkan.

87.4.4 Mengurus, mengawal, mengemaskini, merekod dan menyelenggara data latihan pegawai dalam sistem pangkalan data latihan APMM.

87.4.5 Menyelenggara dokumen latihan dan penyelidikan untuk simpanan dan rujukan.

87.4.6 Membangunkan dan melatih tenaga pengajar, *coach and mentor.*

87.5 **Ketua Program**

87.5.1 Merancang dan merangka strategik untuk membangunkan kepakaran teknikal yang telah dikenalpasti melalui Pelan Latihan dan Pembangunan Kompetensi untuk menjadikan Jabatan sebagai pakar bidang pembangunan infrastruktur.

87.5.2 Menyediakan program latihan tahunan atau takwim latihan tahunan (Pelan Latihan dan Pembangunan Kompetensi) pegawai dan anggota selari dengan modul kompetensi yang telah digariskan dan berkonsepkan perkongsian ilmu pengetahuan dan pembelajaran berterusan.

87.5.3 Memastikan tenaga pengajar yang berkelayakan, bersesuaian dan berpengalaman dalam memberi latihan kepada pegawai dan anggota di bawah program latihan masing-masing.

87.5.4 Membangunkan tenaga pengajar Jabatan yang terlatih, berpengetahuan dan kompeten agar pembudayaan perkongsian ilmu pengetahuan dan pengalaman dapat diamalkan.

87.5.5 Menilai keberkesanan program latihan, Pelan Latihan dan Pembangunan Kompetensi yang telah dilaksanakan.

87.6 Pegawai Penguat Kuasa Maritim

87.6.1 Merancang keperluan latihan yang bersesuaian dengan jawatan, gred, tugas, objektif jabatan, pembangunan diri dan kompetensi jawatan.

87.6.2 Menghadiri dan mengikuti kursus yang diluluskan atau ditetapkan dengan penuh komitmen dan jaya.

87.6.3 Memastikan pembelajaran berterusan berlaku yang melibatkan latihan, pembelajaran dan pembangunan diri supaya menjadi pemimpin yang berpengetahuan, berwibawa, kompeten, berkualiti untuk melaksanakan tugas jabatan dan mengisi jawatan-jawatan strategik jabatan kelak.

87.6.4 Merancang pembangunan kompetensi, pengiktirafan profesional dan pensijilan sesuai dengan kerjayanya dengan menyediakan Pelan Pembangunan Individu (*Individual Development Plan, IDP*).

87.6.5 Menjadi coach and mentor kepada pegawai-pegawai bawahannya agar kemahiran dan pengetahuan yang dimiliki dapat dikongsikan (*knowledge sharing*) dan dipraktikkan bersama.

87.6.6 Menyediakan dan mengemukakan laporan kursus/salinan sijil/dokumen berkaitan bagi tujuan pengesahan kehadiran kepada Ketua Jabatan setelah selesai menjalani kursus agar semua penyertaannya direkodkan di dalam Buku Perkhidmatan.

87.7 **Unit Rancang Kursus Kluster Pengajian AMSAS**

87.7.1 Mengkoordinasi dan mentadbir kursus-kursus Asas serta membantu Unit-unit Pengajian AMSAS bagi melaksanakan kursus-kursus lanjutan.

87.7.2 Mengkoordinasi keperluan logistik kursus asas.

87.7.3 Menyelaras rancangan kursus latihan.

87.7.4 Menyediakan Rancangan Jadual Latihan mingguan bagi setiap kelas asas.

87.7.5 Mengkoordinasi keperluan bajet latihan tahunan dengan Unit Kewangan AMSAS.

87.7.6 Mengkoordinasi penyediaan Takwim Tahunan AMSAS dengan Unit Pengajian Lanjutan.

87.7.7 Merancang program latihan dan kursus lanjutan sesuai dengan Dasar Latihan APMM.

H. PELAKSANAAN LATIHAN

88. Bagi mencapai objektif dan merealisasikan Dasar Latihan Kementerian, Program Latihan, Penjadualan Latihan Tahunan, peranan dan tanggungjawab pihak-pihak berkaitan hendaklah dikenal pasti berasaskan kepada asas TNA. Pelaksanaan program latihan bagi pegawai dan anggota APMM telah dikaji supaya lebih responsif kepada beberapa keperluan/perubahan persekitaran di peringkat nasional dan global. Sehubungan dengan itu TNA yang digubal telah mengambil kira perkara-perkara seperti berikut:

88.1 **Mengenal Pasti Kompetensi (*Competency Identification*)**

Aktiviti mengenal pasti kompetensi akan membantu perancangan keperluan kursus bagi memastikan pegawai dan anggota memilik kompetensi yang diperlukan bagi sesuatu jawatan. Kursus-kursus dirancang dan disusun berdasarkan kesesuaian kursus-kursus berkenaan dengan peranan dan tugas dalam gred baru serta perlu mematuhi kluster kompetensi yang telah ditetapkan. Hal ini bertujuan untuk meningkatkan kompetensi jawatan yang disandang.

88.2 **Arahan Pekeliling Perkhidmatan**

Kursus yang dirancang seperti Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.2 Tahun 1992 adalah kursus-kursus wajib yang perlu dihadiri oleh pegawai dan anggota bagi tujuan pengesahan dalam jawatan. Kursusyang diwajibkan adalah PTM. Perancangan Latihan memberi keutamaan kepada kursus-kursus wajibyang telah disyaratkan di dalam skim perkhidmatan kerana melibatkan pengesahan jawatan yang disandang oleh pegawai dan anggota.

88.3 **Keperluan Jabatan/ Bahagian**

Kursus-kursus yang dirancang khusus untuk meningkatkan kompetensi pegawai dan anggota untuk melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan dalam melaksanakan fungsi khusus Jabatan/ Bahagian. Keperluan kursus lebih tertumpu kepada kursus-kursus fungsional.

KAEDAH PENYEDIAAN *TRAINING NEED ANALYSIS*

89. Kaedah penyediaan dan pengumpulan data-data TNA dilaksanakan seperti berikut:

89.1 **Peringkat Kementerian**

Kaedah pengumpulan TNA di peringkat Kementerian dilaksanakan oleh Bahagian Sumber Manusia, Ibu pejabat APMM melalui beberapa saluran seperti berikut:

89.1.1 Arahan daripada *stakeholder* mengikut kesesuaian dan keperluan semasa organisasi;

89.1.2 Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT);

89.1.3 Maklum balas keperluan latihan yang diperoleh semasa perjumpaan antara wakil pekerja dengan pihak pengurusan;

89.1.4 TNA daripada Jabatan/Bahagian; dan

89.1.5 Lain-lain kaedah pengenalpastian yang bersesuaian.

89.2 **Peringkat Bahagian/Jabatan**

Kaedah pengumpulan data-data TNA di peringkat Jabatan/Bahagian dilaksanakan oleh Jabatan/Bahagian masing-masing yang diperolehi melalui beberapa saluran seperti berikut:

89.2.1 Arahan daripada *stakeholder* mengikut kesesuaian dan keperluan kompetensi khusus Jabatan Bahagian;

89.2.2 Pemerhatian ketua Jabatan/Bahagian ke atas keperluan fungsional Jabatan/Bahagian;

89.2.3 Maklum balas daripada kakitangan Jabatan/Bahagian menerusi kajian keperluan kursus seperti kaedah soal selidik; dan

89.2.4 Lain-lain kaedah pengenalpastian yang bersesuaian.

METODOLOGI LATIHAN

90. Metodologi latihan yang diamalkan dan dipraktikkan dalam pengendalian kursus telah dipelbagaikan bagi memberi impak maksimum kepada peserta. Antara kaedah-kaedah yang digunakan adalah seperti berikut:

90.1 Ceramah;
90.2 Bengkel;
90.3 Latihan Dalam Kumpulan;
90.4 *Role Play*;
90.5 Latih amal;
90.6 Simulasi;
90.7 *Game*; dan
90.8 Lain-lain yang bersesuaian.

91. Program Latihan dan Penjadualan Kursus menyenaraikan secara spesifik latihan-latihan yang dirancang dalam sesuatu tahun tersebut. Antara lain mengandungi senarai latihan yang akan dilaksanakan, objektif kursus, badan/ institusi yang menganjurkannya, tempoh dan tarikh serta kumpulan sasaran yang terlibat.

92. Pencalonan peserta kursus dikendalikan oleh Bahagian Sumber Manusia, Ibu Pejabat APMM. Permohonan penyertaan kursus dalam Takwim Tahunan adalah seperti berikut:

92.1 Pencalonan dibuat dan melalui Ketua Jabatan/Bahagian/Unit;

92.2 Pencalonan dibuat berdasarkan kepada maklumat kursus/jadual kursus yang dinyatakan dalam Takwim Tahunan; dan

92.3 Pemilihan terus calon adalah berdasarkan kepada kesesuaian kursus dengan bidang tugas.

93. Kursus-kursus yang dirancang di bawah Takwim Tahunan akan dikendalikan oleh AMSAS dan Bahagian Sumber Manusia APMM. Pengendalian kursus mestilah mematuhi semua Pekeliling Perbendaharaan dan Pekeliling Perkhidmatan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa. Peranan untuk membangunkan dan melaksanakan semua jenis latihan dalam APMM perlu dipertanggungjawabkan kepada AMSAS. Bahagian-bahagian lain dalam Agensi boleh mencadangkan sebarang kursus atau latihan bersesuaian mengikut kehendak perkhidmatan yang sentiasa berubah.

I. PROFIL LATIHAN

94. APMM menggariskan pembelajaran sebagai proses membina yang melibatkan himpunan pengalaman yang sebahagian daripadanya diperoleh melalui program latihan formal sementara sebahagian yang lain pula melalui interaksi dan pendedahan pada persekitaran kerja. Untuk mendapat hasil yang terbaik, latihan bagi individu perlu diperluaskan namun mempunyai selang masa dengan jangka masa amali dalam tugasan kerja yang wajar.

95. Pengarah Bahagian Sumber Manusia Ibu pejabat APMM dan Pengarah Pendidikan dan Latihan AMSAS hendaklah membina strategi umum yang memudahkan peluasan progresif pengetahuan dan kemahiran di kalangan pegawai penguat kuasa maritim. Fungsi latihan amat berkait rapat dengan fungsi pengurusan sumber manusia. Kedua-dua sistem mesti saling melengkapi sekiranya APMM berhasrat mencipta satu organisasi pembelajaran yang menghasilkan pegawai dan anggota yang bermutu dan berkualiti.

FASA PROFIL LATIHAN

96. Latihan APMM bukan sahaja peningkatan ketrampilan beransur-ansur melalui satu siri program latihan dan diselangi tugasan kerja tetapi mempunyai hubung kait dengan polisi kenaikan pangkat. Terdapat tiga (3) fasa berturutan dan ada kalanya bertindih dalam struktur latihan APMM:

96.1 **Peringkat Asas (1 hingga 3 Tahun)**

Latihan Peringkat Asas dilaksanakan kepada semua pegawai dan anggota APMM yang berkhidmat dari mula pelantikan sehingga tempoh tiga (3) tahun. Tahap Latihan pada peringkat ini ialah Tahap Penerapan Kompetensi yang bersifat umum dan penekanan latihan menfokuskan kepada perkhidmatan. Ciri-ciri tahap ini ialah:

96.1.1 Pemahaman maklumat dan fungsi organisasi;

96.1.2 Orientasi kepada persekitaran kerja;

96.1.3 Penyesuaian diri dengan etika dan budaya kerja Agensi; dan

96.1.4 Perkara-perkara asas di dalam pekerjaan.

Dalam tempoh masa fasa awal ini, calon pegawai dan anggota akan menjalani latihan asas dan latihan kerjaya. Fasa ini memberi mereka asas untuk berintegrasi dan berinteraksi dengan orang lain. Tahap latihan yang akan dijalankan pada peringkat ini ialah Tahap Penerapan Kompetensi yang bersifat umum dan penekanan diberikan kepada perkhidmatan yang disediakan oleh Agensi.

96.2 **Peringkat Pertengahan (3 hingga 10 Tahun)**

Latihan Peringkat Pertengahan melibatkan Tahap Pembangunan Kompetensi dan Tahap Peningkatan Kompetensi kepada pegawai dan anggota yang telah berkhidmat di antara tiga (3) hingga 10 tahun.

96.2.1 **Tahap Pembangunan Kompetensi**

Bertujuan menyediakan pegawai dan anggota yang berkebolehan dan berkeupayaan melakukan sesuatu tugas dengan cepat dan menepati piawaian umum yang tertentu. Ciri-ciri ini ialah:

i. Membangunkan keupayaan berkomunikasi;

ii. Membangunkan keupayaan memahami, merancang dan menganalisis tugasan;

iii. Membangunkan kebolehan menyelia, mengurus serta mentadbir; dan
iv. Membangunkan kemahiran-kemahiran teknikal.

96.2.2 **Tahap Peningkatan Kompetensi**

Bertujuan untuk memantapkan kemahiran baru kepada pegawai dan anggota. Ciri-ciri ini ialah:

i. Memantapkan mutu kerja yang lebih tinggi;
ii. Memantapkan tahap kepakaran;
iii. Memantapkan tahap profesionalisme;
iv. Memantapkan keupayaan dan kemahiran kepimpinan;
v. Mengukuhkan kepimpinan;
vi. Memantapkan integriti;
vii. Memantapkan keupayaan membuat keputusan; dan
viii. Menyediakan kebolehan mewujudkan jaringan (*networking*).

96.2.3 **Peringkat Lanjutan (melebihi 10 tahun)**

Latihan Peringkat Lanjutan dilaksanakan kepada pegawai dan anggota yang telah berkhidmat lebih 10 tahun. Tujuannya ialah untuk meningkatkan kemahiran sedia ada dan mendedahkan kemahiran baru bagi meningkatkan kompetensi pegawai. Ciri-ciri tahap ini ialah:

i. Mengembangkan kebolehan dan keupayaan;
ii. Mengukuhkan kepimpinan;
iii. Memantapkan integriti;
iv. Memantapkan keupayaan membuat keputusan; dan
v. Menyediakan kebolehan mewujudkan jaringan (*networking*).

96.2.4 **Peringkat Peralihan (2 tahun sebelum bersara)**

Latihan Peringkat Peralihan dilaksanakan kepada pegawai dan anggota yang akan meninggalkan perkhidmatan dalam tempoh dua (2) tahun sebelum bersara. Tujuan tahap ini diolah adalah untuk mempersiapkan dan menyedia pegawai dan anggota Perkhidmatan Awam yang bakal meninggalkan perkhidmatan kepada pengetahuan dan persekitaran baru dalam menempuh cabaran hidup selepas bersara. Ciri-ciri tahap ini seperti digariskan adalah seperti berikut:

i. Menyediakan kebolehan mewujudkan jaringan (*networking*);
ii. Menyediakan pengetahuan mengenai peluang dan cabaran baru;
iii. Menyediakan ketahanan mental dan psikologi; dan
iv. Menyediakan kebolehan menangani tekanan dan cabaran.

97. Struktur latihan dalam perkhidmatan mengikut peringkat latihan dan tempoh perkhidmatan adalah seperti di Rajah 7.



Rajah 7: Struktur Latihan Dalam Perkhidmatan mengikut Peringkat Latihan dan Tempoh Perkhidmatan

J. PENGURUSAN KEGAGALAN LATIHAN

98. Kegagalan semasa dalam latihan akan memberi kesan secara langsung kepada sistem latihan yang sedia ada dan juga kepada tahap prestasi semasa pelatih. Mengulangi latihan atau memberhentikan pelatih dari latihan adalah mahal dan akan memberi tekanan kepada individu terlibat.

99. Kegagalan dalam latihan boleh berlaku disebabkan pelbagai faktor. Sehubungan itu, sebarang usaha perlu dibuat bagi memastikan kepentingan perkhidmatan dan individu diambil kira apabila timbulnya masalah tersebut.

NASIHAT DAN KAUNSELING

100. Nasihat dan kaunseling merupakan salah satu kaedah yang terbaik dalam menguruskan kegagalan dalam latihan. Prinsip penting yang perlu dititikberatkan adalah dengan mengenalpasti punca awal kegagalan dan seterusnya menggunakan kaedah yang bersesuaian kepada pelatih terlibat. Ia bertujuan untuk melindungi Agensi daripada kerugian dan pada masa yang sama dapat melindungi kepentingan individu.

101. Unit Kaunseling AMSAS perlu bertindak sebagai pusat nasihat dan kaunseling awal kepada pelatih. Jika masalah masih berterusan, perkara ini boleh dipanjangkan kepada Unit Kaunseling Ibu Pejabat APMM untuk tindakan selanjutnya.

JAWATANKUASA DISIPLIN

102. Pelatih yang masih melanggar peraturan dan gagal dalam peperiksaan selepas mendapatkan khidmat nasihat dan kaunseling akan dipanggil untuk disiasat oleh Jawatankuasa Disiplin yang dilantik.

103. Perkara-perkara yang membolehkan tindakan disiplin diambil adalah:

103.1 Kesalahan-Kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993;

103.2 Akta-akta yang berkaitan;

103.3 Perintah Tetap Ketua Pengarah APMM (PTKP APMM) dan Arahan Ketua Pengarah APMM (AKP APMM);

103.4 Arahan Tetap Pengarah Pendidikan dan Latihan AMSAS (ATPPL AMSAS); dan

103.5 Arahan-arahan semasa.

104. Sekiranya berlaku sebarang salah laku, penganjur kursus hendaklah memajukan laporan kepada Unit Integriti APMM. Unit tersebut akan mengesyorkan tindakan sewajarnya kepada Lembaga Tatatertib yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah untuk mendapatkan keputusan.

105. Bagi salah laku yang dilakukan pegawai Agensi, Ketua Pengarah akan menurunkan kuasa kepada Unit Integriti APMM untuk tindakan disiplin termasuklah menjalankan penyiasatan melibatkan kes salah laku, membicarakan kes-kes disiplin, penggantungan kursus dan kesalahan yang boleh ditamatkan perkhidmatan melibatkan pegawai Agensi (Gred T12 ke bawah) dan pegawai gunasama (Gred 40 ke bawah) tetapi tidak melibatkan kes jenayah. Manakala, pegawai Agensi (Gred T13 ke atas) dan pegawai gunasama (Gred 41 ke atas) adalah tertakluk kepada syor oleh Unit Integriti APMM kepada Ketua Pengarah untuk pertimbangan sebelum diangkat ke JPA untuk proses selanjutnya.

106. Bagi salah laku yang dilakukan pegawai agensi luar, penganjur hendaklah memajukan laporan bertulis kepada agensi luar yang berkaitan melalui Bahagian Sumber Manusia APMM dan salinan dihantar kepada Ketua Pengarah APMM dan agensi luar berkenaan.

KETIDAKHADIRAN KURSUS

107. Penganjur kursus hendaklah mengeluarkan surat tunjuk sebab atas ketidakhadiran kepada peserta kursus melalui Ketua Jabatan dan perlu dijawab dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh surat diterima.

108. Penganjur kursus hendaklah memutuskan sama ada untuk menerima atau sebaliknya penjelasan atas ketidakhadiran peserta kursus. Sebarang kelewatan surat penjelasan ketidakhadiran tidak akan diterima dan tindakan susulan akan diambil oleh pihak penganjur.